

"BANGSA yang maju juga adalah bangsa yang dapat mengekalkan jati dirinya. Bangsa-bangsa lain akan mengenalinya menerusi sifat dan watak jati diri itu. Bangsa yang berjati diri pasti akan dihargai dan dihormati oleh semua orang." - Titah sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 22 Syawal 1427 bersamaan 14 November 2006.



"DARI 'Aisyah Radiallahu-anha telah berkata ia, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sebaik-baik amalan kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah perbuatan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit." (Riwayat Al-Imam Muslim).

TAHUN 52 BILANGAN 43

RABU 24 OKTOBER 2007/1428 رابو 12 شوال

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

ILMUAN MESTI JADI PAKAR PEMIKIR



40 Tahun Memimpin
Negara Aman Sejahtera

Oleh : Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 23 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan supaya para ilmuwan dan pelajar mesti menjadi mentor (pembimbing), guru dan pakar pemikir.

Mereka adalah sumber budaya intelektual yang patut disokong dan didukung untuk melahirkan budaya yang sihat itu.

Pada waktu yang sama menurut titah baginda para ilmuwan di bidang masing-masing juga mempunyai peranan berbeza dalam membangunkan negara selain menjadi penjana modal insan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan perkara tersebut di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2007 anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Pada majlis itu baginda juga bertitah menyatakan bahawa orang-orang berilmu lagi beriman mendapat pujian daripada Allah dan boleh mengalihkannya ke ibadat kerana ahli ibadat beribadat untuk diri mereka sendiri sedang ahli ilmu menyumbangkan ilmu mereka untuk kesejahteraan bersama.

Baginda seterusnya berharap, sumbangan yang sedemikian itu akan dapat diketaraikan menerusi dedikasi dan tugas masing-masing sementara para pelajar pula juga hendaklah menegakkan diri mereka selaku anak bangsa yang terdidik dan berpelajaran kerana mereka adalah generasi teladan.

"Para ilmuwan termasuk pelajar adalah golongan yang diikut disebabkan kesempurnaan sifat dan pembawaan mereka, bukan menjadi pengikut kepada syakhsiah-syakhsiah yang cacat akhlak, walau siapapun mereka," tegas titah baginda.

Itulah yang patut menjadi wawasan kita tegas titah baginda, kerana il-

muan dan pelajar bersifat pencorak, pemikir dan pemimpin masa kini dan akan datang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menaruh keyakinan, dedikasi ikhlas dan komitmen tinggi mereka terhadap tanggungjawab kepimpinan seperti itu akan mengukuhkan lagi kewibawaan dan kredibiliti mereka di kalangan masyarakat.

Semua masyarakat dan pihak-pihak pentadbir serta pengurus hal ehwal pendidikan tegas titah baginda, patut memberikan sokongan moral malahan mungkin sokongan kewangan untuk kecemerlangan.

Berangkat sama di majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.



Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para ilmuwan di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2007 anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Cari huraian isu kemasyarakatan, ekonomi dan perubahan

Oleh : Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 23 Oktober. - Para akademik perlu menggunakan kemampuan dan kepakaran masing-masing untuk mencari huraian-huraian praktikal mengenai isu-isu sosial kemasyarakatan, ekonomi, kewangan, perubahan dan seumpamanya.

Ini kerana, seperti yang dimaklumi ahli-ahli akademik itu mempunyai kepakaran untuk melakukan penyelidikan-penyelidikan yang berautoriti.

"Apakah dalam keperluan-keperluan seperti ini mereka tidak patut dibantu dan disokong?" titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari

Raya Aidilfitri Tahun 2007 anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, rata-rata dunia hari ini berhadapan dengan dilema kemiskinan maka kenapa kepakaran tidak dimanfaatkan untuk mengkaji punca-punca kemiskinan serta bagaimana langkah mengatasinya.

Demikian juga dalam bidang ekonomi jelas titah baginda, apakah tidak patut kepakaran digunakan untuk memandu, menasihati dan mencetuskan idea-idea baru yang lebih inovatif dan progresif supaya perkembangan sektor perusahaan kecil dan sederhana (SME) lebih menyerlah

lagi, sehingga mampu menjadi pemangkin kepada kepelbagaian sumber ekonomi negara.

Begitu juga di bidang kewangan tambah titah baginda, mengapakah kepakaran tidak terlibat untuk penyelidikan isu-isu utama mengem- bangkan sektor kewangan dan insuran Islam dan lain-lain seumpamanya.

Kebawah DYMM berharap beberapa contoh yang baginda sebutkan itu akan dapat menjadi bahan renungan untuk dikongsikan bersama.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB tahun ini mengetengahkan kalangan ilmuwan terdiri dari pegawai-pegawai utama dan tenaga-tenaga akademik di pusat-pusat pengajian tinggi dan pusat-pusat latihan kemahiran.

TAHUKAH AWDA

MENURUT Majlis Ugama Islam Brunei seramai 16,186 orang fakir miskin dari 3,747 keluarga menerima agihan wang zakat tahun 2007 dengan jumlah keseluruhan agihan wang zakat sebanyak \$9,722,310.00 (\$9.72 juta) diterima menerusi akaun bank mereka masing-masing, manakala selebihnya menerima melalui amil-amil yang dilantik. Kadar agihan wang zakat harta benda kepada asnaf fakir miskin tahun 2007 sebanyak \$1,200.00 bagi setiap ketua keluarga dan \$360.00 bagi setiap seorang tanggungan mereka menerima selama 12 bulan mulai bulan Oktober 2007. Kadar agihan tersebut sama seperti tahun 2006, manakala kadar agihan wang zakat fitrah diberikan sekali sebanyak \$100.00 bagi setiap ketua keluarga dan \$30.00 bagi setiap seorang tanggungan. Kutipan zakat fitrah tahun lalu meningkat sebanyak 3.05 peratus dari tahun sebelumnya menjadikan jumlahnya sebanyak \$804,575.10, manakala zakat harta yang diterima dalam masa setahun sehingga 31 Ogos 2007 menurun sebanyak 41.43 peratus dari tahun sebelumnya iaitu sebanyak \$8,868,211.54 iaitu menurun sebanyak \$6,271,926.34 (\$6.27 juta). - Sumber dari PELITA BRUNEI keluaran 10 Oktober 2007.



24 OKTOBER 2007 BERSAMAAN 1428 12 شوال

MANTAPKAN MEKANISME KUTIPAN ZAKAT HARTA

MENURUT statistik Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, kutipan zakat harta yang diterima dalam masa setahun sehingga 31 Ogos 2007 hanyalah berjumlah sebanyak \$8,868,211.54. Walaupun dalam jangka masa yang sama pada tahun 2005, jumlah kutipan ialah \$18.9 juta. Statistik itu jelas menunjukkan penurunan sebanyak \$6,271,926.34 atau menurun sebanyak 41.43 peratus dari tahun sebelumnya. Jumlah kutipan yang secara langsung memperlihatkan penurunan yang drastik dalam masa tempoh setahun. Jumlah penurunan yang amat besar dan ketara.

Sebagai perbandingan, jumlah kutipan zakat fitrah bagi tahun 2006 ialah sejumlahnya \$804,575.10. Pertambahan ini meningkat sebanyak \$23,785.13 atau 3.05 peratus dari tahun 2005.

Penurunan kutipan zakat harta ini menjadi fokus utama titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2007 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 12 Oktober yang lalu. Baginda amat terkilan dengan penurunan itu yang baginda sifatkan amat ketara.

Sememangnya kita juga amat hairan dengan penurunan kutipan zakat harta itu sedangkan seperti yang diketahui unjuran pertumbuhan ekonomi negara meningkat naik sehingga lima peratus. Kita juga merasa hairan mengapa kutipan tahun 2006 itu jatuh secara mendadak dengan perkiraan penurunan yang amat besar jumlahnya. Sesungguhnya, jika difikirkan secara mendalam adalah tidak logik dan tidak masuk akal. Namun itulah realitinya, itulah kenyataan yang diterima.

Persoalannya mengapakah ianya menurun? Adakah ianya berpunca daripada penurunan ekonomi ataupun ianya ada kaitan dengan perubahan sikap kita dalam menunaikan zakat harta.

"Pada hemat beta, ini tentu sahaja ada faktor yang menyebabkannya berubah, sama ada ia faktor dalam daripada masyarakat sendiri ataupun faktor lain. Adapun faktor dalam ini mungkin sahaja ia bersebab dari keyakinan masyarakat terhadap mekanisme zakat belum mantap, yang menjadikannya satu daripada punca hasil kutipan zakat tidak tetap, atau turun naik dengan ketara."

Dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mahu agar pihak berkenaan yang diamanahkan agar menanganinya dengan bijaksana dan menanganinya dengan kajian-kajian terperinci lagi berkesan.

Jika ianya berpunca daripada kelemahan mekanisme pengutipan zakat harta sehingga membawa kutipan menurun, pihak berkenaan dalam kerajaan yang diberi tanggungjawab mengendalikannya mestilah merangka strategi baru yang lebih berkesan dalam menanganinya daripada terus berlarutan. Perkara penting ini tidak sepatutnya diambil mudah, dibiarkan berlaku begitu sahaja, tetapi yang mestilah dikaji secara terperinci sebab musababnya. Mencari jalan praktikal dalam merangka kemulut itu. Membentuk dan merangka formula yang bersistematis bagi menyelesaikan.

Sementara, jika betul ianya berpunca daripada faktor dalaman yang bernama 'keyakinan', maka janganlah kita biarkan ianya berlarutan tanpa ada perancangan dan usaha pelaksanaan yang berkesan. Kerana kita merasa gusar, jika tidak dipeduli dengan sesegeranya, keyakinan masyarakat terhadap mekanisme kutipan zakat akan hilang dan akhirnya langsung tidak dipedulikan. Ini sesuatu yang mengugurkan dan menimbulkan kekhawatiran di masa mendatang.

Ini sesuai dengan hasrat raja kita yang antara lain menekankan pentingnya pihak berkenaan bukan hanya setakat mengemukakan fakta dan data, tetapi lebih penting menanganinya dengan kajian-kajian terperinci tentang kemerosotan atau penurunan kutipan zakat berlaku.

Semogalah dengan adanya kajian mendalam akan memberikan kita maklumat yang berguna ke arah membuka jalan bagi mengesan lagi cara pengendalian zakat harta yang sekali gus akan mengatasi kemulut yang melanda itu.

Kita tidaklah mahu bertegang urat dalam perkara ini dan salah menyalahkan serta membuat cakakan dan andai-an 1001 macam persoalan. Apa yang penting semua pihak bekerjasama dan mencari jalan terbaik dalam menyelesaikan melalui perundingan dan per-muzakarahannya, bukannya jalan mentohmah membuat tuli tanpa usul periksa.

Adalah menjadi harapan kita agar kutipan ini akan meningkat pada tahun 2008. Kita amat percaya, penyumbang-penyumbang zakat harta akan mengeluarkan zakat harta mereka seperti lazimnya apabila cukup tempoh haulnya. Semogalah usaha kita dalam urusan zakat akan berhasil menterjemahkan tujuan serta hikmah ianya disyariatkan. Tanggungjawab dan amanah mengenainya amatlah besar dan berat.

HASRAT NEGARA

Didikan, dorongan akidah, sokongan moral membangun sahsiah sempurna

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULLILLAH, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita bersama-sama hadir di majlis yang berkebakikan ini. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat dan para sahabat baginda yang ta'at setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu beta sukacita mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran Urusan Rumah Tangga 2007, Persatuan PERTIWI, kerana mengundang beta untuk hadir dan seterusnya merasmikan Pameran Urusan Rumah Tangga sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-61.

Di tahun ini beta ingin menekankan lagi mengenai dengan tanggungjawab dalam hal ehwal menyempurnakan pengurusan rumah tangga dan keluarga.

Baru-baru ini kita mendengar atau membaca mengenai kejadian-kejadian anak-anak remaja yang lari dari rumah atau menghilangkan diri dari sisi keluarga mereka.

Apa yang membimbangkan adalah kejadian sedemikian nampaknya semakin banyak berlaku dan meningkat jumlahnya.

Pada hemat beta ini, menunjukkan bahawa cabaran-cabaran dan pengaruh kehidupan moden telah membawa akibat-akibat yang buruk terhadap suasana dan nilai kekeluargaan masyarakat kita.

Sememangnya disadari bahawa dengan kesibukan kerja dan usaha-usaha mencari mata pencarian, kedua-dua ibu bapa mungkin mempunyai masa yang terbatas untuk keluarga mereka masing-masing.

Justeru itu ada sebilangan kaum keluarga yang mengalami kesulitan dalam memberi perhatian dan tumpuan sepenuhnya kepada anak-anak mereka.

Dalam hal sedemikian kanak-kanak yang juga golongan remaja amat memerlukan kasih sayang, didikan, dorongan akidah serta sokongan moral dan

emosi untuk membangun sahsiah yang sempurna.

Ini adalah tanggungjawab kita sebagai ibu bapa dan penjaga kepada anak-anak kita yang terdiri daripada generasi masa depan negara ini.

Ianya adalah tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan dan tidak kurang

pentingnya dalam semua peringkat pembangunan akhlak, rohani dan jasmani anak-anak kita sehingga mereka mencapai tahap umur dewasa.

Beta berharap tanggungjawab ini dapat kita semua laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Pada akhirnya, beta

juga ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada pemenang-pemenang dan kesemua peserta pameran yang dapat meluangkan masa mereka untuk mengambil bahagian dalam persembahan serta pertunjukkan yang akan beta saksikan sebentar lagi.

Maka dengan mendahulukan kalimah 'Bis-



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam di Majlis Pembukaan Rasmi Pameran Urusan Rumah Tangga Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Ahad, 13 Syaaban 1428 Hijrah / 26 Ogos 2007 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

DALAM hal sedemikian kanak-kanak yang juga golongan remaja amat memerlukan kasih sayang, didikan, dorongan akidah serta sokongan moral dan emosi untuk membangun sahsiah yang sempurna.

millahir Rahmanir Rahim'. Beta dengan sukacitanya merasmikan Pameran Urusan Rumah Tangga Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-61.

Sekian Wabillahit Tawfiq Wal-hidayah. Wasallamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TAIB serah lebih 4 juta kutipan zakat kepada MUIB

Oleh : Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menerima kutipan zakat dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) yang diserahkan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

BERAKAS, Rabu, 10 Oktober. - Sejumlah B\$4,392,623.90 wang zakat dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) diserahkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) hasil kutipan zakat wang simpanan bagi tahun 2005 dan 2006.

Wang zakat bagi tahun 2005 sejumlah B\$2,145,233.14 manakala wang zakat bagi tahun 2006 berjumlah B\$2,247,390.76 diterima oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Wang zakat tersebut

diserahkan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB di Bilik Bunga Melor, Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Juga hadir di majlis penyerahan itu ialah Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai binti Pengiran Ali dan beberapa orang pegawai kanan dari MUIB.

Sehingga bulan Ogos tahun ini MUIB telah menerima sejumlah B\$8,868,211.54 berupa wang zakat harta dari beberapa buah syarikat perniagaan di negara ini.

Saranan agar kajian penurunan hasil zakat dikaji sangat wajar dan disanjung

Temu Bual Oleh : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn
Foto: Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Oktober. - Saranan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar kajian terperinci perlu dilakukan untuk mengetahui mengapa hasil kutipan zakat harta dalam tempoh 31 Ogos 2007 menurun sangat wajar dan disanjung tinggi dari pelbagai pihak.

Titah baginda sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 1428 Hijrah itu jelas mencerminkan kesungguhan baginda agar tanggungjawab bagi orang yang berhak mengeluarkan zakat khususnya zakat harta itu perlu dilaksanakan dengan sempurna menurut kewajipan yang difardakan dan disyariatkan dalam agama Islam.

"Turun atau naik kutipan zakat itu memang bergantung kepada orang ramai. Justeru saranan titah baginda perlunya kajian dilakukan itu merupakan satu saranan titah yang wajar dan menjadi 'guideline' kepada pihak-pihak berkenaan untuk mengeluarkan zakat dengan lebih berkesan," jelas Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Darussalam, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, ketika ditemu bual sempena Majlis Junjung Ziarah Pembesar Negara dan Diplomat Asing Sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman.

Menurut Yang Berhormat, terdapat banyak cara dalam memberi kesedaran yang berkesan mengenai kewajipan mengeluarkan zakat seperti berakad untuk memberi penerangan kepada pihak berkenaan.

"Dakwah mengenai kewajipan berzakat sangat mustahak untuk dipertingkatkan kerana apabila dakwah telah berjaya dikemaskan, dengan sendirinya kesedaran orang ramai mengenai kewajipan mengeluarkan zakat akan timbul," ujar Yang Berhormat sambil merasakan yakin dengan kesedaran yang timbul dengan sendirinya pengeluaran zakat juga akan meningkat.

Bagaimanapun, Yang Berhormat melahirkan rasa khuatir penurunan hasil kutipan zakat itu berpunca dari orang yang berhak mengeluarkan zakat tidak

mengerjakan kewajipan itu (mengeluarkan zakat).

Yang Berhormat mengingatkan bahawa jika tidak berzakat, ia bermakna orang berkenaan tidak memenuhi tuntutan agama dan merupakan satu dosa besar kerana mengeluarkan zakat juga sama seperti rukun-rukun Islam yang lain.

"Jika zakat dicirikan bermakna kita mencirikan Rukun Islam. Oleh kerana itu, fahaman terhadap mengeluarkan zakat itu adalah mustahak," tambah Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad juga menyanjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar kajian terperinci terdapatnya kekurangan hasil kutipan zakat harta sangat jauh menurun dari tahun yang lalu.

"Kita mengambil pendekatan bahawa zakat ini penting bagi kemakmuran negara kerana ia akan dapat membantu orang-orang yang berhak menerimanya untuk sama-sama meringankan



"DAKWAH salah satu cara beri pendekatan mengenai kewajipan mengeluarkan zakat harta ..." Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

bebanan mereka," jelasnya.

Menurutnya, zakat merupakan satu amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang yang mengeluarkan zakat kepada amil dan amanah itu perlu disempurnakan dengan sebaik-baiknya supaya kita tidak terlibat dengan dosa jika terdapatnya penyelewengan dengan perkara tersebut.

"Gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu merupakan paling berkesan dan tepat untuk menjadikan sebagai masyarakat MIB yang mendukung agama Islam, amanah, jujur, ikhlas kerana Allah. Dengan itu kita akan dapat menjadi sebuah masya-



"MENGELUARKAN zakat sangat penting bagi kemakmuran negara di samping membantu orang-orang yang berhak menerimanya untuk sama-sama meringankan bebanan ..." Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad.

rakat contoh dalam kehidupan beragama dan bernegara."

Beliau menasihatkan agar pendekatan yang lebih dekat seperti diberikan surat peringatan kepada semua penduduk, siapa yang memiliki cukup kemampuan perlu mengerjakan Rukun Islam ini.

Selain mengeluarkan risalah, Timbalan Menteri Pendidikan itu juga menjelaskan bahawa pihak media cetak dan elektronik juga perlu memainkan peranan penting dalam membarikan keperluan menjalankan tanggungjawab ini.



"PENYUMBANG-PENYUMBANG zakat telah menjalankan kewajipan mereka seperti biasa malah dilihat semakin meningkat ..." Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin mengakui penyumbang-penyumbang zakat telah menjalankan kewajipan mereka seperti biasa malah dilihat semakin meningkat.

Yang Berhormat juga berharap dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai penurunan kadar kutipan zakat itu akan memberi kesedaran lagi kepada mereka yang layak mengeluarkan zakat terutama sekali zakat harta.

Dari segi kesedaran beragama dalam mengeluarkan



KESEDARAN orang ramai mengenai kewajipan menunaikan itu perlu ditangguhkan semua pihak ..." Pengetua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

zakat, Yang Berhormat gem-bira dengan usaha-usaha pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memberi penerangan dan penjelasan kepada orang ramai.

Pengetua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin berharap kesedaran orang ramai mengenai kewajipan menunaikan kewajipan itu perlu ditanggung semua pihak.

"Orang ramai perlu diberi fahaman yang sangat jelas mengenai pengetahuan mengeluarkan zakat harta dari sudut ugama," jelas Yang Berhormat.

Ketepikan persepsi perbezaan belajar di dalam dan di luar negeri

Oleh :
Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 17 Oktober. - Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman yang juga Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengingatkan bakal graduan di universiti itu supaya

mengeneikan perbezaan belajar di luar negara dengan dalam negara.

Menurut beliau, di mana pun seseorang pelajar itu belajar ia tidak menjamin untuk mencapai keputusan yang cemerlang atau mudah belajar kerana semuanya tergantung kepada keyakinan dan jati diri masing-masing untuk berjaya.

"Seorang pelajar yang belajar di Jordan misalnya belum tentu boleh berbahasa Arab dengan baik walaupun dirinya belajar di

sana berbanding dengan belajar dalam negara sendiri yang mungkin lebih baik bahasa Arabnya jika memiliki jati diri yang tinggi," jelasnya.

Katanya, untuk mencapai kejayaan dalam peperiksaan dan pelajaran, mahasiswa perlu bekerja dengan tekun serta gigih kerana tidak ada jalan mudah atau pintas bagi mencapai kejayaan yang diinginkan.

Beliau membuat peringatan itu di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

UNISSA petang tadi di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Katanya, mengulang kaji pelajaran, cukup masa berehat dan memahami pelajaran yang diajar adalah beberapa cara untuk mencapai kejayaan sebagai mahasiswa universiti.

Di samping itu untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan, beliau juga menyeru bakal graduan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti kegiatan luar

(ECA) kerana dengan melibatkan diri dalam kegiatan tersebut akan dapat membina seorang pelajar yang berkemampuan dan boleh memantapkan jati diri.

"Perkara itu amat penting kerana sebagai pemimpin di masa hadapan mereka harus mempunyai pengertian serta semangat kebajikan yang kuat di dalam memajukan masyarakat," tambahnya.

Majlis yang dihadiri lebih 100 pelajar, pensyarah serta pegawai kanan

UNISSA itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatiha beramai-ramai diikuti ucapan Pengerusi majlis dan ucapan tetamu kehormat.

Selepas bacaan doa selamat, para hadirin disajikan dengan pelbagai juadah yang disediakan.

Majlis itu antara lain bertujuan untuk memupuk semangat persaudaraan Islam serta mengeratkan silaturahim antara pelajar dengan pensyarah serta pegawai UNISSA.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad selaku Rektor UNISSA ketika berucap di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri UNISSA. - Foto: Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Pegawai Penerangan dan wartawan Thailand lawat Jabatan Penerangan

Oleh :
Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn
Foto: Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

BERAKAS, Selasa, 16 Oktober. - Hubungan Duta-hala Negara Brunei Darussalam dengan Thailand dalam bidang penerangan dan penyiaran terus diperkukuhkan melalui lawatan serombongan lima orang pegawai penerangan dan wartawan dari

Jabatan Perhubungan Thailand.

Lawatan tersebut antara lain terkandung di bawah Program Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan Antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand yang antara lain mengadakan pertukaran lawatan pegawai antara kedua-dua buah negara.

Rombongan dari Thailand yang diketuai oleh Pegawai Perhubungan Awam, Samphan Musordee men-

gadkan lawatan ke Jabatan Penerangan dan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dan pegawai-pegawai dari Jabatan berkenaan.

Rombongan diberikan penerangan ringkas mengenai bahagian-bahagian di jabatan tersebut oleh ketua-ketua bahagian termasuk peranan dan tugas yang dijalankan.

Kemudian rombongan juga dibawa melawat ke

beberapa bahagian dan unit untuk meninjau secara lebih dekat operasi dan gerak kerja yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Setelah itu rombongan tersebut juga mengadakan lawatan ke Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan berkesempatan menghadiri 'Rumah Terbuka' sambutan Hari Raya Aidilfitri di rumah kediaman Pemangku Pengarah Penerangan.



ROMBONGAN pegawai penerangan dan wartawan dari Jabatan Perhubungan Thailand bergambar kenangan.

Kebawah DYMM berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja bagi ayahanda dan bonda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji

Abdul Rahman dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian tersebut, Dato Paduka Awang Haji Ishaaq.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Bacaan doa tahlil dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn
Ak. Jefferi Pg. Durahman
jefferi.durahman@information.gov.bn
Foto : Abdullah Haji Awang Damit,
Ampuan Haji Mahmood
Ampuan Haji Tengah,
Hatral Hazmi Haji Abd. Hamid

Di majlis itu baginda berkenaan menjirus ayeng asah-asahan ke makam ayahanda dan bonda baginda, kemudian diikuti oleh anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda.

Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien lindung pada 7 September 1986 dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit lindung pada 13 September 1979.



1. KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kubah Makam Diraja dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama.
2. BAGINDA berkenaan menjirus ayeng asah-asahan ke makam ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.
3. BAGINDA berkenaan menjirus ayeng asah-asahan ke makam bonda baginda, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.



4. BAGINDA berkenaan menerima junjung ziarah para jemputan yang hadir.
5. BERDOA ... Baginda, putera-putera dan adinda-adinda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.
6. DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenaan menjirus ayeng asah-asahan ke makam nenda Yang Teramat Mulia.



- 7, 8 dan 9. DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenaan menjirus ayeng asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.
10. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenaan menjirus ayeng asah-asahan ke makam nenda Yang Teramat Mulia.
11. BAGI memberkati majlis doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.





MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng menandatangani buku takziah di Kedutaan Besar Myanmar di negara ini berikutan kematian Perdana Menteri Myanmar, Tuan Yang Terutama Jeneral Soe Win. - Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Menandatangani buku takziah

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng berkesudian menandatangani buku takziah berikutan

dengan meninggal dunianya Perdana Menteri Myanmar, Tuan Yang Terutama Jeneral Soe Win.

Tuan Yang Terutama meninggal dunia di hospital pada 5.30 petang waktu Myanmar pada 14 Oktober lepas.

Kerajaan serta rakyat Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa simpati kepada keluarga Jeneral Soe Win.

Majlis Ugama Islam bantu mangsa kebakaran

KUALA BELAIT, Khamis, 11 Oktober. - Sebagai usaha membantu mereka yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya, Majlis Ugama Islam sekali lagi memberikan bantuan serta merta berupa wang tunai bagi meringankan beban yang ditanggung oleh para mangsa.

Sehubungan itu, Majlis

Ugama Islam Brunei telah menghulurkan bantuan berjumlah \$3,800.00 kepada 19 orang mangsa kebakaran yang tinggal di Berek, Blok 277, Jalan Maharaja Lela. Mereka terdiri dari tiga ketua keluarga dan 14 tanggungan serta

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

dua pembantu rumah. Setiap seorang menerima \$200.00.

Bantuan disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama Kuala Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh di Dewan Mesyuarat Indera Kencana, Pejabat Hal Ehwal Ugama Kuala Belait. Bantuan tersebut dari kumpulan wang zakat Majlis Ugama Islam Brunei.

Di majlis yang berasingan pada masa yang sama Ketua Pegawai Ugama Kuala Belait menerima zakat harta daripada Kumpulan Syarikat-syarikat Serikandi. Penyampaian zakat berjumlah \$20,732.59 diserahkan oleh Sheikh Khalid Sheikh Haji Ahmad manakala zakat harta daripada Serikandi Food and Packaging Industries berjumlah \$588.78 diserahkan oleh Sheikh Mohd. Azmi Sheikh Haji Ahmad.



KETUA Pegawai Ugama Kuala Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh menyampaikan bantuan kewangan daripada Majlis Ugama Islam Brunei kepada mangsa kebakaran berek di Jalan Maharaja Lela, Kuala Belait.

Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman

Menjunjung ziarah ke istana menyatupadukan raja dan rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Oktober. - Istana Nurul Iman dibukakan selama tiga hari memberi peluang kepada penduduk dan rakyat serta masyarakat di negara ini menjunjung ziarah dan berkunjung ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat-kerabat diraja yang lain bagi mengucapkan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri' pada seorang raja dan pemimpin negara.

Ia merupakan suatu yang unik yang perlu dikekalkan kerana ianya dapat menyatupadu rakyat dan raja yang dikasihi dalam membina hubungan yang erat dan mewujudkan suasana muhibah di kalangan pelbagai bangsa di negara ini.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim menjelaskan konsep 'Istana Terbuka' bagi orang kenamaan dan orang ramai selain menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri malah ianya juga sebagai peluang bagi penduduk dan rakyat serta masyarakat di negara ini bersua muka dan mengeratkan tali silaturahmi bersama baginda di mana ini menunjukkan keakraban dan ketulusan baginda kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

"Peluang keemasan setahun sekali ini hanya dibukakan selama tiga hari ini seharusnya dipergunakan oleh rakyat dan masyarakat di negara ini untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda ataupun silaturahmi bersama seorang raja yang dikasihi rakyatnya dan majlis seumpama ini akan terus berlangsung dalam suasana ceria dan penuh kemegahan," katanya.

Yang Dimuliakan berkata demikian ketika ditemui bual oleh wakil PELITA BRUNEI semasa di Istana Nurul Iman sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 1428 Hijrah bagi orang-orang kenamaan di sini.

Menyentuh mengenai pemerintahan baginda 40 tahun menaiki takhta, Yang Dimuliakan berkata, baginda adalah seorang raja dan pemimpin yang bijaksana, berwawasan dan berkarisma di mana kemakmuran dan keamanan serta kemajuan dan pembangunan yang kita nikmati pada masa kini adalah dari kesinambungan yang diasaskan oleh ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.



YANG Berhormat Orang Kaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohd. Taha bin Abdul Raub.



YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Sa'adul Khairi Waddien dan diteruskan oleh baginda sendiri.

"Sebagai seorang rakyat dan penduduk di negara ini, marilah kita memberi sokongan dan dukungan serta menghayati apa jua perkara yang membawa kemajuan dan menikmati dengan penuh rasa syukur akan kemajuan dan perkembangan negara kita," jelasnya.

Menurut Yang Dimuliakan, selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejak kecil bernaung dan menikmati segala kemudahan yang telah dicurahkan oleh kerajaan baginda dengan mengadakan skim tertentu terutamanya skim pemberian biasiswa yang mana beliau sendiri secara peribadi sejak kecil telah dihantar oleh kerajaan baginda sehinggalah tamat pengajian di peringkat universiti. Dengan adanya skim tersebut beliau dapat membina kehidupan hinggalah mencapai ke tahap yang ada ke hari ini dan skim ini terus diturunkan kepada generasi anak-anak beliau.

Bagi Yang Berhormat Orang Kaya Mahabijaya Awang Haji Othman bin Uking berkata, majlis tradisi seumpama ini perlulah dikekalkan sebagai lambang bahawa sistem pemerintahan beraja yang masih unggul di negara ini terus berkembang dan dikekalkan.

Yang Berhormat menambahkan, keramahan baginda menggambarkan bahawa baginda merupakan seorang raja yang prihatin akan hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk dan juga seorang pemimpin yang sangat disanjung dan disayangi oleh rakyat serta penduduk di negara ini.

Sesungguhnya amalan 'mesra rakyat' yang baginda lakukan dalam majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi telah mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara raja dan rakyat serta penduduk di negara ini sebagai raja yang pemedulian (caring monarch).

Yang Berhormat Orang Kaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohd.

Taha bin Abdul Raub berkata, kesejahteraan dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini setelah mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat adalah atas kebijaksanaan dan ketokohan baginda sebagai seorang pemimpin yang amat dikagumi dan mempunyai wawasan yang jauh sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Menurutnya, sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman ini sangat meriah sekali di mana para pembesar negara, orang disampiri gelaran dan perwakilan asing yang berpejabat di negara ini turut sama memeriahkan suasana aidilfitri tidak kira bangsa dan agama sama-sama memeriahkannya.

Menurut Yang Berhormat, suasana pemimpin atau raja bertemu rakyat, penduduk dan orang asing jarang dilakukan oleh lain-lain pemimpin dunia terutama di negara-negara barat.

Negara ini jelasnya, terus-menerus mengecapi keamanan dan kesejahteraan di bawah kepimpinan bijaksana baginda dan lagi sebagai seorang raja dan pemimpin yang prihatin kepada rakyatnya amat disanjung dan disayangi oleh rakyat serta penduduk di negara ini.

Baginda katanya, sebagai seorang raja yang penyayang dan pemurah serta mesra rakyat tanpa mengira status, bangsa dan agama amat dikasihi dan disayangi.

SEBAGAI seorang rakyat dan penduduk di negara ini, marilah kita memberi sokongan dan dukungan dan menghayati apa jua perkara yang membawa kemajuan dan menikmati dengan penuh rasa syukur akan kemajuan dan perkembangan negara kita.

TINJAUAN

PROGRAM MUSLIMAH MEMBANTU KAUM WANITA DALAM ILMU AGAMA

MENUNTUT ilmu merupakan satu kewajiban bagi umat Islam tidak kira sama ada di peringkat kanak-kanak, remaja mahupun warga emas sama ada Muslim atau Muslimah. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri juga menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu sejak dari lahir hingga ke liang lahat. Secara umumnya apa jua ilmu yang dipelajari akan mendatangkan manfaat kepada kita. Peluang untuk belajar mestilah direbut oleh setiap insan kerana Islam adalah agama yang menghargai ilmu pengetahuan.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga sangat menghargai orang yang berilmu. Ulama adalah pewaris para Nabi. Nabi sangat menghargai seorang ilmuwan daripada satu kabilah. Matinya satu kabilah itu lebih ringan daripada matinya seorang alim.

Apabila seorang ilmuwan meninggal dunia, masyarakat akan terasa kehilangannya. Apabila kehilangan seorang ilmuwan, masyarakat akan merasa kesukaran untuk merujuk segala permasalahan-permasalahan yang timbul. Oleh itu selagi seseorang ilmuwan masih hidup, ada baiknya kita merebut peluang untuk belajar daripadanya. Apabila dipelajari ilmu tersebut tentunya kita akan dapat menyampaikan ilmu tersebut kepada orang lain apabila guru tersebut meninggal dunia. Begitulah mulianya jasa orang yang berilmu. Ilmu yang dituntut boleh diwarisi kepada sesiapa sahaja tanpa mengira keluarga, bangsa dan keturunan.

Jelas Islam menghargai ilmu pengetahuan dan mewajibkan seluruh umat Islam untuk mempelajarinya. Kita sepatutnya meneruskan kegemilangan umat Islam yang terdahulu yang kaya dengan ilmu pengetahuan dan mengikut jejak sarjana-sarjana Islam. Umat Islam sepatutnya merebut untuk menguasai ilmu-ilmu di pelbagai bidang seperti ilmu sains di samping ilmu yang berkaitan dengan agama.

MUSLIMAH BERILMU

Ada orang beranggapan perempuan itu tidak perlu untuk bersekolah tinggi kerana akhirnya akan turun ke dapur juga. Pendapat ini salah semata-mata. Ilmu juga penting dituntut oleh Muslimah. Misalnya sebelum berumah-tangga, seorang Muslimah wajib membekali dirinya dengan ilmu sehingga ia dapat menunaikan kewajibannya selaras dengan tuntutan syariat.

Sebagai isteri, seorang Muslimah dituntut agar menjadi isteri yang solehah, sehingga ia dapat menjadi perhiasan dunia yang paling baik, bukan menjadi fitnah atau musuh bagi suaminya. Seorang isteri juga wajib menunaikan hak-hak suami dengan mentaati dan menghormatinya dan menjaga harta suami, anak-anak mereka serta kehormatannya tatkala suaminya tidak ada. Sebagai seorang ibu pula, ia bertanggungjawab mendidik anak-anaknya agar menjadi anak-anak yang soleh. Maka untuk menjadi seorang Muslimah yang boleh berperanan sebagai seorang isteri dan ibu untuk mendidik anak-anak, mereka amat memerlukan ilmu.

PROGRAM MUSLIMAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di Negara Brunei Darussalam, sudah ada kursus dalam bidang agama yang dikhususkan bagi kaum wanita. Kaum wanita di negara ini wajar merebut peluang seperti ini. Tenaga pengajarnya juga terdiri daripada kaum wanita dengan itu mudahlah para Muslimah merujuk kepada tenaga pengajar termasuk sesuatu yang peribadi. Ia diadakan di masjid-masjid terpilih di keempat-empat daerah. Bagi Daerah Brunei dan Muara masjid yang dipilih ialah Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Rancangan Perumahan Negara, Kampung Lambak Kanan, Masjid Sultan Sharif Ali, Masjid Kampong Bunut, Masjid Kampong Perpin-dahan Mata-Mata Gadong

Oleh :
Norliah binti Md. Zain
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

dan Masjid Kampong Kapok.

Sementara di Daerah Tutong, masjid yang terpilih ialah Masjid Hassanil Bolkiah Pekan Tutong dan Masjid Kampong Penanjong. Masjid Muhammad Jamalul Alam pula merupakan masjid yang dipilih di Daerah Belait, manakala di Daerah Temburong program tersebut diadakan di Masjid Utama Muhammad Bolkiah.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemui bual Pegawai Agama Kanan Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Agama, Dayang Hajah Saemah binti Haji Abdul Salam ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI.

Selain itu ia membantu pegawai masjid dalam mengendalikan kegiatan-kegiatan atau aktiviti-aktiviti takmir masjid bagi kaum Muslimah. Ia juga bertujuan bagi membantu pegawai masjid, meramaikan jemaah Muslimah menghadiri kegiatan takmir masjid, di samping membantu pegawai masjid untuk memantapkan ilmu keagamaan kepada kaum Muslimah di masjid-masjid terutama dalam mendalami ilmu fardu ain.

Kursus yang dijadualkan yang telah bermula pada 1 Oktober 2007 itu, dijalankan para Muslimah merujuk kepada tenaga pengajar termasuk sesuatu yang peribadi. Ia diadakan di masjid-masjid terpilih di keempat-empat daerah. Bagi Daerah Brunei dan Muara masjid yang dipilih ialah Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Rancangan Perumahan Negara, Kampung Lambak Kanan, Masjid Sultan Sharif Ali, Masjid Kampong Bunut, Masjid Kampong Perpin-dahan Mata-Mata Gadong

Semasa bulan puasa, tajuk kursus yang diberikan adalah mengenai puasa. Di dalam tajuk ini akan diterangkan mengenai kewajipan puasa, puasa sunat, ke-longgaran puasa, membat-



PEGAWAI Agama Kanan Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid Kementerian Hal Ehwal Agama, Dayang Hajah Saemah binti Haji Abdul Salam ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI.

kan puasa dan masalah-masalah kifarat (denda) khusus menyentuh mengenai isu-isu muslimah sepanjang menjalani ibadah puasa.

"Kursus ini akan direhatkan pada musim Hari Raya kerana untuk memberi peluang kepada suri-suri rumah tangga melakukan komitmen masing-masing seperti melayan tetamu dan sebagainya," jelas Dayang Hajah Saemah.

Bagi bulan November, di sebabkan bulan tersebut memasuki musim haji, tajuk yang dipilih ialah mengenai haji di mana tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah Haji Wanita, Kafilat Haji, Sembahyang Jama' dan Qasar. Kursus mengenai Sembahyang Jama' dan Qasar menurut beliau wajib diketahui oleh para Muslimah terutama bagi mereka yang berniat untuk menunaikan fardu haji.

Program Muslimah juga akan tetap diteruskan pada bulan Disember walaupun ia musim cuti persekolahan dan musim masyarakat Brunei pergi ke luar negeri. Pada bulan ini ia akan menumpukan Kursus Pengenalan Ilmu

Fiqah di mana antara tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah Hukum-hukum Islam, Mukallaf, Syarat dan Rukun, Thoharah di mana ia akan membincangkan tajuk-tajuk mengenai bersuci dan najis.

Disebabkan kursus Thoharah mempunyai banyak peca-han, jadi kursus Thoharah akan diteruskan pada bulan Januari 2008. Pada bulan tersebut ia akan menumpukan kursus hadas di mana antara perkara yang dibincangkan ialah Hadas Kecil, Hadas Besar, Darah Keluar Dari Rahim, Haid dan Nifas.

Masih meneruskan topik Thoharah pada bulan Februari 2008, perkara yang akan dibincangkan ialah Wuduk di mana ia akan membincangkan syarat wuduk, sunat-sunat wuduk dan mandi, di samping tajuk Tayammum yang merangkumi Syarat Tayammum dan Sunat-sunat Tayammum.

Manakala pada bulan Mac 2008 hingga April 2008, topik baru akan dibincangkan iaitu sembahyang di mana antara yang akan dibincangkan Hukum Sembahyang, Rukun Sembahyang, Sunat Sembahyang, Perkara Makruh Dalam Sembahyang, Perkara Membatalkan Sembahyang, Sembahyang Sunat, Sembahyang Berjemaah, Sembahyang Jumaat, Sembahyang Qasar dan Jama' dan Sembahyang Jenazah.

Perkara mengenai Nikah pula akan dibincangkan pada bulan Mei 2008 di mana tajuk-tajuk kecil yang akan dibincangkan ialah Walimah, Talak, Perceraian iaitu Zihar, Ilaa', Iddah dan Li'an.

BERBENTUK BIMBINGAN

Menurut Dayang Hajah Saemah, Program Muslimah yang diadakan adalah berbentuk bimbingan di mana sistem pengajaran yang digunakan adalah berbeza dengan murid-murid sekolah. Kaedah pengajaran lebih banyak berbentuk praktikal kerana peserta yang mengikuti kursus ini adalah terdiri daripada suri-suri rumah tangga dan

ada di antaranya yang buta huruf. Kursus yang diadakan juga adalah untuk menghalusi ibadah seseorang Muslimah seperti cara sembahyang yang betul.

"Misalnya sembahyang, akan dilihat bagaimana kedudukan kakinya, tangannya kerana kita lebih banyak kepada menghalusi," jelasnya.

Semasa program yang dijalankan, sesi soal jawab juga akan diadakan di mana para peserta berpeluang untuk bertanya kepada tenaga pengajar mengenai apa jua permasalahan yang timbul mengenai hal ehwal Muslimah.

Beliau seterusnya menambah sambutan terhadap program ini agak menggalakkan. Untuk permulaan hanya sepuluh buah masjid yang dipilih dan ternyata kesepuluh buah masjid ini sudah ada peserta yang mendaftar diri, di mana sebelum ini disiarkan melalui media-media massa dan diberitahu semasa lepas waktu Sembahyang Tarawih di masjid-masjid.

Waktu pembelajaran di bulan puasa adalah selama dua jam iaitu bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di mana ia berjalan pada hari Isnin, Selasa dan Rabu pada setiap minggu. Selepas bulan puasa nanti, pembelajaran akan dibuat pada jam 2.00 hingga 4.30 petang. Tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada wanita yang 'dipinjam' daripada kakitangan Jabatan Pengajian Islam dan guru-guru agama yang sudah bersara.

PESERTA

Menurut Dayang Hajah Saemah, tahap umur peserta tidak terhad walaupun ia di peringkat remaja. Bahagian Hal Ehwal Muslimah sentiasa mengalu-alukan kedatangan mereka. Selain itu kursus ini turut melibatkan warga emas kerana ia bersesuaian untuk mereka. Borang pendaftaran para peserta borang disediakan di masjid-masjid malah di tempat program diadakan.

"Walaupun borang baru dihantar pada hari permulaan program, kami juga masih tetap menerima," jelasnya.

Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Muslimah yang ingin mengikuti kursus ini, pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid tidaklah menghalang mereka untuk mengikuti kursus selama dua jam ini cuma apa yang diperlukan ialah inisiatif para peserta sendiri untuk memohon kebenaran keluar daripada ketua jabatan masing-masing.

Sasaran program adalah jemaah masjid wanita, suri rumah tangga, beliawanis, pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta serta muallaf.

Dayang Hajah Saemah juga mengongsikan pengalaman, selaku pegawai yang pernah mengajar di salah sebuah masjid di mana waktu

mengajar adalah selepas Sembahyang Fardu Isyak. Masa belajar sangat singkat kerana masa yang ada cuma beberapa minit sahaja dan adakalanya hajat yang hendak dikongsi tidak kesampaian. Adakalanya di masjid itu sendiri akan diadakan aktiviti, jadi pembelajaran juga akan menjadi kelim kabut. Disebabkan itu pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid bercadang supaya pembelajaran yang dibuat dapat diberikan dalam masa yang agak panjang dan dapat dimanfaatkan oleh semua peserta. Dengan jangka masa yang lama para peserta akan dapat berkomunikasi dengan tenaga pengajar dalam tempoh yang agak lama.

MENGHALUSI IBADAT

Bagi Dayang Hajah Jalimah binti Tahir yang berusia 67 tahun dari Kampong Kiulap berkata tujuan beliau datang ke Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah belajar di program Muslimah adalah untuk menghalusi lagi amal ibadah yang dilakukan.

"Walaupun saya ada belajar sebelum ini tetapi kursus yang diadakan kali ini lebih panjang dan insya-Allah akan dapat dimanfaatkan," katanya.

Bagi Dayang Hajah Hitam binti Taha yang berusia 70 tahun berpendapat program Muslimah yang diadakan adalah sesuai dengan semua peringkat umur. Sebagai seorang Muslimah, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melakukan amal ibadah dan melalui program ini saya

berharap ia dapat membantu saya dalam melakukan amal ibadah dengan cara yang betul.

"Program seperti ini juga boleh menambah ilmu pengetahuan terutama sekali bidang yang bersangkutan-paut dengan hal ehwal wanita," demikian dijelaskan oleh Dayang Nurhani binti Haji Besar, 43 tahun dari Kampong Kiulap yang ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Sementara Dayang Hajah Halimah binti Haji Tengah, 58 tahun yang juga berasal dari Kampong Kiulap menyatakan beliau memberitahu kepada rakan-rakan yang berjemaah di masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah setelah mendapat tahu Program Muslimah yang dijalankan pada keesokan harinya.

"Semoga para Muslimah boleh manfaat daripada program yang dijalankan ini," tambahnya.

PENTINGNYA ILMU

Alhamdulillah, para Muslimah di negara kita ada kesedaran betapa pentingnya ilmu itu dituntut. Dari temu bual wakil PELITA BRUNEI kepada para peserta, ternyata warga emas juga turut merebut peluang untuk menuntut ilmu walaupun ada di antaranya yang buta huruf. Nam-paknnya para suami juga memberikan kerjasama yang padu dalam memberikan kebenaran kepada isteri-isteri mereka untuk mengikuti pembelajaran seumpama ini. Mudah-mudahan program seumpama ini akan terus menerus berjalan sebagaimana yang dirancang.



DAYANG Nurhani binti Haji Besar mengikuti program ini semata-mata mahu menambah ilmu.



DAYANG Hajah Halimah binti Haji Tengah berusia 58 tahun berharap program ini dapat dimanfaatkan oleh para Muslimah di negara ini.



"Program Muslimah yang diadakan adalah sesuai dengan semua peringkat umur," ujar Dayang Hajah Hitam binti Haji Taha.



DAYANG HAJAH Jalimah binti Tahir berhasrat mahu menghalusi dan mendalami ilmu agama.



PARA peserta dengan tekun mengikuti pembelajaran Program Muslimah yang berlangsung di Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

RENCANA

'RUMAH TERBUKA' sudah menjadi budaya pada masyarakat kita pada masa ini. Walaupun kebiasaannya Hari Raya lebih meriah pada minggu awal bulan Syawal, tetapi dengan mengadakan 'Rumah Terbuka' walaupun pada pertengahan bulan Syawal, kemeriahan Hari Raya tetap juga dirasakan walaupun lebih seminggu Hari Raya sudah berlalu.

Sebut saja 'Rumah Terbuka', akan terbayanglah di minda kita juadah-juadah yang enak-enak belaka. Inilah masanya tuan empunya rumah berada di rumah masing-masing. Pengunjung tidak perlu merasa khuatir apakah tuan empunya rumah ada di rumah atau tidak.

Sama ada di kalangan orang berada ataupun tidak, orang akan mengadakan 'Rumah Terbuka' mengikut kemampuan masing-masing. Ada yang membuat tempahan melalui syarikat penyajian makanan atau 'catering' mahupun bergotong-royong di kalangan keluarga memasak untuk juadah bagi majlis tersebut.

Sememangnya majlis 'Rumah Terbuka' sempena Hari Raya tidaklah dilarang di dalam Islam. Apa yang paling penting 'Rumah Terbuka' itu janganlah bercampur baur dengan maksiat misalnya tari-menari, minum minuman yang memabukkan yang mana jelas hal ini bercanggah dengan agama Islam. Hari Raya bukanlah pesta untuk kita bersukaria.

Orang yang dijemput setentunya tidak akan melepaskan peluang untuk menghadiri ke majlis 'Rumah Terbuka'. Tujuan hadir sememangnya untuk memenuhi undangan tuan rumah yang sudah bertungkus lumus menyediakan pelbagai juadah. Inilah masanya bagi para pengunjung beramah mesra sambil memohon kemaafan, di samping bertukar-tukar fikiran.

Inilah juga masanya bagi pengunjung tanpa mengira bangsa dan agama beramah mesra. Ada tuan rumah menjemput sanak saudara dan teman-teman pada majlis 'Rumah

'Terbuka' pada waktu siang dan malam. Inilah masa bagi ahli keluarga berkumpul dalam satu masa terutama bagi mereka yang agak lama tidak bersua muka. Ada kalanya di Hari Raya itu barulah kita mengetahui saudara-mara yang selama ini belum pernah kita jumpa. Semasa 'Rumah Terbuka' inilah saudara-mara berkenalan-kenalan antara satu sama lain terutama bagi golongan muda-mudi. 'Rumah Terbuka' sememangnya boleh berperanan sebagai pengukuh kepada institusi kekeluargaan.

BUKAN WAKTU BEKERJA

Selain 'Rumah Terbuka' dilakukan bagi mengumpulkan keluarga, ke-

'Rumah Terbuka' : Jangan sampai abai tanggungjawab di pejabat

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid

tua-ketua pejabat juga sering kali mengadakan 'Rumah Terbuka' khusus untuk para pekerja yang setentunya bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi sesama rakan-rakan setugas. Ada di kalangan ketua-ketua pejabat akan mengadakan 'Rumah Terbuka' di sebelah tengah

hari iaitu diselenggarakan dengan makan tengah hari. Inilah peluang bagi pengunjung makan secara percuma.

Dalam keasyikan kita mengunjungi 'Rumah Terbuka', kita janganlah sampai leka untuk menunaikan tanggungjawab

masing-masing di pejabat. Tidak salah untuk kita mengunjungi 'Rumah Terbuka' pada waktu tengah hari akan tetapi ingat-ingatlah juga masa untuk masuk bekerja semula. Tugas di pejabat tidak akan bertolak ansur dengan kita. Semakin kita mengabaikannya, semakin bertambahlah kerja-kerja kita.

Bukan sahaja pekerja

bawahan malah ketua-ketua pejabat juga perlu beringat-ingat untuk mengadakan 'Rumah Terbuka' pada hari bekerja. Memadailah pada waktu tengah hari, selepas waktu bekerja, hari Jumaat dan Ahad. Berkunjung ke rumah sanak saudara untuk berhari raya semasa waktu bekerja juga dilarang. Larangan ini ada terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri

yang melarang pegawai dan kakitangan kerajaan untuk berhari raya semasa waktu bekerja.

Pengabaian terhadap tanggungjawab di pejabat boleh menjejaskan produktiviti seseorang pejabat. Terjejas produktiviti boleh memberi impak terhadap mutu perkhidmatan kepada orang awam.

Apa pun caranya, biar-

GAMBAR HIASAN ... 'Rumah Terbuka' sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak dilarang di dalam Islam.



Mengharumkan nama negara di Amman Jordan

Oleh : Norlia Md. Zain



AWANGKU Khairul Ikhwani bin Pengiran Ali berjaya mendapat tempat ketiga di Pertandingan Antarabangsa Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Qur'an Kali Ke-15 anjuran Kerajaan Hasyimiah di Amman Jordan. - Foto : Masri Osman.

BERAKAS. Rabu, 10 Oktober 2007. - Awangku Khairul Ikhwani bin Pengiran Ali berjaya mendapat tempat ketiga di Pertandingan Antarabangsa Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Qur'an Kali Ke-15 anjuran Kerajaan Hasyimiah di Amman Jordan.

Beliau berserta pegawai pengiring, Ustaz Haji Armawi bin Abdul Rahman Al-Hafiz selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada jam 9.40 pagi dengan pesawat BI 98.

Hadir mengalu-alukan kepulauan rombongan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU Dato Paduka Awang Haji Ishaaq bin Haji Abdullah dan pegawai-pegawai KHEU.

Untuk memberkati ketibaan rombongan, doa kesyukuran dibacakan oleh Awang Haji Abdullah bin Begawan Pehin Khatib Haji Awang Abdul Wahid dari Jabatan Hal Ehwal

Masjid, KHEU.

Pertandingan yang diadakan selama sembilan hari bermula 1 Oktober lalu dibahagikan kepada empat kategori iaitu Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an Berserta Tafsiran; Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an; Kategori Menghafaz 20 Juz Al-Qur'an dan Kategori Menghafaz 10 Juz Al-Qur'an.

Negara Brunei Darussalam hanya menyertai satu kategori sahaja iaitu Kategori Menghafaz 10 Juz Al-Qur'an yang disertai tujuh buah negara ditandingi lapan orang peserta masing-masing dari Jordan, Republik Indonesia, Emiriah Arab Bersatu dengan dua orang peserta Turki, Burkina Faso dan Maldives.

Peserta Jordan muncul sebagai johan, Republik Indonesia, naib johan dan Negara Brunei Darussalam di tempat ketiga di mana Awangku Khairul Ikhwani merupakan peserta termuda dalam kategori ini.

Peserta negara menerima hadiah wang tunai bernilai 850 mata wang

Dinar Jordan yang disampaikan oleh Menteri Wakaf, Hal Ehwal dan Tempatan Suci Islam Kerajaan Jordan, Abdul Fattah Musa Sallah.

Ini merupakan penyerahan kali ketujuh Negara Brunei Darussalam dalam pertandingan berkenaan sejak penyerahan pertama negara pada tahun 2000.

Peserta negara yang dilahirkan pada 19 Disember 1993 dan kini sedang menuntut di Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassan Bolkiah merupakan pemenang tempat ketiga di Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Berserta Pemahaman Peringkat Akhir Sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1428 Hijrah baru-baru ini.

Majlis meraikan kepulauan peserta negara ini juga turut diadakan di rumah beliau di Kampong Tasek Meradun, Jalan Tutong.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga telah menghantar beberapa orang peserta untuk mengikuti Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat

Antarabangsa, seperti di Republik Arab Mesir dan Kerajaan Arab Saudi.

Tahun ini merupakan kali pertama penghantaran peserta perempuan ke Pertandingan Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Qur'an Kali Ke-2 Bagi Perempuan yang berlangsung selama tiga hari bermula 24 Ogos lalu di Amman, Jordan.

Peserta negara Dayang Hajah Bazilah binti Mudim Awang Haji Ahmad Kasra telah berjaya mendapat tempat keempat di pertandingan tersebut.

Sementara itu, pada 26 September lalu, Negara Brunei Darussalam telah menghantar rombongan terdiri dari seorang peserta iaitu Awang Muhammad Huzailan bin Haji Kassim diiringi seorang pegawai, Awang Ali Sabri bin Haji Yusof di Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Bagi Negara-negara Bukan Berbahasa Arab Kali Ke-15 di Kaherah, Republik Arab Mesir bagi Kategori Menghafaz 6 Juz Al-Qur'an.

Rombongan dijangka

akan balik pada hari Sabtu, 13 Oktober, jam 9.40 pagi dengan pesawat BI 98.

Negara Brunei Darussalam juga akan menghantar seorang peserta menghafaz dan seorang hakim di Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Arab Saudi pada penghujung bulan Oktober ini.

Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassan Bolkiah, KHEU telah berjaya membimbing dan melahirkan penghafaz di negara ini yang berkecayaan dan mampu menyaingi para hafiz luar negara terutama dalam pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa.

Ini terbukti bilamana sebelum ini peserta hafiz negara, Awang Abdul Hazim @ Abdul Azeem bin Haji Abdul Halim, muncul johan di Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Bagi Negara-negara Bukan Berbahasa Arab Kali Ke-14 di Kaherah, Republik Arab Mesir bagi Kategori Menghafaz 6 Juz Al-Qur'an pada 12 Oktober 2006 tahun lepas.



1 dan 2. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera dan adinda-adinda baginda serta kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah Hari Raya Aidilfitri dari pelbagai lapisan masyarakat.



4. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima junjung ziarah dari para pengunjung wanita yang menyampaikan ucapan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri'.

5, 6 dan 7. PUTERI-PUTERI baginda dan kerabat diraja yang lain serta cucunda-cucunda baginda berkenan berangkat menerima junjung ziarah para pengunjung wanita yang menyampaikan ucapan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri'.

LEBIH 90 JUNJUNG Z HARI RAYA A DI ISTANA NU



3. KANAK-KANAK ini bertuah kerana dapat menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman.



Fo
R
Pg
Ampu
A

BANDAR
sambutan
Kebawah
Haji Han
Di-Pertua
membuka
duduk ne
hadapan

Selama
orang tel
menyemb
majlis Ke
Maha Mu
Hajah Sa
tama ista
manakala
pada 16 O

Baginda
Mulia Pad
Al-Muht
Anak Ibr
Paduka S
Waqar P
Mulia Pen
Yang Ter
Maharaja
Yang An
Mulia Pad
Teramat
Yang Ter
Rashidah
Pengiran
Yang Ter
Hafizah
Pengiran
Yang Ter
Noor El
lain deng
pelbagai
tidak ter
mengam
jung ke
dengan
dan kem
yang me

Selama
baginda
dahulu
beraneka
minuman

Selama
dengan
ngan kua
samping
yang leb

IBU ARAH ILFITRI UL IMAN

- 1. Zabaidah Haji Salat
- 2. salat@information.gov.bn
- 3. Mohd.Yusof Mohd. Yassin,
- 4. gh, Halim Haji Sulaiman,
- 5. Dato Paduka Haji Metassim,
- 6. Asmaleh Haji Mohd.Ali,
- 7. Zul-Izzi Haji Duraman,
- 8. Mahmood Ampuan Haji Tengah,
- 9. Sahrin Haji Asmat,
- 10. Inizam Pg. Haji Mohd. Ali,
- 11. ibni Pg. Haji Hidup,
- 12. Hazmi Abdul Hamid,
- 13. Suliana Haji Othman.

AWAN, Selasa, 16 Oktober. - Suasana Aidilfitri lebih meriah lagi apabila Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Daulat Darussalam telah memperkenalkan Iman untuk kunjungan rakyat dan penunjang ziarah Hari Raya Aidilfitri ke Istana Nurul Iman yang lain.

Istana Nurul Iman dibuka, seramai 95,669 orang ziarah ke Istana Nurul Iman bagi 'Selamat Hari Raya Aidilfitri' ke hadapan Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Puteri Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Pengiran Bini Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Bolkiah baginda serta kerabat diraja yang berkesempatan menerima junjung ziarah dari penduduk dan masyarakat di negara ini, pelancong dari luar negara yang memang di suasana Hari Raya Aidilfitri berkunjung menjunjung ziarah dan melihat sendiri keindahan istana diraja dan keramahan di kedua-dua kerabat diraja yang lain, di negara-negara lain.

Yang menjunjung ziarah ke hadapan majlis kerabat diraja, para pengunjung terlebih dahulu dengan pelbagai juadah Hari Raya yang beraneka ragam, termasuk kuih-muih dan beraneka jenis ziarah para pengunjung juga dibekalkan dengan berupa 'kontena kuning' yang diisi dengan minuman sebagai kenangan dan bekalan. Di samping itu mereka juga diberikan sampul surat yang berisi wang, sebagai 'duit raya'.



8, 9 dan 10. BAGINDA, putera-putera, adinda-adinda baginda serta kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah para pengunjung yang menyebarkan ucapan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri' ke hadapan majlis baginda.



11 dan 12. KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah Hari Raya Aidilfitri.



13 dan 14. PULUHAN ribu pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat mengambil kesempatan di suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan berkunjung ke Istana Nurul Iman, di samping itu mereka juga diberikan cenderahati yang berupa 'kontena kuning' sebagai kenangan.



Sempena Hari Raya Aidilfitri 1428 Hijrah



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan juga kedua-cucu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolkiah di Majlis Persembahan Bunga Api bagi merayakan genapnya 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. - Foto : Ihsan Rano Iskandar.

RIMBA, Sabtu, 13 Oktober. - Satu Majlis Persembahan Bunga Api Bagi Meraikan Genapnya 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta telah berlangsung di Pekarangan Taman Seri Indera

di rumah kediaman Yang Amat Mulia Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad, di Kampong Tungku, Gadong.

Berangkat bagi menyaksikan persembahan bunga api tersebut Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri

Bolkiah dan juga kedua-cucu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolkiah.

Majlis pada malam itu juga diteruskan dengan

Berangkat melancarkan persembahan bunga api

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
jefferi.durahman@information.gov.bn

Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi anak-anak yatim di kawasan Kampong-kampung Tungku, Katok dan Rimba.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa kesyukuran oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mustapa.

DYTM kemudiannya berkenan melancarkan sesi pertama persembahan bunga api dan seterusnya bagi segmen kedua persembahan bunga api telah dilancarkan oleh cucunda Kebawah DYMM, YAM Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan YAM Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolkiah, YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak Dr. Haji Kamaluddin serta YAM Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

Di akhir acara, majlis

penyampaian derma kepada anak-anak yatim telah disempurnakan oleh YAM Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan Pengiran Datin Hajah Aisah.

Persembahan bunga api tersebut ditaja oleh Awangku Shairiful Bahri dan Pengiran Adanan bin PSI Pengiran Haji Ismail dan ianya berlangsung selama 30 minit.

Dalam sembah alu-aluan, Awangku Shairiful Bahri merasa bersyukur kerana kita di Negara Brunei Darussalam dapat merayakan sambutan Hari Raya ini dengan penuh kegembiraan, aman sentosa dan sentiasa di atas perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan sentiasa dicintai oleh pemimpin raja kita yang tercinta.

Awangku Shairiful Bahri menyatakan, kita se-

harusnya sedar bahawa apa yang kita rasai sekarang bukanlah satu 'privilege' atau sesuatu yang datang begitu sahaja bahkan ini semua adalah rahmat dari Allah yang Maha Agung dan antaranya ialah dengan mengurniakan kita keamanan dan kesejahteraan serta mengurniakan kita seorang raja yang adil dan bijaksana

yang menjadi payung kepada kita, agama, bangsa dan negara.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama anak-anak yatim ini merupakan tahun ketiga berturut-turut yang diberikan oleh YAM Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad dan keluarga.



PENYAMPAIAN derma kepada anak-anak yatim disempurnakan oleh YAM Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad dan Pengiran Datin Hajah Aisah binti Pengiran Hashim. - Foto : Ihsan Rano Iskandar.

Anggota tentera gembira berpeluang menjunjung ziarah ke Istana Nurul Iman

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn
Foto : Hatral Azmi Abd. Hamid.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Oktober. - Istana Nurul Iman dibukakan kepada orang ramai bukan saja bagi menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja tetapi juga disifatkan satu tradisi unik yang jarang dilihat di negara-negara lain di dunia.

Pada hari pertama Istana Nurul Iman dibukakan kepada kunjungan orang ramai, wakil PELITA BRUNEI sempat membuat tinjauan dengan menemui bual beberapa orang anggota tentera yang menjunjung ziarah dan menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja yang lain.

Bagi Awang Haji Mohammad Ealme bin Haji Emran yang bertugas di Kementerian Pertahanan lebih empat tahun melahirkan rasa syukur dan bangga kerana berpeluang menjunjung ziarah dengan seorang raja yang dikasihi dalam suasana Hari Raya Al-Mubarak ini.

"Tradisi yang unik ini hanya boleh kita alami di negara ini di mana orang ramai diberi peluang masuk ke istana sambil menjunjung ziarah kepada raja yang penyayang kepada rakyatnya," jelas Awang Haji Mohd. Ealme.

Ketika diminta mengulas mengenai sambutan 40 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia menaiki takhta, Awang Haji Mohd. Ealme rasa bersyukur dapat sama-sama merayakan sambutan 40 tahun

baginda menaiki takhta.

Sejak baginda memerintah dan memimpin negara telah banyak perkembangan yang dicapai yang sukar diungkapkan dengan perkataan dan apa yang penting katanya, kita selaku rakyat harus merebut peluang untuk terus membangunkan negara supaya terus berkembang seiring dengan negara-negara maju.

Manakala bagi Awang Muhammad Nurhisham seorang Anggota Tentera Udara Diraja Brunei juga merasa gembira kerana terpilih untuk menyertai rombongan berkhidmat ke istana pada tahun ini dan akan ikut serta jika diberi peluang lagi tahun depan.

Sementara seorang pega-



AWANG Muhammad Nurhisham bin Abd. Razak "... Saya merasa bangga kerana dapat bersalaman dengan raja yang kita cintai."

wai tentera pinjaman dari United Kingdom, Mejar Kathie Knell yang baru bertugas sejak Ogos lalu melahirkan rasa kagum kerana berpeluang bersalaman dengan seorang raja sedangkan hal seperti ini jarang diamalkan di negaranya walaupun pada musim perayaan Krismas.



AWANG Haji Mohammad Ealme bin Haji Emran "... Hal ini merupakan tradisi yang unik yang hanya diamalkan di negara ini."

Seorang pegawai wanita dari Tentera Laut Diraja Brunei, Leftenan Khadziah menyatakan, berhari raya ke istana setiap tahun merupakan satu penghormatan kerana dapat bersalaman dengan Kebawah DYMM berserta kerabat diraja lainnya.



LEFTENAN Khadziah binti Haji Ajam "... Suasana begini hanya dapat kita rasakan setahun sekali, kami tidak akan melepaskan peluang."

Sementara bagi Mejar Maisalamah, juga seorang pegawai wanita tentera laut menganggap peluang yang ada itu merupakan satu keberuntungan untuk bertemu dengan Kebawah Duli Yang Maha serta kerabat diraja yang lain.

Mengenai sambutan 40 tahun Kebawah DYMM



Mejar Kathie Knell "... Hari ini pengalaman manis buat saya kerana dapat bertemu dengan seorang raja yang terkenal dengan kemurahan hatinya."

menaiki takhta katanya banyak perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai di bawah kepimpinan baginda yang sukar untuk diungkapkan dengan kata-kata.

Katanya, berkhidmat dalam tentera bukan sahaja banyak peluang yang ditawarkan selain kenaikan pangkat



MEJAR Maisalamah binti Haji Alias "... Berhari raya di Hari Raya pertama Istana Nurul Iman dibuka merupakan satu penghormatan."

malah melanjutkan pengajian dalam bidang ketenteraan di luar negara juga diberikan kepada mereka yang layak.

"Malah pengambilan pegawai dan rekrut wanita sejak lebih 20 tahun juga merupakan salah satu perkembangan dalam kepimpinan baginda", ujarnya.

Jabatan Perikanan tandatangani rancangan strategik MCS

JALAN MENTERI BESAR, Selasa, 9 Oktober. - Menyedari pentingnya masalah penangkapan ikan secara haram, penangkapan ikan yang tidak dilaporkan dan tidak mengikut peraturan (IUU Fishing), Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perikanan telah mengambil langkah yang selari khususnya untuk menyediakan pelan tindakan kebangsaan 'On Promoting Responsible Fishing Practices Including Combatting IUU Fishing'.

Pelan tindakan tersebut telah dipersetujui untuk disahkan semasa mesyuarat pertama Menteri-menteri Serantau 'On Promoting Responsible Fishing Practices' di Bali, Indonesia, Mei lalu yang dihadiri oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad.

Sehubungan itu petang tadi diadakan Majlis Penandatanganan Perjanjian di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Pemangku Pengarah Perikanan, Awang Abdul Halid bin Mohd. Salleh dengan seorang konsultan dari Australia, Profesor Martin Tsamenyi, berlangsung di bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, di sini.

Majlis Penandatanganan Kontrak Penyediaan Perancangan Strategik Bagi Monitoring, Control and Surveillance (MCS) itu disaksikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian berkenaan, Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Monin.

Dengan adanya Pelan Tindakan Kebangsaan (NPOA) berkenaan, Jabatan Perikanan akan dapat bekerjasama dengan lebih terancang dan berkesan dengan rakan sejawat di rantau ini dalam memerangi IUU Fishing.



PENUNTUT-PENUNTUT Brunei dan University of Warwick, Coventry, United Kingdom mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Mohon Maaf Zahir dan Batin kepada ayahanda dan bonda, kaum keluarga serta sahabat handai yang mengenali diri kami.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Di Istana Nurul Iman

Berita dan Foto : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn



"SIFAT keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sukar ditandingi oleh lain-lain pemimpin ..." Awang Haji Bakar bin Haji Ludin.



"KITA bersyukur ditakdirkan hidup dengan aman dan harmoni di bawah payung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ..." Awang Haji Idris bin Haji Aji.



"KEPIMPINAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia banyak mencapai kemajuan diperingkat serantau dan antarabangsa ..." Awang Haji Abdullah bin Haji Idris.



"PELBAGAI Kemudahan daripada pembangunan negara telah dinikmati oleh lapisan rakyat dan penduduk ..." Awang Harun bin Haji Md. Zamih.

Hubungan akrab raja dan rakyat membawa keharmonian dan kemajuan negara

BERKUNJUNG ke istana bagi menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat diraja semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri merupakan satu tradisi ke arah mengeratkan hubungan silaturrahim antara raja dengan rakyat.

Dengan memanfaatkan kesempatan untuk berkunjung di hari mulia itu rakyat dan penduduk akan dapat mengenal lebih dekat lagi raja yang juga selaku pemimpin negara yang sangat prihatin terhadap kepentingan dan kebajikan rakyat.

Inilah antara isi luahan yang dinyatakan oleh beberapa orang pegawai kerajaan yang ditemui ketika ditanya mengenai tradisi menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat-kerabat diraja semasa sambutan Hari Raya.

Menurut Awang Haji Idris bin Haji Aji,

rakyat yang bernaung di bumi Brunei Darussalam amat beruntung mempunyai seorang raja yang sangat prihatin terhadap perkembangan dan kemajuan rakyat.

"Kita amat bersyukur di atas nikmat dan rahmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala yang mentakdirkan kita hidup di negara ini dengan aman, damai dan harmoni di bawah payung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia," ujarnya.

Awang Haji Idris yang bertugas di Jabatan Pengajian Islam menjelaskan, "Baginda yang berjiwa rakyat, tidak segan silu turun padang dengan membuat lawatan-lawatan ke kampung atau mukim, Kementerian dan jabatan bagi meninjau perkembangan kehidupan rakyat atau perkembangan kementerian serta jabatan yang melaksanakan pembangunan negara."

Pandangan tersebut dikongsikan bersama oleh Awang Haji Bakar bin Haji Ludin yang menyatakan sikap keprihatinan baginda terhadap rakyat sukar ditandingi oleh mana-mana pemimpin.

Katanya, baginda amat mengutamakan kepentingan rakyat dan negara serta sentiasa peka terhadap perkembangan keadaan sekeliling.

"Sebagai contoh katanya, semasa tragedi angin kencang beberapa bulan yang lalu baginda berangkat menemui mangsa-mangsa musibah dan bertindak menitahkan untuk memberikan bantuan seberapa segera."

Sikap kepimpinan yang amat pemedulian itu juga menarik perhatian Awang Harun bin Haji Md. Zamih yang menyatakan baginda merupakan seorang raja penyayang dan mengambil berat terhadap kepentingan negara.

Beliau yang bertugas di Jabatan Penerbangan Awam menyatakan, infrastruktur pembangunan seperti jalan raya, bekalan air, tenaga elektrik hingga kepada rancangan-rancangan perumahan telah baginda laksanakan dengan jayanya serta rakyat menikmati semua kemudahan tersebut dengan aman damai dan harmoni.

"Kesemua kemudahan-kemudahan ini dapat dinikmati oleh rakyat dengan selesa dan kita sesungguhnya amat mensyukuri nikmat yang telah diberikan ini," katanya.

Sementara itu, Awang Haji Abdullah bin Haji Idris, yang bertugas di Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan pula berkata bahawa sepanjang kepimpinan Kebawah DYMM negara banyak mencapai kemajuan sama ada di peringkat dalam negeri mahupun di luar negeri.

Dalam negeri katanya, pelbagai bidang pembangunan baginda laksanakan dengan mengambil kira kepada kepentingan rakyat termasuk berangkat menemui rakyat bagi meninjau keadaan dan perkembangan mereka.

"Di bawah kepimpinan baginda, pelbagai bidang pembangunan termasuk pendidikan dan kesihatan telah baginda laksanakan khusus bagi kepentingan rakyat. Di samping itu baginda sendiri juga berangkat meninjau ke mukim dan kampung untuk melihat sendiri perkembangan pembangunan dan kehidupan rakyat baginda," katanya.

Di peringkat serantau dan antarabangsa pula tambahnya, baginda memainkan peranan dengan memberikan sumbangan pandangan dan idea yang berkesan dalam persidangan atau perhimpunan bersama para pemimpin luar negeri yang lain.

Justeru dengan sumbangan dan peranan yang telah dilaksanakan oleh baginda dipelbagai peringkat dalam dan luar negeri itu amat membanggakan dan menjadikan negara terus berkembang pesat dalam suasana aman dan harmoni.

Warga emas beraya bersama baginda

DAYANG Hajah Mariam binti Haji Ibrahim, berusia 70 tahun pula, merupakan salah seorang pemantau dan pegandang yang tidak asing di negara kita mewakili warga emas menghadiahkan sebuah pantun khusus disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2007, ketika mengunjungi Istana Nurul Iman pada Hari Raya ketiga dibuka kepada orang ramai.

Pinjam kapak pinjam beluing, menabang kayu sambil



DAYANG Hajah Mariam binti Haji Ibrahim, menghadiahkan sebuah pantun untuk baginda.

berdiri, Kebawah Duli Tuanku umpama payung, semua rakyat berlandung diri.

Peluang keemasan itu tidak dilepaskan oleh beliau bersama rakyat jelata di negara ini dari segenap golongan, baik yang masih kecil, remaja, dewasa, belia mahupun warga emas bagi menatap dengan lebih dekat wajah raja yang mereka kasihi. Menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja lainnya.

Bagi Dayang Masni binti



DAYANG Masni binti Salleh, pertama kali menjunjung ziarah ke istana.



PUAN Lim Lee, hampir setiap tahun menjunjung ziarah ke istana.



WANTANA Ratanaopap berasal dari Bangkok, Thailand.

Oleh :
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn
Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

Salleh, berasal dari Daerah Tutong, setelah berusia 78 tahun, inilah pertama kali beliau berkesempatan untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sambil mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada kerabat-kerabat diraja lainnya.

"Ini pertama kali saya



DAYANG Hajah Mariam binti Md. Rais, berpeluang menatap wajah baginda dengan lebih dekat.



NIRAMOL Sukriwong, tertarik dengan tradisi berkunjung ziarah.

berhari raya ke Istana Nurul Iman dan saya rasa sangat gembira bersama anak-anak perempuan saya," ujarnya.

Sementara itu rakannya, Dayang Hajah Mariam binti Md. Rais, berusia 78 tahun, saban tahun tidak ketinggalan berkunjung ke istana bagi Majlis Junjung Ziarah.

Beliau yang kini menetap di Kampong Sengkarai, Daerah Tutong dan berkunjung ke istana dengan ditemani oleh anak-anaknya berkata, "Inilah peluang untuk menatap wajah kerabat diraja dengan lebih dekat dan berpeluang menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya."

Warga emas yang mempunyai 15 orang anak ini juga mendoakan semoga Kebawah DYMM dan ahli kerabat diraja lainnya dikurniakan kesihatan sepanjang masa.

Meskipun berbangsa China, Puan Lim Lee yang berasal dari Daerah Brunei dan Muara juga tidak mahu ketinggalan untuk merasakan kemegahan berhari raya ke Istana Nurul Iman.

"Hampir setiap tahun saya berhari raya ke Istana Nurul Iman dan gembira bersempukan dengan raja yang dikasihi. Selagi ada peluang untuk berkunjung ke istana, tidak akan saya lepas," jelasnya.

Peluang berjunjung ziarah ke Istana Nurul Iman juga tidak dilepaskan oleh warga emas dari negara jiran yang kebetulan berada di negara ini.

Wantana Ratanaopap, berusia 70 tahun, berasal dari Bangkok, Thailand, merasakan bahawa pengalaman berkunjung ziarah ke Istana Nurul Iman ini sesuatu yang unik dan jarang ada di negara

lain.

Rakannya, Niramol Sukriwong, juga dari Bangkok, Thailand, pula merasa tertarik dengan tradisi berkunjung ziarah ini.

Wanita berusia 75 tahun ini juga tidak menyangka lawatannya, Negara Brunei Darussalam ini amat bermakna kerana dapat bersempukan dan beramah mesra dengan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kerabat diraja lainnya.

MESYUARAT AGUNG KE-11 BKSS

Oleh : Norliah Md. Zain

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Oktober. - Koperasi Badan Kebajikan Sukan dan Sosial Berhad (BKSS) Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke-11 Bagi Tahun 2007-2008.

Hadir selaku tetamu kehormat Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah, Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim serta pemegang-pemegang saham Koperasi BKSS.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Faatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi dan disusuli dengan membincangkan agenda mesyuarat.

Menurut Laporan Bagi Tahun Kewangan berakhir pada 31 Julai 2007 keuntungan bersih bagi tahun 2007 ialah \$215,569.02.

Sementara itu, merujuk Laporan Audit Pendaftar Bagi Tahun Kewangan berakhir pada 31 Julai 2007 (di bawah Bab 34 Akta Koperasi Penggal 84) keuntungan bersih pada tahun ini menurun sebanyak \$121,437.91.

Koperasi BKSS telah didaftarkan pada 17 Disember 1996 dan merupakan koperasi ke-150 didaftarkan di bawah Akta Koperasi

(Penggal 84).

Sejak didaftarkan, syarikat ini telah menjalankan pelbagai kegiatan seperti kedai, perkhidmatan trolis, kabin dan kantin sesuai dengan konsep koperasi untuk memajukan sosioekonomi ahli-ahlinya.

Di samping kejayaan yang dicapai oleh koperasi, Ahli Lembaga Pengarah juga disarankan untuk dapat meningkatkan daya usaha dalam mengembangkan lagi urusan niaga koperasi ke arah yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

Cawangan perkhidmatan perniagaan yang dijalankan oleh koperasi berbentuk kedai, perkhidmatan trolis, kabin dan kantin terdapat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Bangunan Kementerian Kesihatan, Pusat Kesihatan Rimba, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pusat Kesihatan Klinik Polli Seria, Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait, Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong, Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolikiah, Kampong Sungai Asam.

Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman

Rapatkan jurang institusi raja dan rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Oktober. - Sudah menjadi kelaziman setiap kali Hari Raya Aidilfitri, Istana Nurul Iman dibuka selama tiga hari berturut-turut bagi orang ramai menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz

Mazhar serta kerabat diraja yang lain.

Mereka yang berkunjung ke istana terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, badan bu-
kan kerajaan, anggota ber-
uniform, persatuan, insti-
tusi dan maktab serta orang
perseorangan. Bagi men-
gawal ketenteraman dan
keselamatan orang ramai.

Wakil PELITA BRU-
NEI berkesempatan mene-
mu bual beberapa orang
pegawai wanita beruniform
yang ditugaskan di Istana
Nurul Iman bagi Majlis
Menjunjung Ziarah pada

Hari Raya pertama dibuka
bagi kunjungan orang
ramai.

Dayang Esmawandy
binti Ibrahim Pegawai
Balai Bomba dan Penyelamat dari Ibu Pejabat
Bandar Seri Begawan yang
pertama kali bertugas se-
masa Hari Raya merasa
sedih kerana tidak dapat
beraya bersama keluarga,
namun kesedihannya itu
dikecewakan demi melak-
sanakan tanggungjawab
kepada raja, bangsa dan
negara.

Beliau menjelaskan
anggota bomba wanita

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

yang bertugas pada hari
tersebut seramai 27 orang
dari komunikasi dan kerah-
an anggota unit operasi
wanita. Mereka bertugas
secara bergilir-gilir setiap
hari selama tiga hari ter-
sebut.

Beliau seterusnya me-
nasihatkan orang ramai
yang berkunjung ke istana
supaya menunjukkan bu-
daya dan adat resam orang-
orang Brunei dengan ber-
sabar menanti giliran ma-
sing-masing serta mema-
tuh peraturan dengan ber-
baris secara teratur kerana
setiap mereka berpeluang
menjunjung ziarah ke ha-
dapan majlis baginda tanpa
berebut-rebut.

"Sebagai warga Negara
Brunei Darussalam kita
sepatutnya bersyukur ne-
gara kita dalam keadaan
damai, harmoni dan ber-
satu padu di bawah pim-
pinan seorang raja yang
adil, bijaksana dan prihatin
terhadap rakyat baginda.
Ini jelas dapat dilihat se-
perti adanya majlis seumpama ini yang mungkin
tidak pernah dilakukan di
negara-negara lain di dunia
ini," katanya.

Tambahnya lagi kesem-
patan menjunjung ziarah
ke hadapan majlis baginda
dan kerabat diraja yang
lain hendaklah dimanfaat-
kan sebaiknya oleh rakyat
dan penduduk untuk men-
zahirkan taat setia dan
kasih sayang yang tidak
berbelah bahagi ke hadap-
an majlis baginda.

Sementara itu, Dayang
Kartina binti Kipli dari
Pasukan Askar Wanita
Perkhidmatan Bantu Ang-
katan Bersenjata Diraja
Brunei (PBABDB) mene-
rangkan dia bertugas di
sana seramai lima orang
anggota dari setiap unit
PBABDB.

Kata Pemangku Kom-
peni, Sarjan Mejar, beliau
bersama rakan setugasnya
di Istana Nurul Iman se-
awal jam 7.00 pagi. Bagi-
nya mereka telah biasa ber-
tugas pada Hari Raya ke-
rana setiap tahun mereka
ditugaskan di sana bagi
mengawal ketenteraman
orang ramai.

Sementara rakannya
Dayang Rahimah binti Haji
Buntan, Ketua Kerani Mar-
kas berpendapat dengan
adanya istana terbuka itu



KARTINA binti Kipli dari Pa-
sukan Askar Wanita, Perkhid-
matan Bantu Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei
(PBABDB).



RAHIMAH binti Haji Buntan,
Ketua Kerani Markas Pa-
sukan Askar Wanita, Per-
khidmatan Bantu Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei
(PBABDB).

menampakkan betapa ka-
sih dan keprihatinan bagin-
da terhadap rakyat dan
penduduk negara ini, se-
lain itu tambah mereka tra-
disi seumpama ini tidak
akan dapat ditemui di
negara lain di mana rakyat
jelata diberikan peluang
untuk berkunjung dan
menjunjung ziarah ke ha-
dapan majlis baginda dan
kerabat diraja yang lain.

"Inilah keunikan negara
kita yang harus kita bang-
gakan kerana masih mam-
pu mempertahankan tra-
disi, adat resam dan me-
nyanjung tinggi kedaulatan
bangsa, negara dan raja
yang kita kasih," ujarnya.

Beliau berpendapat ba-

hawa kesempatan menjun-
jung ziarah dan menyem-
bahkan ucapan selamat
Hari Raya Aidilfitri selain
melihat dan menemui raja
yang disayangi dan kerabat
diraja yang lain merupakan
peluang keemasan kerana
pada hari-hari biasa pe-
luang untuk menemui ba-
ginda secara rasmi tentu
sukar dan Hari Raya inilah
menjadi kenangan kita
menemui baginda.

"Dengan adanya 'Istana
Terbuka' ini merupakan
satu pengumuman yang
sangat besar dan penuh erti
bagi rakyat dan penduduk
negara ini serta merapat-
kan kemesraan antara raja
dan rakyat baginda," kata-
nya.



ESMAWANDY binti Ibrahim Pegawai Balai Bomba dan Penyelamat (berdiri tengah) bersama
rakan setugasnya.

Suasana Aidilfitri turut dirasakan warga asing

Oleh : Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

Foto : Haji Sahrin Haji Asmat,
Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Okto-
ber. - Kemeriahan dan kegembiraan menyambut
Hari Raya Aidilfitri Al-Mubarak bukan sahaja
dirasakan oleh umat Islam di negara ini malah
warga asing yang bekerja dan melawat negara
ini juga dapat merasakannya ketika berkunjung
ke rumah sahabat handai.

Suasana ini lebih-lebih lagi dapat dirasakan
semasa menjunjung ziarah dan menyembahkan
ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan
majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja
yang lain sepanjang tiga hari Istana Nurul Iman
dibuka untuk kunjungan orang ramai.

Tidak melepaskan peluang menjunjung
ziarah ke Istana Nurul Iman termasuklah ribuan
warga asing sama ada yang bekerja, berus-
niaga, menuntut atau melancong ke negara ini.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemu
bual beberapa orang warga asing untuk menda-
patkan pandangan mereka mengenai Majlis
Junjung Ziarah Aidilfitri, kepimpinan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia dan perkembangan
negara ini.

Rata-rata mereka menyatakan Majlis Jun-
jung Ziarah ke Istana Nurul Iman sebagai tradisi
unik yang dapat merapatkan lagi silaturahim
dan kemesraan di antara rakyat dan kerabat di-
raja yang lain dapat menjalin hubungan persah-
abatan dengan masyarakat asing.

Salah seorang pengunjung, Luisia R. Smris-
tia, warga Filipina yang sudah enam tahun ber-
tugas sebagai guru di Riverside School di
Kampung Masin menyatakan, beliau dan rakan-
nya Gloria Macabulbod merasa amat gembira
dan menghargai kemurahan hati Kebawah
DYMM memberi kesempatan kepada warga
asing turut sama menjunjung ziarah ke Istana
Nurul Iman.

Ini katanya akan dapat mengeratkan lagi
kemesraan dan kasih sayang di antara raja de-
ngan rakyat jelata serta persahabatan dengan
warga asing yang terdiri dari pelbagai bangsa
dan agama.

Beliau berkata, Kebawah DYMM meru-
pakan seorang pemimpin yang bijaksana, berj-
wa rakyat serta pemurah dan sentiasa prihatin
kepada kebajikan rakyat dan orang ramai.

"Kami selesa bekerja di negara ini kerana
keadaannya sentiasa aman dan sejahtera di
samping penduduknya yang ramah dan
melayani warga asing dengan baik," ujarnya.

Pasangan suami isteri Conrad Houge dan
Alice Houge, pelancong dari Amerika Syarikat,
pula melihat Majlis Junjung Ziarah ke Istana
Nurul Iman merupakan sesuatu yang unik dan
memberikan pengalaman baru kepada mereka
kerana jarang terdapat di negara-negara lain.

Menurut Conrad Houge, Kebawah DYMM
cukup dikenali di luar negara sebagai pemimpin
yang berwibawa dan prihatin bukan sahaja ter-
hadap kebajikan rakyat serta negara ini malah
masyarakat antarabangsa.

Bagi Patricia Ho dari Kuala Lumpur yang
sudah lapan tahun bekerja di negara ini dan
sedang bertugas di Premier Motor, persekitaran
yang aman, pentadbiran negara yang baik,
ekonomi yang berkembang, keramahan rakyat
negara ini membuatnya amat selesa tinggal
di negara ini.

Beliau amat menyenangi corak kepimpinan
Kebawah DYMM yang menitikberatkan keba-
jikan rakyat dan pembangunan negara di mana
rakyat hidup dengan penuh sejahtera dan negara
terus berkembang maju.

"Kerajaan baginda juga memberikan ban-
tuan kepada negara-negara luar yang mengha-
dapi musibah dan bencana alam. Brunei juga
menghantar tentera pengaman ke beberapa buah

negara," tegasnya.

Seorang lagi warga asing Ruhul Amin dari
Bangladesh yang sudah sebelas tahun bekerja di
negara ini menyatakan, beliau setiap tahun
berkunjung ke Istana Nurul Iman pada setiap
Hari Raya jika tidak pulang ke negaranya.

Baginya suasana kemeriahan dan kegemb-
raan orang ramai sambil menjamu selera di
Istana Nurul Iman dapat menghilangkan kerin-
duannya kepada kaum keluarga di Bangladesh.

"Di Brunei senang cari rezeki, keadaannya
aman tidak kacau, para majikan juga menjaga
kebajikan pekerja, pentadbiran kerajaan bagus.
Orang Brunei juga baik hati, suka tolong orang
asing," jelasnya.

Sementara itu Mohd. Alodot dari Jordan pula
menyatakan beliau sedang menguruskan pen-
daftarannya di Al-Aloot Sendirian Berhad di
negara ini kerana tertarik dengan negara ini
yang bukan sahaja aman tetapi juga membuka
banyak peluang perniagaan.

"Saya merasakan Negara Brunei Darussalam
seperti negara saya kerana negara ini kuat
berpegang kepada ajaran Islam di bawah
kepimpinan Kebawah DYMM," katanya.

Menurutnya, beliau pernah melawat ke lebih
30 buah negara di dunia, tetapi Negara Brunei
Darussalam mempunyai ciri-ciri budaya, tradisi
dan adat resam yang unik yang amat dikagumi-
nya.

Seorang lagi warga asing yang sempat dite-
mu bual, Gerinsa Anak Narang dari Sarawak
menyatakan sepanjang 15 tahun bekerja di
negara ini beliau beserta keluarganya merasa
amat selesa.

Beliau amat berbesar hati kerana Kerajaan
Kebawah DYMM telah memberikan peluang
kepadanya mencari rezeki di negara ini dan
berazam akan bekerja dengan lebih gigih untuk
membantu negara ini terus membangun.



LUISIA R. Smristia, warga
Filipina, "Majlis Junjung
Ziarah Aidilfitri mengeratkan
lagi kemesraan di antara raja
dengan rakyat jelata serta
memupuk persahabatan be-
sama warga asing."



PATRICIA Ho dari Kuala Lum-
pur menyenangi kepimpinan
Kebawah DYMM yang meni-
tikberatkan kebajikan rakyat
dan pembangunan negara.



RUHUL Amin dari Bangla-
desh, "Berkunjung ke Istana
Nurul Iman pada Hari Raya
menghilangkan kerinduan
kepada keluarga di kam-
pong."



PASANGAN suami isteri,
Conrad Houge dan Alice
Houge, pelancong dari Ame-
rika Syarikat menyifatkan
Majlis Junjung Ziarah unik
dan memberikan pengalam-
an baru kepada mereka.



MOHD. Alodot dari Jordan
merasakan Negara Brunei
Darussalam seperti negara
sendiri kerana negara ini
kuat berpegang kepada ajar-
an agama Islam.



GERINSA Anak Narang dari
Sarawak merasa selesa se-
panjang 15 tahun bekerja di
negara ini.



MAJLIS Khatam Al-Qur'an anjuran Kementerian Perhubungan dihadiri oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Majlis Kesyukuran

LEBUH RAYA MUARA TUTONG, Isnin, 8 Oktober. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Kesyukuran Sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta di Surau Pusat Pembangunan Belia di sini.

Kira-kira 100 orang yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan KKBS serta para pelatih Pusat Pembangunan Belia menghadiri majlis yang dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas Yaa Siin serta diikuti dengan bacaan Doa Khas Kesyukuran

Oleh :
Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

yang diketuai oleh Haji Abdul Kadir N. C. Mohamed.

Hadir di majlis itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad dan Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Dato Paduka Haji Jemat bin Haji Ampal dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis diselenggarakan dengan bersung-kai yang diikuti Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Khatam Al-Qur'an Kementerian Perhubungan

GADONG, Isnin, 8 Oktober. - Majlis Khatam Al-Qur'an terus dijalankan sempena berakhirnya bertadarus Al-Qur'an dalam bulan Ramadan yang mulia ini oleh beberapa kementerian untuk mendapatkan pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan majlis tersebut sempena sambutan Nuzul Al-Qur'an dan Doa Kesyukuran Sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah diikuti surah-surah khatam.

Hadir di majlis itu Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia

Oleh : **Abdullah Asgar**

abdullah.asgar@information.gov.bn

Haji Awang Abu Bakar, Timbalan Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusoff bin Haji Hamid dan Setiausaha-setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan di kementerian berkenaan.

Sambutan Nuzul Al-Qur'an adalah salah satu acara keagamaan yang dianjurkan oleh kementerian tersebut melalui jabatan-jabatannya.

Majlis juga diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah undangan khas dari Jabatan Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Sayyed Abdul Hamid Al-Madaly.

Majlis juga diselenggarakan dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Brunei LNG hulur bantuan

Berita dan Foto :

Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

LUMUT, Khamis, 10 Oktober. - Seramai 173 orang ahli dari 36 keluarga yang terlibat dalam kebakaran pada bulan Mac, Mei dan Oktober baru-baru ini menerima derma berupa wang tunai berjumlah lebih \$17,000.00 daripada pekerja-pekerja Brunei LNG.

Derma disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan Brunei LNG, Haji Matsatejo Sokiaw kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohamad bin Haji Abd. Rahman yang juga Pengerusi Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait. Majlis bertempat di Kelab Rekreasi Liang Lumut.

Haji Matsatejo dalam ucapannya menyatakan derma tersebut bagi meringankan beban para mangsa terutama dari segi perbelanjaan dalam membuat persediaan menyambut Hari Raya yang bakal menjelang.

"Semoga dengan sumbangan ikhlas dari pekerja-pekerja BLNG akan dapat menyerikan sambutan Hari Raya bersama keluarga mereka," katanya.

Sumbangan tersebut katanya bertepatan dengan aspirasi syarikat untuk melibatkan syarikat dan pekerja-pekerjanya di dalam aktiviti kemasyarakatan dengan menghulurkan bantuan kepada pihak-pihak yang memerlukan sama ada yang berbentuk jangka panjang mahupun jangka pendek termasuk dari segi kewangan dan peralatan.

Setiap ahli keluarga menerima \$100.00 seorang. Para mangsa terdiri daripada 81 orang dari 15 keluarga yang menghuni Berek Kerajaan Blok 387,



PEMANGKU Pengarah Urusan Brunei LNG, Haji Matsatejo Sokiaw menyampaikan derma bagi Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohamad bin Haji Abd. Rahman yang juga Pengerusi tabung berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Urusan Brunei LNG menyampaikan sumbangan derma kepada mangsa terabit.

Simpang 198-72, Lorong 3 Selatan Seria yang terbakar pada 13 Mac 2007 dan 73 mangsa dari 18 keluarga yang tinggal di Berek Blok 387, Simpang 198-2, Lorong 3 Selatan Seria yang terlibat dalam kebakaran pada 29 Mei 2007. Juga menerima sumbangan 19 orang dari tiga keluarga mangsa kebakaran Berek

Blok 277, Jalan Maharaja Lela, Kuala Belait pada 3 Oktober baru-baru ini.

Pada majlis tersebut Pemangku Pengarah Urusan Brunei LNG juga menyampaikan sumbangan derma berupa cek bernilai \$2,000.00 bagi Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait kepada Pegawai Daerah Belait.

Tuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Oktober. - Seorang warga Thailand, Jintana Kibuntha telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas dua pertuduhan di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131).

Hasil penyiasatan Biro Mencegah Rasuah mendapati tertuduh pada 21 Oktober 2006 telah memberi wang suapan sebanyak BND\$4,000.00 (Empat Ribu Ringgit) kepada seorang Pegawai Tugas-Tugas Khas Bahagian Institusi Kewangan di Kementerian Kewangan, sebagai dorongan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas sebuah syarikat penghantaran wang yang telah gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Bahagian Institusi Kewangan.

Dalam pertuduhan kedua, tertuduh didapati telah memberi wang suapan sebanyak BND\$300.00 (Tiga Ratus Ringgit) kepada seorang kerani bertugas di Bahagian Institusi Kewangan Kementerian Kewangan sebagai dorongan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas syarikat berkenaan.

Semasa dihadapkan di mahkamah, tiada pengakuan diambil terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut. Mahkamah Majistret telah membenarkan tertuduh untuk dibebaskan dengan syarat jaminan sebanyak BND\$10,000.00 (Sepuluh Ribu Ringgit) atau dua orang penjamin tempatan. Mahkamah juga memerintahkan pasport tertuduh ditahan oleh Biro Mencegah Rasuah.

HARI GURU

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KE-77

2007

Selamat Hari Guru

گورو برائے تزام مقرر کا اوقایہ مناجسا

GURU BERILITZAM MEMPERKASA KEUPAYAAN BANGSA

15 Syawal 1428H / 27hb Oktober 2007M

DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman

Warga emas mendapat layanan istimewa

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Oktober. - Golongan warga emas atau orang tua yang berkunjung bagi junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat-kerabat diraja sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman, melahirkan rasa syukur dan selesa apabila disediakan tempat khas bagi warga emas.

Pengunjung warga emas yang ditemu bual, Awang Manaf bin Haji Taib memberitahu dengan adanya tempat khas bagi golongan seperti mereka memudahkan mereka tidak perlu berebut-rebut bagi menjamu makanan serta tidak bercampur dan berhimpit dengan golongan lebih muda dan juga kanak-kanak.

"Alhamdulillah beberapa tahun ini, golongan seperti kami telah diberi perhatian dengan penyediaan tempat khas untuk warga emas bagi menjamu makanan dengan lebih selesa, tanpa perlu bercampur dengan golongan yang lebih muda," ujarnya.

Penyediaan tempat khas ini tambahnya merupakan langkah yang wajar dan baik yang perlu dikekalkan bila-bila masa.

Beliau kini berusia 71 tahun sering berkunjung bagi junjung ziarah ke Istana Nurul Iman sejak tahun 80-an sehingga kini.

Ditanya mengenai langkah pihak kerajaan dan pihak-pihak yang tertentu yang memberikan perhatian kepada golongan warga emas dengan melibatkan pelbagai aktiviti, beliau merasa senang hati kerana golongan mereka tidak pernah diabaikan, malahan diambil

perhatian berat dengan menyertai pelbagai acara seperti dibawa berkunjung berhari raya ke rumah-rumah orang-orang kenamaan.

Sementara Dayang Siti Aisah binti Abdullah, berusia 72 tahun, berasal dari Kampong Jalan Pasir Berakas juga turut merasakan keselesaan dengan ada tempat khas untuk warga seperti kami.

Tambahan lagi, selain disediakan tempat khas untuk menjamu makanan yang telah disediakan, warga emas juga diberikan keutamaan untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Ditanya mengenai kenaikan pencen tua oleh Kerajaan Kebawah DYMM, beliau melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana memberikan seorang raja yang memedulikan hal ehwal rakyat terutama golongan seperti kami dengan menaikkan pencen tua daripada \$150.00 hingga \$250.00 sebulan.

Beliau yang sering berkunjung bagi junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah DYMM serta kerabat diraja tidak akan melepaskan peluang

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn
Foto : Haji Sahrin Haji Asmat

untuk berkunjung ke Istana Nurul Iman setiap tahun apabila menjelang Hari Raya Aidilfitri.

"Selagi badan sihat dan tenaga kuat dan umur panjang saya akan sering berkunjung untuk junjung ziarah ke hadapan baginda dan keluarga," katanya.

Manakala Lorna Chai yang sudah berusia 67 tahun turut bercerita mengenai kunjungannya ke Istana Nurul Iman di mana ketika dulu belum ada tempat khas untuk orang tua atau warga emas, tetapi sekarang sudah banyak bagus dan baik kerana seperti golongan mereka sudah disediakan tempat yang bagus tanpa perlu berebut-rebut dengan golongan yang lebih muda.

Beliau juga merasa gembira, dengan kenaikan pencen tua daripada \$150.00 hingga \$250.00 yang telah diterima pada masa ini, dapat membantu dalam perbelanjaan seharian beliau, kerana setelah bersara dari perkhidmatan kerajaan dalam tahun 2000, beliau tidak menerima gaji atau pencen perkhidmatan kerana dalam perkhidmatan sebulan ke sebulan.

Dalam kesempatan ini, beliau juga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain.

Belia meriahkan suasana Hari Raya di Istana Nurul Iman

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



USTAZAH Dayang Ros Azlin binti Ariffin kagum dengan kesanggupan Kebawah Duli Yang Maha Mulia membuka istana sehingga tiga hari dengan menerima pengunjung yang begitu ramai.



PEGAWAI Ugama Kanan, Dayang Hajah Maimon binti Mat Jerah ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI.

BERHARI raya ke Istana Nurul Iman merupakan salah satu aktiviti yang dinanti-nantikan oleh rakyat dan penduduk di negara ini. Inilah waktunya untuk berjumpa dengan raja yang disanjung dan dikagumi oleh rakyat jelata. Setiap kali Hari Raya menjelang, Istana Nurul Iman kerap kali menerima kunjungan dari pelbagai puak di negara ini bahkan juga pelancong asing.

Para belia dari negara kita juga tidak ketinggalan



HANISAH binti Jambul berpendapat kita perlu merebut peluang untuk berkunjung ke istana pada Hari Raya.



DAYANGKU Fatin Nur'masayuni Safwana binti Pengiran Raslan berpendapat Hari Raya rasanya lebih bermakna jika dapat berkunjung ke istana untuk bertemu dengan raja yang dikasihi serta kaum kerabatnya.



"PARA belia mestilah memeriahkan suasana Hari Raya di Istana Nurul Iman," ujar Dayang Zahidah binti Haji Abdul Rahman.

memeriahkan suasana Hari Raya di Istana Nurul Iman. Biarpun mereka tahu keadaan para pengunjung yang terpaksa bersesak-sesak berbaris untuk mengadap dan junjung ziarah kerabat diraja, tetapi semua itu tidak mematahkan semangat mereka hanya semata-mata untuk mendekatkan diri kepada raja dan kerabat di raja.

Dayangku Fatin Nur'masayuni Safwana binti Pengiran Raslan berpendapat Hari Raya rasanya lebih bermakna jika dapat berkunjung ke istana untuk bertemu dengan raja yang dikasihi serta kaum kerabatnya.

"Sememangnya bukan mudah untuk berkunjung ke istana pada hari-hari biasa. Oleh itu wajar bagi kita merebut peluang ini dengan berkunjung ke istana pada Hari Raya dan berjumpa dengan raja yang dikasihi," ujar Dayang Hanisah binti Jambul pula.

Sementara Dayang Zahidah binti Haji Abdul Rahman pula mengongsikan pendapatnya bahawa kunjungan ke Istana Nurul Iman semasa Hari Raya merupakan satu tradisi yang menjadi kebanggaan rakyat negara ini. Oleh itu para belia selaku penerus generasi mestilah memeriahkan suasana Hari Raya dengan berkunjung ke Istana Nurul Iman, agar tradisi ini kekal sampai bila-bila.

Dayang Khairunnisa



DAYANG Khairunnisa Hanisah binti Haji Abdul Aziz berseru kepada para belia supaya berkunjung beramai-ramai ke istana untuk junjung ziarah.

Hanisah binti Haji Abdul Aziz yang juga bersetuju dengan pendapat Dayang Zahidah berseru kepada para belia supaya akan berkunjung beramai-ramai ke istana untuk junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang lain.

Selain golongan belia, wakil PELITA BRUNEI juga sempat bertemu bual seorang guru daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah (ITAQSHHB), Ustazah Dayang Ros Azlin binti Ariffin, 39 tahun warganegara Singapura.

"Sebagai warganegara Singapura, saya amat mengagumi Sultan Brunei yang sanggup membuka istana sampai tiga hari dan menerima pelbagai lapisan pengunjung untuk bertandang ke istana baginda. Saya rasa perkara seumpama ini jarang sekali dijumpai di mana-mana negeri. Pada pendapat saya, inilah salah satu cara bagi baginda mendekatkan diri kepada rakyat jelata. Di sinilah terseliah keprihatinan baginda terhadap rakyatnya," katanya.

Sementara Pegawai Ugama Kanan, Dayang Hajah Maimon binti Mat Jerah berkata bertandang ke Istana Nurul Iman pada tahun ini punya keistimewaan tersendiri. Pada tahun ini rombongan ITAQSHHB ditempatkan antara barisan yang terawal sekali.

"Selain itu inilah masanya untuk mendekatkan diri dengan kerabat diraja dan bermaaf-maafan bersama mereka," ujar beliau.

Jelas dari tinjauan wakil PELITA BRUNEI, bahawa rata-rata pengunjung yang hadir ke Istana Nurul Iman amat senang sekali dan setentunya Hari Raya pada tahun ini lebih bermakna kerana berpeluang untuk berjumpa dengan raja yang disayangi.

BSP bantu mangsa bencana

KUALA BELAIT, Rabu, 10 Oktober. - Seramai 21 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kebakaran berek kerajaan yang berlaku pada bulan Mei dan

Oktober baru-baru ini mendapat perhatian dari Kumpulan Syarikat-syarikat Minyak Brunei Shell (BSP).



PEMANGKU Pengarah BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali menyampaikan sumbangan derma kepada mangsa kebakaran.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Sehubungan itu BSP, Brunei Shell Tanker (BST) dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) telah menghulurkan bantuan sebanyak \$600.00 kepada setiap ketua keluarga yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali. Majlis berlangsung di Dewan Qiyadah Pejabat Daerah Belait di sini.

Hadir di majlis tersebut Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohamad bin Haji Abd. Rahman dan Pemangku Penasihat Hal

Ehwal Luar BSP, Dayang Hajah Masni binti Haji Munir serta pegawai-pegawai Pejabat Daerah Belait dan BSP.

Kebakaran Berek Kerajaan, Blok 387, Simpang 198-2, Lorong 3 Selatan Setia pada 29 Mei lalu mengakibatkan 73 orang dari 18 keluarga kehilangan tempat tinggal, manakala 18 orang dari tiga keluarga yang tinggal di Berek, Blok 277, Jalan Maharaja Lela Kuala Belait pada 3 Oktober baru-baru ini juga menerima nasib yang sama.

KEMASYARAKATAN

Lebih dua ribu anak yatim terima derma

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim

ahmad.salim@information.gov.bn

Foto : Ampuan Haji Mahmood
Ampuan Haji Tengah

BERAKAS, Selasa, 2 Oktober. - Seramai 2,090 orang anak-anak yatim yang berumur di bawah 18 tahun yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menerima sumbangan derma daripada Tabung Kebangsaan Anak-anak Yatim berjumlah \$161,000.00 dan sumbangan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) bernilai \$103,950.00, di Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2007 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Mengikut statistik pecahan anak-anak yatim di negara ini, iaitu 1,121 orang anak yatim dari Daerah Brunei dan Muara, 438 orang dari Daerah Tutong, 337 orang dari Daerah Belait dan 93 orang dari Daerah Temburong.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan derma berkenaan.

Turut hadir di majlis berkenaan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah selaku Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang juga menyampaikan Skim Galakan Pelajar Cemerlang kepada 27 orang anak-anak yatim yang cemerlang dalam peperiksaan awam.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an yang disampaikan oleh Awang Mohd. Najib bin Haji Aliakbar dan terjemahannya dibacakan oleh Awang Mohd. Faiz bin Haji Daim dari Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanali Bolkiah.

Kemudian diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Adina binti Othman yang antara lain berkata anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam ini telah mendapat tempat yang baik disisi masyarakat dan mereka dipedulikan oleh orang-orang Brunei, sama ada orang-orang perseorangan, pihak swasta mahupun agensi kerajaan yang lain yang amat

prihatin dan bersikap tidak camah mata.

Ini berkait rapat jelasnya dengan ajaran agama Islam di mana anak-anak yatim merupakan kumpulan yang istimewa dan patut diberikan bantuan yang selayaknya oleh orang-orang sekeliling mereka.

"Memandangkan di Negara Brunei Darussalam kita tidak mempunyai rumah khas untuk anak-anak yatim, orang-orang Brunei kitani sangat ringan tangan untuk membantu golongan ini dari segi kewangan, kebendaan mahupun penjagaan. Inilah budaya orang-orang Brunei yang patut kitani sanjungi dan diteruskan di masa-masa yang akan datang," ujarnya.

Menurutnya lagi, kadar derma yang disumbangkan pada tahun ini meningkat dari yang sebelumnya. Ini adalah berkat sumbangan ikhlas orang ramai yang sudi menderma dalam Tabung Kebangsaan Anak-anak Yatim bukan sahaja melalui SMS Prihatin tetapi juga menderma secara langsung.

"Dengan kadar derma yang baru ini, adalah diharapkan kepada penerima-penerima akan dapat membelanjakan pada perkara-perkara yang munasabah yang berfaedah dan tidak dibazirkan begitu sahaja," terangnya.

Majlis diikuti selepas itu dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang diketuai oleh Awang Muhammad Amin bin Haji Salim dan ceramah khas bertajuk 'Anak Yatim dan Tanggungjawab Terhadap Ibu bapanya' yang disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiyah, Awang Haji Mail bin Besar.

Acara kemuncak majlis ialah penyampaian derma kepada anak-anak yatim seluruh negara yang



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah menyampaikan Skim Galakan Pelajar Cemerlang.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyampaikan derma kepada anak-anak yatim.

berjumlah 2090 orang. Manakala, sumbangan derma anak-anak yatim Daerah Belait, Tutong dan Temburong diterima oleh Pegawai-pegawai Daerah masing-masing.

Selain penyampaian derma, majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian Skim Hadiah Galakan Pelajar Cemerlang bagi anak-anak yatim yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Penilaian Menengah Bawah (PMB), GCE 'O' dan 'A' Level pada tahun 2006.

Di majlis itu juga Tabung Kebangsaan Anak-

anak Yatim turut menerima sumbangan cek bernilai \$2,000.00 daripada Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim yang diterima oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Daud.

Majlis Penyampaian Derma ini adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh JAPEM sejak 30 tahun yang lalu yang diadakan setiap menjelang Ramadan.



SEBAHAGIAN anak-anak yatim Daerah Brunei dan Muara di Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Peringkat Kebangsaan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi dan Pengarah Urusan Goh Hock Kee Motors Sendirian Berhad, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin bersama-sama memotong reben dan menabur bunga rampai bagi kenderaan yang disumbangkan.

Kementerian Kesihatan terima sumbangan kenderaan

Oleh : Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 11 Oktober. - Syarikat swasta di negara ini terus memberikan bantuan kepada beberapa buah Kementerian bertujuan melancarkan perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai selain membantu pihak kerajaan dalam memenuhi ekspetasi masyarakat luas.

Berikutan itu Syarikat Goh Hock Kee (GHK) Motors Sendirian Berhad hari ini bermurah hati menyumbangkan dua buah lori pikap Mitsubishi L200 kepada Kementerian Kesihatan yang akan diserahkan kepada Unit Kawalan Vektor, Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar.

Kedua-dua buah lori pikap itu adalah dihasratkan bagi meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan operasi unit berkenaan kepada orang ramai termasuk operasi di kawasan pendalaman Kuala Belait dan Tutong.

Menerima kunci replika bagi pihak Kementerian Kesihatan pagi tadi di Kementerian berkenaan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi dari Pengarah Urusan GHK Motors Sendirian Berhad, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Kedua-dua mereka

telah memotong reben dan menabur bunga rampai bagi merasmikan kedua-dua buah kenderaan berkenaan, diikuti oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah dan kemudiannya pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan dan Syarikat GHK Motors Sendirian Berhad.

Kenderaan berenjin diesel berkuasa 2,500cc yang setiap satunya berhar-

ga kira-kira \$25,000.00 itu akan dapat menyumbangkan bantuan kepada pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh unit berkenaan termasuk pemantauan entomologi dan operasi penyemburan.

Aktiviti-aktiviti berkenaan sangat penting bagi mengenal pasti jenis nyamuk yang terdapat di negara ini, tahap densitinya, kawasan pembiakannya serta pengawasan dan keberkesanan campur tangan kawalan vektor.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi menyampaikan derma kepada anak-anak yatim dari kalangan kakitangan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong (atas dan bawah).



Anak-anak yatim hospital terima sumbangan

TUTONG, Khamis, 11 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi menyampaikan derma anak-anak yatim kepada anak-anak kakitangan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dipimpin oleh Awang Haji Tarof bin Pardi diikuti bacaan Al-Qur'an oleh Awang

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

Haji Abdul Wahab bin Haji Kassim dan terjemahannya disampaikan oleh Awang Haji Tuah bin Haji Libut.

Derma anak-anak yatim kali ini adalah sumbangan daripada kakitangan Kementerian Kesihatan dan Hospital PMMPMHAMB.

Majlis yang berlangsung di ruang legar Jabatan Radiologi Hospital PMMPMHAMB juga dihadiri oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awang Yusof bin Amba serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kesihatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Presiden Negara Palestin, Tuan Yang Terutama Mahmoud Abbas di Istana Nurul Iman. - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.

Kebawah DYMM menerima mengadap Presiden Palestin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Presiden Negara Palestin, Tuan Yang Terutama Mahmoud Abbas di Istana Nurul Iman di sini.

Ketibaan Tuan Yang Terutama beserta rombongan termasuk Menteri Penerangan dan Menteri Yang Bertanggungjawab Bagi Hal Ehwal Luar, Yang Berhormat Dr. Riadh Al-Maliki di Istana Nurul Iman dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama di Majlis Mengadap itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

Oleh :

Bolhassan Haji Abu Bakar

bolhassan.abubakar@information.gov.bn

dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Selepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Tuan Yang Terutama juga telah mengadakan rundingan mengenai isu-isu semasa dan dua hala.

Presiden Negara Palestin, Tuan Yang Terutama Mahmoud Abbas tiba di negara ini bagi mengadakan lawatan kerja dua hari.

Presiden Palestin diraikan di Majlis Santap Malam

Oleh : Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam sempena lawatan Presiden Negara Palestin, Tuan Yang Terutama Mahmoud Abbas ke negara ini.

Berangkat ke Majlis Santap Malam yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Tuan Yang Terutama Mahmoud Abbas yang berada di negara ini bagi lawatan dua hari disertai sama oleh Menteri Penerangan dan Menteri Yang Bertanggungjawab Bagi Hal Ehwal Luar, Yang Berhormat Dr. Riadh Al-Maliki termasuk beberapa orang pegawai kanan kerajaan Palestin.

Lawatan ini merupakan yang pertama bagi TYT sejak dipilih menjadi Presiden Negara Palestin pada tahun 2005 lalu sementara Presiden pertama Palestin Allahyarham Tuan Yang Terutama Yasser Arafat juga pernah mengadakan lawatan ke negara ini beberapa tahun dahulu.

TYT dan rombongan seramai 10 orang tiba di negara ini lewat petang tadi menggunakan pesawat khas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam sempena lawatan Presiden Negara Palestin, Tuan Yang Terutama Mahmoud Abbas ke negara ini, majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Presiden Palestin tiba bagi lawatan kerja

Oleh : Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengalu-alukan ketibaan Presiden Negara Palestin, Tuan Yang Terutama Mahmoud Abbas di Lapangan Antarabangsa Brunei.

BERAKAS, Selasa, 23 Oktober. - Presiden Negara Palestin, Tuan Yang Terutama Mahmoud Abbas tiba di sini bagi lawatan kerja dua hari sebagai sebahagian daripada siri kunjungannya ke Asia Tenggara.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Turut mengalu-alukan TYT ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng.

TYT Mahmoud diiringi oleh Menteri Penerangan dan Menteri Yang Bertanggungjawab Bagi Hal Ehwal Luar, Yang Berhormat Dr. Riadh Al-Maliki serta tiga orang pegawai kanan Palestin.

Semasa lawatan, TYT dijadual mengadakan pertemuan dengan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di

mana TYT akan menyebarkan penerangan mengenai situasi terkini di Palestin.

Agensi berita antarabangsa melaporkan bahawa TYT meninggalkan Tebing Barat pada Khamis lalu untuk lawatan ini yang memberi tumpuan kepada meraih sokongan daripada negara-negara penting Islam sebelum menghadiri mesyuarat dengan Israel yang ditaja oleh Amerika Syarikat.

TYT mahu mendapatkan sokongan kuasa Islam sebelum ke Amerika Syarikat untuk bermesyuarat dengan Israel lewat tahun ini yang telah membangkitkan harapan bagi menghidupkan semula proses damai Timur Tengah selepas tujuh tahun menemui jalan buntu.

Ini adalah merupakan lawatan kerja pertama TYT ke Negara Brunei Darussalam sejak dipilih sebagai Presiden Negara Palestin pada Januari 2005.

TYT atau gelaran popularnya Abu Mazen, dipilih sebagai Presiden oleh pihak berkuasa Palestin pada 9 Januari 2005 dan memulakan tugas pada 15 Januari 2005.

Negara Brunei Darussalam merupakan negara persinggahannya yang ketiga selepas mengunjungi Malaysia dan Indonesia.

GURU BERILITIZAM MEMPERKASA KEUPAYAAN BANGSA گورو برالتزام ممقرکاس کا وقایان بقسا

تربیتکن اولہ جیائن قراغن، جیائن فردان منتری دان دچیتق اولہ جیائن فرچیتقن کراجان، جیائن فردان منتری، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Ditetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING	
Ambulans	Bomba & Penyelamat
991	995
Polis	Mencari & Menyelamat
993	998



PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING	
Air	Unit Pengurusan Bencana Alam
140	
Talian Kebajikan	2381874
141	2381313
Elektrik	2382143
144	2382027
Maklumat Penerbangan	2331747
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)	Selesema Burung
2332600	8984777
	8985777

BILANGAN 43

RABU 24 OKTOBER 2007

1428 رابو 12 شوال

PERCUMA

BERTUGAS DI 'PERKUBURAN' AMALAN MULIA, DEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH

KUBURAN, tidak selamanya melambangkan tempat sepi. Setidaknya pada hari-hari tiba menjelang bulan Ramadan, akan menjadi tumpuan masyarakat Islam di negara ini menziarahi kubur dan agama Islam juga telah menganjurkan dan mengajarkan cara untuk menghormati mereka yang telah meninggal dunia iaitu dengan melakukan ziarah ke tanah perkuburan.

Seperti mana yang kita sedia maklum, amalan menziarahi kubur merupakan amalan yang lazim dilakukan oleh umat Islam di negara ini dan amalan tersebut semakin bertambah dalam bulan Ramadan dan di pagi Hari Raya Aidilfitri.

Bagi dua pekerja yang ditugaskan di salah sebuah tanah perkuburan Islam di ibu negara berpendapat, suasana hening dan sepi di tanah perkuburan akan kelihatan sibuk dengan kedatangan kaum keluarga serta pihak keluarga yang telah pergi menghadap Ilahi terutama bila menjelang bulan Ramadan dan Aidilfitri.

Bagi Awang Othman bin Danis dan Awang Ishak bin Ahmad yang mula bertugas pada tahun 1984, hari-hari biasa terutama hari Jumaat dan Ahad, ramai sanak saudara dan kaum keluarga mereka yang telah pergi menziarahi kubur.

"Mereka membersihkan kawasan perkuburan, dengan mengadakan bacaan tahlil yang merupakan amalan yang sememangnya dituntut dalam Islam," kata mereka.

Dalam agama Islam sendiri telah mengajarkan umatnya untuk hidup saling bersaudara, bantu-membantu dan hormat-menghormati sesama manusia, tidak kira sama ada seseorang itu masih hidup atau telah meninggal dunia.

KESEDARAN

Bagi Awang Othman dengan pengalaman hampir 24 tahun bertugas 'di kuburan', memanglah sudah terbiasa dengan tempat yang agak sunyi dan sepi, malah bagi sesetengah orang kita berasa 'takut' berhadapan dengan kubur, tetapi sebenarnya ianya merupakan tugas yang sangat mulia, di samping melakukan amal-amal kebajikan dan sama-sama menghadihkan bacaan Surah Al-Faatihah dan bertahlil.

Awang Ishak pula berpendapat, masyarakat kita janganlah memandang rendah atau takut berkhidmat di sini, kerana ia sebahagian daripada amalan-amalan kebajikan. Kita akan berasa hati yang lapang, mempunyai kesedaran dan bersih semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Mereka menasihatkan, kepada para penziarah kubur, akan sama-sama menjaga adab sewaktu menziarahi kubur dan sama-sama menjaga keharmonian dan kebersihan tanah perkuburan.

ADAB ZIARAH KUBUR

Apabila menjelang Aidilfitri, ramai umat Islam membersihkan kawasan perkuburan dan menziarahi kubur. Ada yang melakukannya secara suka-rela sebagai sedekah dan ada juga kumpulan yang melakukannya secara bergotong-royong. Ini amatlah baik, walaupun sebenarnya menziarahi dan membersihkan kubur

boleh dilakukan pada bila-bila masa.

Menziarahi kubur menginsankan kita tentang kematian, mengingatkan kita supaya membuat persediaan. Tiada tuntutan sunnah menziarahi kubur pada awal Syawal. Bagaimanapun, kita melakukannya sebagai adat tradisi dan sebagai ingatan kasih-sayang kepada orang-orang yang telah pergi. Sekiranya menziarahi kubur, hendaklah menjaga adab berziarah ke kubur, antaranya menyampaikan salam kepada ahli kubur, berpakaian menutup aurat dan berdoa untuk ahli kubur.

Antara amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi



AWANG Othman bin Danis, "Masyarakat jangan takut berhadapan dengan kubur, ia sebenarnya mendekatkan diri kita kepada Allah dan sentiasa mengingati mati."

Wasallam yang telah dilupakan oleh kita umat Islam pada hari ini ialah

menziarahi kubur. Rata-rata umat Islam hanya menziarahi kubur hanya ketika menghantar jenazah orang yang dikenali untuk dibeumikan.

Oleh kerana kesedihan akibat saudara atau kenalan ini meninggalkan kita buat selama-lamanya maka menyebabkan kita tidak sempat untuk merenung pengajaran di sebalik kematian atau apakah nasib yang sedang menimpa orang-orang yang berada di alam barzakh.

TIADA PERBEZAAN

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Aku dahulu melarang kamu



DUA pekerja yang cekal, Awang Othman bin Danis (kiri) dan Awang Ishak bin Ahmad (kanan) sudah terbiasa 'bertugas' di Tanah Perkuburan Islam, berpengalaman hampir 24 tahun.

Rencana dan Foto :
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

daripada menziarahi kubur maka ziarahilah ia (sekarang) kerana ia mengingatkan kamu kepada kematian."

Ulama sepakat bahawa menziarahi kubur hukum-

nya sunat dan digalakkan bagi lelaki. Bagi wanita pula hukumnya adalah diharuskan.

Ini kerana dengan menziarahi kubur dapat mengingatkan umat Islam kepada kematian yang bakal ditempuhinya nanti dan akan mengingatkannya kepada hari akhirat.

Dengan merenung saat penghujung hidup ini mereka akan merasai gerun mengenangkan untung nasib yang bakal mereka terima di alam barzakh kelak. Lantas beberapa sikap dan amalan yang selama ini membawa dosa dan maksiat segera diubah tanpa perlu ditangguh.

Menziarahi kubur juga dapat menyedarkan kita bahawa walau setinggi mana darjat seseorang itu di dunia ini, akhirnya mereka tetap akan kembali ke tanah jua sama seperti manusia yang lain.

Tiada lagi perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin, antara yang berkuasa dengan yang lemah. Apa yang berbeza cuma binaan kubur atau batu nisannya sahaja tetapi

hakikatnya mereka semua dikafankan dan ditanam di atas tanah yang sama.

Perbezaan sebenar bergantung kepada amal soleh yang telah mereka lakukan ketika hidup dan juga sejauh mana mereka telah menunaikan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya.

Di samping itu, berziarah ini juga akan menerbitkan perasaan insaf dan taubat di dalam hati tentang menghadapi hari kematian, alam kubur dan alam akhirat iaitu dengan muhasabah diri, adakah amalan kita sudah mencukupi untuk dijadikan bekal di dalam alam barzakh dan alam akhirat.

Selain itu, berziarah kubur juga jika difahami dan dihayati tujuannya, akan mengingatkan kepada kita asal usul kejadian kita yang berasal dari tanah dan kepada tanah juga kita akan dikembalikan.

Dengan penghayatan sedemikian, insya-Allah akan menggamit rasa hati dan kesedihan serta dapat melembutkan kekerasan hati yang akan melahirkan kesedaran untuk melakukan segala suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya.



MENZIARAH kubur mengingatkan kita tentang kematian, mengingatkan kita supaya membuat persediaan sebelum menuju ke alam barzakh. Suasana menziarahi di sebuah kawasan perkuburan Islam di negara ini.

CERMIN KEHIDUPAN

Oleh : Tarif Haji Abd. Hamid

Kanak-kanak dan perkembangan minat

SEWAKTU di peringkat kanak-kanak, minat memainkan peranan penting untuk menyuburkan perasaan ingin tahu. Seorang kanak-kanak yang berminat di dalam satu-satu aktiviti sama ada satu kerja atau satu-satu permainan akan mengeluarkan lebih daya usahanya untuk mempelajarinya dari kanak-kanak yang tidak mempunyai minat. Inilah masanya bagi seorang guru atau ibu sebagai pengasuhnya berpeluang membentuk kanak-kanak itu supaya berminat mempelajari sesuatu yang disukainya. Dan inilah ketikanya yang layak untuk kita menggalakkannya belajar.

Selain dari itu minat dapat mewujudkan kegembiraan kepada kanak-kanak untuk kepuasan jiwanya. Jika seorang kanak-kanak berminat dengan aktiviti yang disukainya, pengalaman yang dirasai sewaktu melakukan aktiviti itu lebih mengembirakannya. Jika kurang minatnya di dalam aktiviti tersebut dan jika dipaksakan juga ia melakukannya maka pencapaianannya gagal kerana kurang minat dan tidak yakin di atas kebolehan.

Satu dari sebab-sebab yang menggagalkan kanak-kanak yang cerdas untuk mencapai kejayaan yang harus ia capai adalah disebabkan ia tidak mempunyai minat untuk bekerja lebih mengikut kebolehan yang ada pada dirinya. Minat adalah sesuatu sifat yang perlu disuburkan sewaktu dunia anak-anak lagi demi kepentingan masa depannya.

Minat berbeza dengan mahu. Rasa mahu tidak dapat kekal di dalam jiwa anak-anak. Kadangkala ibu atau pengasuh kanak-kanak itu tidak dapat memahami perbezaan antara rasa mahu dengan minat. Ibu yang tidak dapat memahami di antara dua sifat itu, lantas menyuruh anak-anak yang diasuh membuat aktiviti yang diaguknya dapat menyuburkan minatnya tetapi jika hanya rasa mahu sahaja yang wujud di dalam sanubari anak-anak itu, galakan itu tidak akan berjaya. Hanya keadaan minat yang ada pada anak-anak itu mengelahnya untuk mencapai kejayaan di dalam satu-satu aktiviti yang dilakukan oleh anak itu.

Minat boleh dianggap sebagai galakan untuk belajar atau melakukan satu-satu aktiviti yang boleh memberi keuntungan pada kanak-kanak sewaktu ia dewasa kelak. Jika anak itu melihat sesuatu yang mendatangkan keuntungan baginya maka ia akan mulai menaruh minat. Dan selagi aktiviti itu memuaskan jiwanya, minat yang terlibat dengan aktiviti itu akan kekal memuncak. Tetapi bila kepuasan itu hilang atau pudar, minatnya juga akan turut pudar. Satu contoh dapat diberikan iaitu seorang anak boleh berminat untuk melukis dan mengecap apabila kawannya pandai di dalam pelajaran itu. Ia turut mempelajari cara melukis, malangnya ia tidak berkebolehan, dan dirasanya pelajaran itu menjemukan. Maka mulailah ia kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran tersebut.

Minat boleh hilang jika disalahgunakan, misalnya jika alam sekitar kanak-kanak itu tidak dapat memberi peluang baginya untuk bergaul dengan kawan-kawan sebayanya. Minat untuk bergaul di waktu ia remaja, kelak lenyap dari minat yang tidak diingini lahir menggantikan minat tadi. Mungkin di suatu masa nanti apabila ia mula berminat untuk bergaul dipadati keadaan itu mencecehkan. Ia akan mencemuhkan suasana yang dirasai oleh orang lain yang riang dan gembira tetapi buatnya terlalu membosankan. Ia menyuburkan perasaan menyisih diri dan tidak berminat untuk mencari handai taulan. Ia mula mencari sesuatu yang dapat memuaskan jiwa sama ada sesuatu itu mendatangkan keburukan baginya. Dengan keadaan yang dijelaskan dapatlah difahami, bahawa menyedari minat yang ada pada kanak-kanak itu harus diteliti dengan baik.

Ibu bapa, guru, juga pengasuh perlu menyedari dan

mengikuti perkembangan minat yang ada pada seseorang anak. Bukankah minat itu membolehkan ia bergiat untuk menjayakan cita-citanya? Bagaimanakah caranya untuk mereka yang bertanggungjawab di dalam hal ini menyuburkan minat-minat yang sedia wujud pada seorang anak itu? Mereka perlu menggunakan pelbagai cara, kerana untuk menggunakan dengan satu cara sahaja tidak mencukupi. Kebaikan menggunakan berbagai-bagai cara boleh mengatasi berbagai-bagai kesukaran bagi membentuk minat yang ada pada kanak-kanak itu supaya kekal.

Oleh itu perlu bagi ibu bapa atau guru memerhati kedudukan minat seorang anak. Misalnya jika ia gemar menonton televisyen atau mendengar radio atau membaca buku. Satu-satunya kegembiraan yang ia lakukan bukan pula ia meminati perkara itu, mungkin kerana tidak ada aktiviti-aktiviti lain yang memberi peluang padanya. Dapat digambarkan terdapat seorang anak yang berminat untuk menjadi ahli renang, tetapi disebabkan tidak ada kolam renang di kawasan itu peluang baginya tertutup. Dengan itu ia terpaksa mengubah minatnya kepada lain-lain aktiviti atau kegembiraan. Apa yang harus dilakukan untuk melihat keadaan minat yang terdapat pada kanak-kanak itu?

1. Kita perlu memerhati aktiviti-aktiviti yang dilakukan olehnya. Perhatikan apakah kesukaan-nya dan jenis-jenis barang yang digemari dan disimpan, dikumpul atau digunakan. Ini adalah satu cara untuk memerhati minat-minatnya.

2. Memerhati tentang soalan-soalan yang dikemukakan olehnya. Kanak-kanak akan menyoal bertalu-talu pada kakak atau abangnya atau sesiapa saja yang dapat ia menyoal mengenai satu-satu perkara yang ia sukai. Soalan yang diberikan pada mereka yang ditanya itu biasanya berkaitan rapat dengan minatnya. Ia telah melahirkan minatnya dengan cara tidak disedari. Dan kelahiran minat yang ditunjukkan dapat disebarkan supaya ia berjaya menghadapi cita-citanya.

3. Di samping cara di atas perlu pula diperhatikan jenis-jenis buku bacaannya. Melalui pembacaan itu kita dapat melihat corak kegemaran dan keminatannya. Jika ia suka membaca jenis buku yang bercorak sains, ia sudah pasti berminat di bidang itu. Demikian juga dengan yang lain bidang.

4. Tajuk percakapannya sehari-hari juga perlu diperhatikan. Kita perhatikan apa tajuk yang diperkatakan sehari-hari. Apakah yang menarik perhatiannya. Adakah ia mengait-ngaitkan cakapnya dengan juruteraan, kapten kapal atau johan pemain bola sepak? Di sini kita dapat memahami ke arah mana kedudukan minatnya. Senang sekali kita menyuburkan minatnya.

5. Menyelidik jenis-jenis kemahuannya dengan cara menyenaraikan beberapa perkara yang diberi kepada kita. Kanak-kanak yang sifatnya suka berterus terang menyatakan jenis-jenis kemahuannya berdasar kepada minat-minatnya yang sedia ada pada dirinya. Ini menyenangkan ibu bapa menguruskan cita-citanya.

PERKEMBANGAN MINAT KANAK-KANAK

Sebenarnya minat seorang kanak-kanak itu tidak semua lahir dengan kelahirannya. Perkembangan minatnya menerusi pengalaman yang dilaluinya. Juga termasuk pemerhatian dan pelajaran yang diterimanya dari semasa ke semasa. Pada kebiasaannya minat berkembang subur melalui tiga cara:

1. Sewaktu mengalami kesilapan dan percubaan iaitu satu proses yang dengan tidak disedari hakikatnya melahirkan minatnya pada satu-satu perkara. Minat yang diperolehi secara ini mungkin kekal atau kemungkinannya hilang begitu saja. Pengalaman jenis ini berguna untuk menghidupkan minatnya, kerana ia berpeluang melakukan apa yang dilamni itu sama ada ia mendapat satu-satu kemahiran yang ia cita-citakan untuk masa depannya.

2. Minat boleh disuburkan melalui panduan yang diterima dari guru, ibu bapa dan kawan sebayanya atau menerusi seorang yang berkebolehan dan pandai menyuburkan minatnya. Seorang guru misalnya boleh menyuburkan minat seorang murid dengan memandunya ke arah bidang yang diminatinya. Selagi kebolehan murid itu di bidang yang ia minati jelas, galakkanlah ia untuk meneruskan cita-cita itu sehingga berjaya. Kejayaan yang diperolehi kelak memberi erti pada keluarganya juga untuk bangsanya. Guru yang memandunya semang lebih berpengalaman dan berkebolehan darinya, sudah pasti ia memahami kedudukan minat muridnya.

Dengan cara memanjangkan minat itu kepada guru lain pula, yang akan bertanggungjawab tentang hal itu, pada peringkat akhirnya murid itu menemui kejayaan. Misalnya seorang murid yang berminat di dalam pelajaran sains, guru pertama dapat mengembangkan minatnya di bidang tersebut; bila ia meningkat dewasa, minat yang dipupuk sepanjang masa itu membolehkan ia menjadi seorang doktor bedah atau lain-lain kemahiran yang berhubung dengan bidang perubahan. Tidakkah ini menguntungkan negara?

3. Kanak-kanak boleh juga disuburkan minatnya menerusi orang yang dikasihi, ia akan meniru dan menyuburkan minatnya mengikut minat yang terdapat pada orang yang ia kasihi. Jika seseorang itu pandai menarik minat anaknya, mengikut jenis minat yang ia suburkan dan mungkin minat itu sedia wujud pada anak itu, sudah tentu anak itu menurut sahaja kehendaknya. Misalnya yang terlibat itu ialah ayahnya, anak itu akan meniru contoh yang didapati dari ayahnya. Jika ayah seorang yang suka melarum, bergaya atau bersolek, anak itu akan mengikut gaya ayahnya kerana minatnya sudah sedia ada. Tambahan pula bapanya dikelaskan sebagai heronya. Bukan sedikit anak-anak yang memuja dan mendewa-dewakan ayah mereka, seolah-olah ayahnya itu manusia yang terbaik di dunia. Kiranya keadaan berlaku demikian, penerimaan minat lebih cepat menjalar dan meresap pada jiwa si anak tadi.

CIRI-CIRI MINAT YANG ADA PADA KANAK-KANAK

Perubahan yang berlaku pada jasmani dan rohani kanak-kanak itu membawa juga perubahan

an minat pada dirinya. Kesuburan badan dan perkembangan otak membawa juga kepada perubahan minat. Misalnya sewaktu ia masih muda, berumur antara tiga kepada lima tahun, anak-anak itu suka bermain dengan tidak mengira jenisnya, tetapi apabila umumnya meningkat ke sepuluh sehingga ke dua belas tahun ia tidak lagi suka kepada segala permainan yang biasa dilakukan. Kini ia telah memahami dan meminati jenis-jenis permainan yang patut ia pilih. Memang di waktu ini ia telah menyedari jenis permainan mana perlu ia pilih yang menjadi kesukaannya. Apabila umumnya semakin meningkat ia akan memilih jenis-jenis sukan yang layak baginya. Mungkin sebagai seorang muda yang sihat dan bersifat kesukaan, ia akan memilih jenis lumba lari atau lompat jauh atau sukan renang untuk membolehkannya menjadi johan di salah satu bidang tersebut. Ini berdasarkan kepada keadaan minat yang ada pada dirinya.

Kanak-kanak yang cepat membesar dari keadaan umumnya mempunyai minat yang lebih matang dari anak yang kecil. Semakin subur keadaan badannya semakin cepat perkembangan minatnya, begitu juga berlaku pada anak-anak yang kecil, yang kurang sihat menyebabkan perkembangan minat tidak subur dan selalu menghadapi masalah sosial, minatnya masih sebagaimana anak-anak yang lebih muda daripadanya.

Minat seorang kanak-kanak selalu bergantung kepada kesediaannya untuk menerima sesuatu yang diingini. Minat itu berkembang dengan perkembangan umur dan jasmannya, dengan itu berubah tercapai maksudnya. Contohnya, jika ia mahu mempelajari satu-satu permainan, katakanlah bola sepak, ia perlu mempelajari dan berlatih di bidang permainan itu setelah ia mempunyai tenaga yang setimbang dengan kedudukannya sebagai seorang pemain bola. Ia perlu menunggu umur yang sesuai untuk menerima latihan tersebut. Setelah layak untuk berbuat demikian baharulah minatnya tercapai.

Minat juga bergantung kepada wujudnya peluang yang ada pada sisinya jika minat untuk mempelajari sesuatu itu sedia ada, tetapi malangnya jika peluang tidak ada, minat itu tidak akan subur. Peluang untuk belajar bergantung kepada alam keliling dan orang yang tahu di dalam perkara atau bidang yang diminatinya.

Alam keliling kanak-kanak yang masih muda umumnya adalah terhad kepada rumah tangga, sekolah dan jiran-jiran sebelah. Ini bererti perkembangan minatnya juga turut terhad. Tetapi apabila umumnya meningkat, ia mula mengenal kawan-kawan dan guru-gurunya yang memperkenalkannya beberapa minat yang belum dikenali atau belum dialami. Maka datangnya minatnya kepada beberapa kecenderungan yang lebih untuk mengetahui beberapa mata pelajaran yang perlu ia ketahui seperti Ilmu Hisab, Sejarah dan Ilmu Alam. Pada akhirnya ia boleh meluaskan lagi minatnya yang dapat memberi guna kepadanya sepanjang hayatnya.

Demikian kedudukan perkembangan minat seseorang kanak-kanak yang perlu dipupuk dan disuburkan oleh mereka yang bertanggungjawab seperti ibu bapa, guru atau yang terlibat dengannya. Perkembangan minat seorang anak adalah suatu perkara penting bagi dirinya.

KPSSU adakan sambutan Nuzul Al-Qur'an

BERAKAS, Khamis, 4 Oktober. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Memperingati Nuzul dan Khatam Al-Qur'an yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan kementerian itu di sini.

Majlis itu bermula dengan ceramah khas yang bertajuk 'Kelebihan Sepuluh Malam Terakhir Ramadan dan Kelebihan Al-Qur'an disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor.

Antara lain dalam ceramah itu beliau berkata dalam sepuluh hari terakhir bulan Ramadan terlalu banyak cabaran-cabaran dihadapi dan kesibukan antaranya kebanyakan orang tidak sibuk untuk mencari Lailatulqadar tetapi sibuk membeli-belah, kebanyakan orang tidak sibuk membaca Al-Qur'an tetapi sibuk membuat kuih-muih dan kebanyakan orang tidak sibuk ke masjid tetapi sibuk menghias rumah dan sebagainya.

Menurut beliau lagi sepuluh terakhir Ramadan segala amal ibadat yang dilakukan memperoleh pahalanya berlipat ganda atau bonus di mana ibadat sunat dijadikan wajib, ibadat wajib dilipatgandakan pahalanya dan

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

membaca Al-Qur'an setiap huruf berlipat ganda serta sedekah yang paling utama ialah sedekah yang paling kita sayangi, seperti duit.

Dalam ceramahnya beliau turut menjelaskan bahawa mereka yang memperoleh Malam Lailatulqadar mempunyai sikap yang baik kepada yang lebih baik dan sebagainya.

Majlis kemudian diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Qur'an bermula dengan bacaan surah-surah Al-Qur'an beramai-beramai yang juga disertai oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad; Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah dan Setiausaha Tetap kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid.

Majlis diikuti dengan doa khatam oleh Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud.



MAJLIS Khatam Al-Qur'an bermula dengan bacaan surah-surah Al-Qur'an beramai-beramai yang juga disertai oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad; Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah dan Setiausaha Tetap kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid.

BEBERAPA isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan, ketenteraman, kesihatan dan kemudahan-kemudahan serta juga perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta turut disuarakan dalam Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan 2007, Mukim Liang Daerah Belait yang berlangsung di Dewan Rekreasi Liang-Lumut Daerah Belait pada 1 September 2007.

Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail hadir sama di majlis itu. Majlis Sesi Dialog dan Perbincangan dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni.

PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Antara isu-isu yang disuarakan oleh Majlis Perundingan Kampung Sungai Liang dan Lumut I itu ialah penggantian-tiang elektrik. Wakil Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) menjelaskan bahawa pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah mengenal pasti mengenai perkara tersebut yang telah berkarat memang ada dan terdapat jua yang kurang terjamin keselamatannya. Dalam hal ini jabatan akan membuat penggantian tiang-tiang tersebut dengan mendahulukan tiang yang kurang selamat dan diikuti penggantian tiang seterusnya. Mengenai tiang-tiang elektrik berdekatan dengan longkang-longkang, di mana difikirkan kurang selamat akan dipindahkan, tetapi akan mengambil masa sedikit. Ini disebabkan tiang-tiang tersebut sebelum ini kedudukannya jauh dari longkang, disebabkan pembesaran saiz longkang itu maka kedudukan tiang-tiang menjadi dekat. Justeru dengan melakukan penilaian, pemindahan akan dilakukan secara berhati-hati dengan tidak menghampiri jalan raya atau tidak memasuki tanah orang awam.

Menyentuh sub-stesen elektrik yang tidak berpagar, JPE sedang mengusahakannya dan empat sub-stesen akan dipasang pagar, lampu dan tanda-tanda keselamatan.

Berhubung isu kelewatan bil-bil elektrik, JPE menjelaskan proses percetakan bil-bil tersebut dijalankan pertengahan 15 atau 17 hari bulan yang dicetak di Bandar Seri Begawan, bukannya di Daerah Belait dan pencetakannya mengambil masa sehingga lima ke tujuh hari yang semuanya berjumlah lebih 60 ribu bil sebelum dihantar ke pejabat pos bagi proses penghantaran.

Kelewatan menerima bil-bil elektrik, ini alamat pemilik rumah yang kurang jelas dan perubahan alamat yang tidak dimaklumkan kepada pihak JPE. Bagi mengatasi masalah kelewatan tidak sampai ke tangan pemilik rumah, JPE telah melaksanakan salah satu langkah bermula 1 September 2007 akan melancarkan sistem e-Bil, di mana semua bil-bil baru dan yang tertangguh boleh didapati di kaunter-kaunter.

LALU LINTAS JALAN RAYA

Dalam menangani perilaku pemandu-pemandu kenderaan berat yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya, wakil Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) Daerah Belait menjelaskan, pemantauan tiga kali sebulan terhadap perkara itu telah dilaksanakan. Melalui itu mereka yang terlibat diambil tindakan selain diberi amaran.

Walau bagaimanapun, pemantau seterusnya memang dibuat dan PDB terus sentiasa mengambil perhatian ke atas perkara itu. Sehubungan itu juga Jabatan Siasatan Lalu Lintas, PDB telah mengadakan rondaan rutin setiap hari dari Bandar Seri Begawan hingga ke Kuala Belait.

Wakil Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) turut memperjelaskan bahawa pemantauan kelajuan ke atas kenderaan berat dibuat bersama pihak PDB dan ini selaras dengan Akta Lalu Lintas Jalan Raya yang berkuat kuasa ketika ini.

Sehubungan dengan itu semua kenderaan berat telah diarahkan untuk memasang sistem SWD (sistem amaran kelajuan kenderaan) di kenderaan masing-masing, sebagai kaedah mengawal kelajuan kenderaan berat.

Selain itu katanya, pemantauan juga dilakukan melalui sekatan jalan raya yang sentiasa dijalankan bersama agensi-agensi kerajaan yang lain di mana melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya, pihak JPD dan pihak PDB telah mengadakan sekatan jalan raya pada 29 Ogos sebelah pagi di Setia By Pass dan sebelah petang di Sungai Tujoh, di mana telah didapati sebanyak 89 buah kenderaan telah ditahan, dari jumlah itu 43 buah sahaja yang melanggar peraturan seperti tayar botak, lampu isyarat tidak berfungsi, dan tidak menggunakan sistem SWD.

Mereka ini telah diambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Jalan Raya dan aduan yang dimaklumkan oleh penduduk itu sentiasa diambil perhatian serta sentiasa dipantau oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya.

Berhubungan dengan pos kawalan dan rondaan di kawasan kampung, wakil pihak PDB menyatakan pembinaan pos kawalan di Kampung Lumut memang dalam perancangan pihak PDB dan ketika ini masih lagi mencari tempat yang bersesuaian dan pihak polis juga mengkaji mengenai keramaian penduduk di mana pos kawalan itu akan ditempatkan.

Cadangan itu masih dalam proses, manakala rondaan memang sudah ada dilakukan mengikut jadual. Rondaan itu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu rondaan menggunakan kereta polis dan rondaan yang dibuat oleh pihak CID selama 24 jam dengan membuat rondaan di tempat selalu kejadian jenayah berlaku.

TERNAKAN

Cadangan memindahkan tempat penternakan ayam di kawasan Kampong Tunggalan ke kawasan yang bersesuaian bagi mengelakkan masalah pencemaran udara dan alam sekitar pula, Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyatakan pihak kementerian sudah mengambil maklum dan tindakan tertentu sedang diupayakan. Menurutnya, jabatan perlu me-

Pelbagai isu dikemukakan dalam perjumpaan muhibah



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad, semasa hadir di perjumpaan ini.

ngenal pasti tempat yang bersesuaian dan jauh daripada tempat kediaman orang ramai dan salah satu tempat yang dicadangkan ialah kawasan kemajuan pertanian Sungai Petai, Jalan Labi.

Menyentuh pembuangan sisa penyembelihan, Jabatan Pertanian dengan kerjasama jabatan-jabatan lain akan mengambil langkah-langkah bersesuaian termasuk berbincang dengan pihak pengurusan syarikat bagi mengatasi masalah tersebut.

PERKHIDMATAN BOMBA DAN PENYELAMAT

Menyentuh 'Fire Hydrant' dan pokok-pokok besar tumbuh di jalan-jalan raya yang turut disuarakan oleh Majlis Perundingan Kampung di majlis itu, wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan mereka sentiasa melaksanakan pemeriksaan dan juga ujian ke atas fali-fali bomba yang ditempatkan di tepi jalan.

Di Mukim Sungai Liang ini, pemeliharaannya dilaksanakan oleh anggota Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Liang dan fali-fali yang terdapat di mukim ini adalah jenis lama berwarna kuning dan akan diperbaharui dengan jenis-jenis baru iaitu 'post hydrant' berwarna merah dan ini merupakan salah satu projek Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Bahagian Air.

Sementara itu JKR telah memaklumkan mereka juga melaksanakan pemetaan bagi menunjukkan di mana-mana lokasi fali-fali bomba di kawasan tersebut. Projek itu ada semata-mata untuk menambah keberkesanan lagi fali-fali bomba di kawasan Mukim Liang ini.

Isu pemeriksaan dan ujian pula, JBP bukan hanya setakat memeriksa tekanan air atau bal sama ada berfungsi atau tidak, tetapi juga memastikan tindakan dan agensi-agensi lain dalam menggunakan kemudahan kemudahan seperti fali-fali bomba ini

dapat mengatasi bahaya-bahaya jika berlaku seperti kebakaran di kawasan tersebut. Ini adalah matlamat utamanya dan dimaklumkan juga bahawa pada 30 Ogos latihan seumpamanya ini telah dijalankan di kawasan Setia By Pass.

Latihan itu bukan sahaja melibatkan fali-fali bomba, cara menggunakan fali-fali ini, ia juga memperlihatkan bagaimana tindakan agensi-agensi berkenaan seperti JBP dan Bomba Brunei Shell dapat mengatasi bahaya yang timbul terutama bahaya kebakaran dan latihan-latihan jangka panjang akan sentiasa dijalankan termasuk di Mukim Liang ini.

KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR

Isu Pusat Kesihatan Sungai Liang 24 jam perkhidmatan, perkhidmatan doktor 'on-call' bagi kes kecemasan, perkhidmatan ambulans 24 jam dan penyemburan racun serangga nyamuk yang disentuh semasa perjumpaan itu pula telah dikupas oleh wakil Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan yang menjelaskan, bahawa Pusat Kesihatan Sungai Liang dan perkhidmatan ambulans telah menyediakan perkhidmatan 24 jam sejak tahun 1992. Perkhidmatan tersebut dikendalikan oleh kakitangan paramedik dan jururawat terlatih dalam menangani kes-kes kecemasan dan sehingga kini perkhidmatan tersebut telah dijalankan dengan baik oleh kakitangan berkenaan. Namun perkhidmatan doktor 24 jam tidak disediakan namun, kakitangan yang bertugas boleh menghubungi doktor bila-bila masa jika perlu.

Kementerian Kesihatan amat mengalu-alukan keprihatinan Mukim Lumut I dalam menangani penyakit bawaan nyamuk dan untuk makluman, Unit Alam Sekitar Jabatan Kesihatan Daerah Belait juga mengendalikan program-program penyemburan racun serangga secara berjadual di kesemua kawasan Daerah Belait termasuk Mukim I. Untuk makluman, penyemburan racun ke atas serangga dan nyamuk mempunyai kesan jangka pendek, jika penyemburan racun sering dilakukan boleh menimbulkan kesan sampingan yang lain seperti memudaratkan ekosistem dan kehidupan lain.

Cara yang amat berkesan dalam pengawalan dan pencegahan penyakit yang dibawa oleh nyamuk ialah melalui penjagaan kebersihan alam sekitar di kawasan-kawasan kampung dan perhatian harus diberikan terhadap tempat-tempat pembiakan nyamuk termasuk mengambil langkah-langkah pembersihan kawasan-kawasan air bertakung seperti longkang tersumbat, pembuangan tayar lama dan tin-tin dengan teratur supaya air tidak dapat bertakung dan juga tekungan air di persekitaran rumah seperti pasu-pasu bunga perlu diberikan perhatian.

Berhubung pemeriksaan dan pemantauan terhadap barangan yang sudah masuk, Kementerian Kesihatan adalah amat prihatin terhadap perkara ini, di mana Unit Keselamatan Makanan Pejabat

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim

ahmad.salim@information.gov.bn

Abu Bakar Haji Abdul Rahman

bakar.rahman@information.gov.bn

Foto : Hatral Hazmi Haji Abd. Hamid

Kesihatan Daerah Belait telah menjalankan pemeriksaan di kedai-kedai makan dan runcit secara berjadual mengikut kawasan. Jika perimis-perimis dan kedai-kedai runcit tidak memenuhi peraturan kesihatan tindakan sewajarnya akan diambil. Dalam hal ini juga tidak mungkin pegawai-pegawai ini dapat memata-matai dan mengawasi kedai-kedai runcit ini setiap masa justeru, kerjasama daripada orang ramai adalah sangat dialu-alukan dalam menangani masalah ini.

KEGIATAN BELIA DAN SUKAN

Berhubung isu pembinaan mini stadium, padang bola sepak dan trak sukan serta penyediaan tapak kegiatan para belia dan bilik bacaan umum, wakil Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menjelaskan, bahawa kementerian perlu memikirkan beberapa faktor utama seperti kepadatan penduduk di kawasan berkenaan, di mana kawasan Kampung Lumut belum mencukupi kepadatan penduduk untuk membina kompleks yang dicadangkan dan permohonan bagi membina kompleks tersebut bukanlah tidak dipertimbangkan malah, pihaknya sentiasa memerhatikan dan memantau serta menilai semula dari masa ke masa.

Pada pendapat pihak KKBS bahawa padang-padang bola sepak di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan adalah mencukupi untuk menampung keperluan di kawasan tersebut, di samping itu juga pihak kementerian telah bercadang untuk membina pusat belia bagi Daerah Belait yang mana ianya masa dalam perancangan dan perundingan bersama pejabat Daerah Belait bagi penyaluran kerana pembinaan pusat belia memerlukan penyaluran dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan perkara ini akan sentiasa dipertimbangkan dari masa ke masa.

Mengenai dengan isu pembinaan bilik bacaan umum Mukim Liang, wakil Jabatan Dewan Bahasa Pustaka menjelaskan bahawa perkara ini diambil maklum dan diberi perhatian sewajarnya demi pembangunan insan dan peningkatan ilmu pengetahuan bagi bakal-bakal pemimpin masa depan dan perkara ini akan dihadapkan ke KKBS untuk tindakan selanjutnya.

TANAH DAN PERKILANGAN

Isu-isu yang berkaitan mengenai tanah-tanah lesen tempung sementara TOL yang sudah menduduki 20 tahun dan pembaharuan lesen dipercepatkan, wakil Jabatan Tanah menjelaskan bahawa isu pemberian geran ke atas pemilik tanah TOL lima hingga sepuluh tahun sudah pun mendapat tital perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Mengenai proses kebenaran tanah TOL memang ada jawatankuasa untuk meneliti penyambungan TOL dan seterusnya membenarkan permohonan baru dan pada tahun 2007, Kementerian Pembangunan telah pun memantau proses Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) bagi mempercepatkan permohonan ini dan setiap bulan jabatan-jabatan dimestikan menyediakan pencapaian TPOR masing-masing jadi perkara ini sudah diambil tindakan.

Sementara tanah-tanah TOL yang terbiar dan tidak mengikut syarat-syarat penggunaan tanah, boleh dibatalkan dan tidak disambung. Tetapi jika tanah-tanah bergeran. pihak Jabatan Tanah tidak ada kuasa untuk membatalkan dan mengambil sebarang tindakan terhadap pemilik tanah yang sudah bergeran. Jabatan Tanah hanya mengambil tindakan jika pemilik tanah itu melanggar syarat-syarat tanah seperti terdapat dalam akta tanah.

Mengenai isu bercucuk tanam, memang tidak dibenarkan di tanah rizab kerajaan iaitu 20 kaki dari jalan. Jika hendak bercucuk tanam memang sudah ada tempat untuk disediakan iaitu dua tempat di Mukim Liang ini. Walau bagaimanapun Jabatan Perancang Bandar dan Desa ada mengadakan perundingan bersama pihak berkenaan bagi mengadakan kawasan pertanian iaitu cadangan di kawasan Lebuhraya Lumut-Seria dan perundingan telah dilakukan bersama Jabatan Daerah mengenai perkara ini.

Mengenai dengan kilang batu-batu, mengikut penelitian Jabatan Tanah kedua-dua kilang batu-bata di Sungai Liang memang tidak menyalahi syarat-syarat tanah dan bermakna mereka boleh menjalankan operasi tersebut dan pihak Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi (JASTRE) telah pun memantau perkara ini dan pihak menjalankan operasi telah dinasihatkan supaya mengambil kira keadaan alam sekitar dan pada masa ini ada perancangan untuk melantik pihak ketiga untuk menilai kualiti udara. Mengikut syarat-syarat tanah di mana dua kilang batu-bata beroperasi di kawasan seluas sepuluh hektar adalah kawasan yang telah dikhas untuk kilang menghasilkan batu-bata.



MAJLIS Perjumpaan Muhibah Penerangan 2007 dihadiri sama oleh para Ahli MPM / MPK serta penduduk mukim dan kampung di Daerah Belait.

Umat Islam dituntut beristiqamah dalam perkara kebajikan

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Pada hari ini sudah seminggu kita berada di bulan Syawal. Kita bersyukur dan merasa gembira kerana telah dapat merayakan kemenangan dengan menyambut Hari Raya dalam suasana aman damai bersama keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai. Di kesempatan itu juga kita telah mengambil peluang saling ziarah-menziarahi dan bermaaf-maafan di atas segala kesilapan dan kesalahan yang lalu. Dengan amalan tersebut tentunya akan lebih mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama kita umat Islam.

Jika kita kenang kembali kepada ibadah puasa dan amal ibadah yang telah kita kerjakan dalam bulan Ramadan yang baru lalu, tentu kita dapat merasakan betapa kita telah sedaya upaya berusaha untuk merebut ganjaran yang berlipat ganda sebagaimana yang telah dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kalau di bulan Ramadan kita dapat mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat, bertadarus, berzikir dan berdoa, kita bersemangat pergi ke masjid untuk berjemaah, beriktikaf dan memakmurkan masjid, kenapa tidak kita teruskan di bulan-bulan yang lain?

Kalau di bulan Ramadan kita sering melakukan amal-an yang berkebajikan seperti bersedekah, berwakaf, membantu anak-anak yatim, fakir miskin dan yang memerlukan bantuan, kenapa kita kurang melakukannya di bulan-bulan yang lain?

Bahkan juga jika di bulan Ramadan kita mampu menjadi orang yang sabar dan tawaduk, kita berjaya menundukkan hawa nafsu daripada segala bentuk godaan, kita mampu menjaga penglihatan, pendengaran dan percakapan dari melakukan perkara-perkara yang berdosa, maka kenapa tidak semua itu terus kita laksanakan di bulan-bulan yang lain?

Sebenarnya tarbiyah atau didikan dan segala amal kebajikan yang kita lakukan di bulan-bulan Ramadan itu sepatutnya dijadikan sebagai pembakar semangat dan motivasi untuk kita terus berusaha meningkatkan ibadah dan amal-amal soleh di bulan yang lain. Janganlah hendaknya amalan-amalan itu dilakukan secara berkala dan bermusim, tetapi hendaklah dilakukan secara istiqamah atau konsisten yakni berterusan.

Islam menuntut kita untuk beristiqamah dalam perkara kebajikan. Oleh itu apa yang kita amalkan dan kerjakan di bulan Ramadan hendaklah terus dikerjakan di setiap masa. Istiqamah merupakan salah satu sifat yang mulia lagi terpuji yang sangat dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Huud ayat 112, tafsirnya:

"Oleh itu, hendaklah engkau wahai Muhammad sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutimu berbuat demikian."

Istiqamah itu termasuklah juga jika amal ibadah yang dikerjakan secara berterusan itu hanyalah sedikit, umpamanya mengamalkan Sembahyang Sunat Qabliyah atau Baqdiyah selepas sembahyang fardu, berzikir, berwirid, bersedekah walaupun nilainya tidak banyak dan sebagainya. Sesungguhnya amalan sedemikian adalah lebih afdal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali-sekala apatah lagi jika amalan yang banyak itu tidak disertai dengan niat ikhlas. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:


"Dari 'Aisyah Radiallahuanha telah berkata ia, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sebaik-baik amalan kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah perbuatan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Sifat istiqamah itu bukan sahaja dituntut dalam beramal ibadah sahaja, akan tetapi kita juga dituntut untuk beristiqamah dalam meninggalkan perkara-perkara yang keji dan berdosa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali'Imran ayat 135, tafsirnya:

"Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu sedang mereka mengetahui akan salahnya dan akibatnya."

Sesungguhnya orang yang beristiqamah dalam beribadat, istiqamah dalam beramal kebajikan, istiqamah

JANGANLAH hendaknya amalan-amalan itu dilakukan secara berkala dan bermusim, tetapi hendaklah dilakukan secara istiqamah atau konsisten yakni berterusan. Islam menuntut kita untuk beristiqamah dalam perkara kebajikan. Oleh itu apa yang kita amalkan dan kerjakan di bulan Ramadan hendaklah terus dikerjakan di setiap masa.



tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunkah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa dengan memberi ilham: Janganlah kamu bimbang dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu."

Dari keterangan ayat tersebut, nampak jelas sekali bahawa ada beberapa hikmah yang terkandung dalam istiqamah, di antaranya:

Pertama : Seseorang yang istiqamah dalam beriman dan dalam amal ibadatnya akan selalu didatangi oleh para malaikat dan ia merupakan satu keuntungan disebabkan malaikat itu membawa rahmat.

Kedua : Seseorang yang istiqamah, tidak mudah merasa takut kerana ia mempunyai keteguhan hati, kuat keyakinannya, kukuh pendiriannya dan besar harapannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga : Orang yang istiqamah tidak mudah merasa sedih berutamanya apabila kehilangan sesuatu, kerana ia merasa semua itu adalah memang milik Allah Subhanahu Wata'ala.

Keempat : Mereka yang istiqamah juga akan mendapat balasan syurga yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Memandangkan istiqamah itu mempunyai banyak kebaikan kepada kita ditambah pula dengan ganjaran yang sangat banyak, maka beristiqamahlah pada setiap amal ibadah dan perbuatan yang berkebajikan serta meninggalkan perkara-perkara yang mungkar. Mudah-mudahan istiqamah yang kita laksanakan akan dapat membentuk kita menjadi Muslim yang beriman dan bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan inilah yang kita mahukan hasil dari didikan dan latihan di bulan Ramadan itu diteruskan pada setiap masa. Dan sama-samalah kita berdoa semoga kita akan mendapat rahmat, berkat, hidayah dan sentiasa diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Huud ayat 112, tafsirnya:

"Oleh itu, hendaklah engkau wahai Muhammad sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutimu berbuat demikian dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah, sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan."

dalam berakhlak mulia, dalam pekerjaannya, dalam mentaati perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya merupakan seorang Muslim yang berjaya. Mereka sanggup menghadapi apa jua cabaran dan dugaan. Malahan mereka juga telah dijanjikan dengan pelbagai ganjaran seperti

mana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fush Shilat ayat 30, tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang menegakkan keyakinannya dengan berkata: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka

وقت سمبهيڤ، امساک، شوروڤ دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڤ، امساک، شوروڤ دان ضحی باکي دائره پروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 12 شوال، 1428 برسماامن دغن 24 اؤکتوبر، 2007 هيڤک کهاري ثلاث، 18 شوال، 1428 برسماامن دغن 30 اؤکتوبر، 2007 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروڤ	ضحی	مسيحي
شوال									اؤکتوبر
12	12.06	3.25	6.04	7.15	4.37	4.47	6.05	6.28	24
13	12.06	3.25	6.04	7.15	4.37	4.47	6.05	6.28	25
14	12.06	3.25	6.04	7.14	4.37	4.47	6.05	6.28	26
15	12.06	3.25	6.04	7.14	4.37	4.47	6.05	6.28	27
16	12.06	3.25	6.04	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	28
17	12.06	3.25	6.03	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	29
18	12.06	3.25	6.03	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	30

وقت ۲ سمبهيڤ باکي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڤ فرض جمعة دسلوروو نڠارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تڢهاري.

MEMANDANGKAN istiqamah itu mempunyai banyak kebaikan kepada kita ditambah pula dengan ganjaran yang sangat banyak, maka beristiqamahlah pada setiap amal ibadah dan perbuatan yang berkebajikan serta meninggalkan perkara-perkara yang mungkar.

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ADAKAH MESTI PAKAIAN ITU BARU?

Sesetengah ulama mengatakan sunat memakai pakaian putih yang baru. Namun jika tiada pakaian putih yang baru, maka memadai pakaian putih yang masih dianggap baru. Ini kerana apa yang dimaksudkan daripada pakaian yang terbaik, bagus dan elok itu bukanlah semestinya pakaian yang baru setiap minggu sehingga menyebabkan kesusahan kepada individu tersebut. Apa yang dimaksudkan ialah umpamanya dia mempunyai beberapa helai pakaian putih, maka sunat dia memilih pakaian putih yang baru di antara kesemuanya.

Namun jika dia ada kemampuan untuk menyediakan pakaian yang khusus untuk digunakan pada hari Jumaat sahaja, maka lakukanlah. Ini kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menyanakan perkara ini dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Yahya yang maksudnya:

"Tidak ada salahnya jika salah seorang daripada kamu, atau kamu sekalian, (jika ada kemampuan) untuk menyediakan dua pakaian (khusus untuk dipakai) pada hari Jumaat, (iaitu sebagai tambahan) selain dari dua pakaian kerjanya yang sehari-hari." (Hadis riwayat Abu Daud).

PAKAIAN BAGI IMAM

Begitu juga halnya bagi imam, di mana dia juga disunatkan untuk memakai pakaian yang terbaik. Bahkan disunatkan dan digalakkan untuk menjaga penampilannya, iaitu dengan menambah perhiasan pakaian yang lain seperti serban dan memakai jubah (tambahan pada bahagian luar) kerana *ittiba'* (mencontohi perbuatan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam). Ini kerana imam itu menjadi perhatian dan sebagai contoh ikutan kepada para jemaah.

Adapun warna pakaian bagi imam pula, *ash-shahih* menurut Imam An-Nawawi Rahimahullah ialah sunat memakai pakaian putih, iaitu seperti mana jemaah yang lainnya. Menurut pendapat beberapa ulama, meninggalkan memakai pakaian hitam itu adalah lebih utama (*awla*) daripada memakainya. Melainkan andai kata jika dia tidak memakai pakaian hitam, maka dia takut ataupun kuat sangkanya akan mendatangkan akibat buruk kerana dia telah menyalahi (perintah) sultan atau selainya.


Manakala Imam Al-Ghazali Rahimahullah menyebut dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin* hukumnya adalah makruh bagi khatib (atau imam) memakai pakaian hitam. Diertikan juga makruh itu dengan menyalahi yang utama. Begitu juga bagi para jemaah, hukumnya adalah makruh memakai pakaian hitam.

PERIWAYATAN PAKAIAN HITAM

Adapun pendapat al-Mawardi Rahimahullah yang melazimkan pakaian hitam pada hari Jumaat adalah kerana satu kemungkinan atau sebab, iaitu pada zaman tersebut para pemerintah Abbasiyah (*'Abbasiyyin*) menegah pembaca-khutbah untuk memakai

Sembahyang Jumaat : Jangan Pakai Pakaian Asal Pakai!

Bilangan 267
Bahagian Akhir



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

pakaian selain warna hitam.

Di samping itu terdapat juga beberapa riwayat yang dibawakan berkaitan dengan perkara ini, antaranya:

1. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memasuki Makkah pada hari pembukaan Makkah dengan memakai serban hitam.
2. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memasuki Makkah pada hari pembukaan Makkah lalu berkhotbah kepada orang ramai dengan memakai serban hitam.
3. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam memakai serban hitam pada Hari Raya Adha dan Fitrah.
4. Daripada At-Thabarani menyatakan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memakainya Sayidina 'Ali Karamallahu Wajhah serban hitam, kemudian Baginda mengutus Sayidina Ali Karamallahu Wajhah ke (peperangan) Khaibar.
5. Telah *dinaqalkan* (diceritakan) bahawa ramai daripada para sahabat dan para tabi'in memakai pakaian hitam.

Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullah dalam kitab

Tuhfah Al-Muhtaj mengatakan bahawa memang benar apa yang dibawakan dalam hadis yang telah disebutkan di atas. Namun beliau juga menyatakan satu kesimpulan sebagai menjawab persoalan ini bahawa kesemua hadis di atas adalah periwayatan dari segi perbuatan berdasarkan satu-satu keadaan atau kejadian yang tertentu. Sedangkan hadis yang menyuruh memakai pakaian berwarna putih adalah periwayatan dari segi pengucapan (suruhan).

Maka menurut Ibnu Hajar Rahimahullah, apabila terdapat perbezaan antara dua hadis, iaitu hadis percakapan dan hadis perbuatan Baginda, maka didahulukan atau diutamakan hadis percakapan atau suruhan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Adapun yang dimaksudkan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memakai serban hitam itu pada 'satu-satu keadaan atau kejadian yang tertentu' ialah pemakaian hitam bukan pada hari Jumaat umpamanya:

- 1) Pada waktu peperangan, iaitu untuk menakutkan musuh kerana warna hitam itu lebih mengerunkan.
- 2) Pada hari pembukaan Makkah, iaitu sebagai satu isyarat atau pemberitahuan bahawa agama yang dibawa oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam itu tidak akan berubah-ubah seperti juga warna hitam. Berbeza dengan warna-warna yang lain yang boleh berubah-ubah.
- 3) Pada dua Hari Raya kerana sunat memakai pakaian yang terbaik dan cantik. Ini kerana pada Hari Raya jika ada pakaian yang lebih cantik, bagus

atau mahal harganya, maka pakaian itu adalah afdal dan diutamakan untuk dipakai daripada yang berwarna putih.

Sebagai kesimpulan, hukum memakai pakaian yang terbaik pada hari Jumaat adalah sunat. Manakala warna yang afdal dan diutamakan ialah yang berwarna putih. Bahkan disunatkan juga supaya kesemua jenis pakaian yang dipakai itu berwarna putih termasuk serban atau alas kepala. Sekiranya dia tidak memperolehi kesemuanya berwarna putih, maka memadai memakai warna putih itu pada pakaian di bahagian atas. Kemudian jika tiada juga, maka memadai memakai pakaian selain putih, iaitu yang berwarna.

Menurut Imam Al-Ghazali Rahimahullah pakaian berwarna putih merupakan warna yang paling disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Maka tidak hairanlah sesetengah ulama menggalakkan pakaian serba putih itu dipakai pada apa saja bentuk perkumpulan sekalipun bukan pada hari Jumaat.

Sesetengah ulama mengatakan hukum memakai pakaian hitam; sama ada bagi imam atau para jemaah, pada hari Jumaat adalah makruh dan meninggalkannya adalah lebih utama. Seperti yang diketahui bahawa melakukan perkara yang makruh itu tidak berdosa akan tetapi meninggalkannya pula akan diberikan ganjaran pahala. Maka di samping melakukan ibadah fardu pada hari Jumaat, wajarlah juga direbut peluang untuk meraih ganjaran pahala kerana melakukan perkara yang disunatkan serta meninggalkan perkara yang makruh.

WALLAHU'ALAM

"**S**BENARNYA orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat..." Surah Al-Hujurat :10.

Agama Islam amat mementingkan kehidupan manusia agar berada di puncak kebaikan dan kebahagiaan iaitu hidup berkeluarga dan bermasyarakat yang bersandarkan hubungan silaturahmi yang kukuh, di samping persefahaman yang terjalin. Manusia tidak boleh hidup tanpa keluarga, teman, sahabat, jiran dan masyarakat persekitarannya, dengan adanya hidup bersilaturahmi dengan persekitaran inilah lebih banyak mendatangkan kebaikan bersama di samping membina masyarakat yang harmoni dan rukun. Seterusnya masyarakat akan berkembang dalam lingkungan yang luas dan membentuk negara dan ummah yang kuat dan mantap serta bersatu padu dalam apa jua situasi. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada menjelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari iaitu akibat pemutusan silaturahmi yang bermaksud:

"Orang yang memutuskan hubungan silaturahmi (hubungan kekeluargaan) tidak akan masuk syurga"

Dalam sebuah hadis yang lain pula, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyatakan golongan yang terbaik ialah mereka yang menjaga hubungan silaturahmi seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh At-Thabrani yang bermaksud:

"(Orang yang terbaik di antara mereka) ialah orang yang paling bertaqwa kepada Allah. Dan orang yang paling erat hubungan silaturahmi (sesama keluarga atau saudaranya). Dan orang yang paling banyak

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah

كلولان ثروسه دعوه اسلاميه

mengajak kepada kebaikan serta orang yang paling banyak dalam melarang berbuat kemungkaran."

Dalam sebuah hadis yang lain lagi daripada Anas Radiallahuanhu yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

"Siapa yang ingin agar rezekinya dimudahkan dan umurnya dipanjangkan, maka hendaklah ia menghubungkan silaturahmi."

Di antara amalan dan kaedah bagi menyemarakkan dan menyuburkan lagi kehidupan bersilaturahmi ialah:

- Memberi ucapan salam
- Sentiasa bermaaf-maafan
- Memberikan sumbangan
- Bertegur sapa
- Bermanis muka.

Menjauhi dan mengelak diri dari persengketaan dan permusuhan, sifat-sifat keji, buruk sangka dan berhasad dengki, seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Anas bin Malik hadis yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud:

"Jangan bersifat dendam, jangan dengki-mendengki, jangan bermusuhan-musuhan. Hendaklah kamu jadi hamba

Silaturahmi

Allah yang bersaudara. Dan tidak dihalalkan bagi seorang Islam meninggalkan saudaranya (tidak menegurnya) lebih dari tiga hari."

Ganjaran memelihara hubungan silaturahmi antaranya ialah individu berkecayaan akan memperolehi ketenangan jiwa dan penyebab doanya dikabulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam era yang serba canggih ini, kesibukan, tiada masa dan jarak tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak bersilaturahmi, sedangkan kita mempunyai berbagai-bagai kemudahan telekomunikasi misalnya telefon bimbit, perkhidmatan pesanan ringkas dan e-mel. Dengan bersilaturahmi ini juga akan mencetuskan kesan-kesan positif misalnya dengan pertemuan itu akan mendorong melahirkan sifat tolong-menolong, ramah, timbang rasa dan bersifat pemaaf. Ini kerana semua umat Islam itu adalah bersaudara.

Silaturahmi sekiranya dikaitkan dengan realiti kehidupan masyarakat hari ini, terutamanya masyarakat bandar, memang telah menampakkan tanda-tanda hubung-

an silaturahmi yang longgar dan retak. Hambatan dan faktor persekitaran yang menjadikan individu dan masyarakat tiada masa untuk mengambil tahu akan hal sekelilingnya walaupun jiran tetangganya. Oleh yang demikian kita seharusnya menghadirkan diri untuk memenuhi undangan jiran yang mengadakan majlis keraian seperti Majlis Doa Kesyukuran dan kenduri-kendara, situasi ini akan membuka ruang untuk berkenalan dengan lebih rapat dan terjalinnya persefahaman.

"...Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa), dan juga yang membiakkan dari kedua-duanya zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya serta peliharalah hubungan (silaturahmi) kaum kerabat kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu..." Surah An-Nisaa : 1.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

MIB utap tunjangi keamanan, kemakmuran negara

APABILA kitani mengimbas kembali sejarah Brunei yang terdahulu didapati falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan salah satu falsafah yang telah lama wujud sejak Sultan Brunei yang pertama lagi. Walau bagaimanapun, ianya mula dibarigakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa pemasyhuran kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984. Di antara inti pati titah baginda ialah:

"Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin Allah serta limah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-jamaah."

Daripada titah baginda, dapat dilihat betapa pentingnya falsafah Melayu Islam Beraja itu di dalam kehidupan bernegara. Definisi Melayu bagi Negara Brunei Darussalam ialah bangsa yang terdiri daripada tujuh puak iaitu Melayu Brunei, Murut, Dusun, Kedayan, Tutong, Belait dan Bisaya. Sementara Islam pula ialah agama yang telah dijadikan sebagai agama rasmi negara dan juga dijadikan sebagai cara hidup orang-orang Brunei. Agama Islam yang diamalkan di negara ini adalah berpandukan kepada Mazhab Syafie menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Beraja pula bermaksud sistem yang diamalkan di negara ini adalah berteraskan kepada sistem monarki.

Apabila dihayati ketiga-tiga komponen tersebut didapati ianya merupakan komponen yang integral. Ketiga-tiga komponen tersebut tidak boleh dipisah-pisahkan kerana jika ianya dipisah-pisahkan pasti akan tempang kehidupan purih Brunei di negara ini. Komponen-komponen tersebut amat diperlukan dalam menjalani kehidupan sama ada kehidupan individu tersebut bermasyarakat dan juga bernegara. Di dalam menjalani kehidupan di negara ini, kitani perlu taat kepada agama Islam dan juga pemerintah. Kitani perlu menanai sikap yang telah diajarkan oleh agama kitani, di samping mengekalkan bagi adat-adat orang Melayu kitani selagi ianya tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam.

Kesimpulannya ialah konsep MIB merupakan salah satu konsep yang mesti dihayati dan ditani oleh setiap individu yang menetap di negara ini. Dengan adanya penghayatan MIB ini, maka sebarang cubaan untuk menghancurkan negara sudah pasti akan dapat dihindari selagi mana rakyatnya mendukung konsep MIB di dalam jiwa masing-masing. Dapatlah dikatakan bahawa konsep MIB merupakan utap yang menunjangi keamanan dan kemakmuran di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Abdul Muin bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867, Kampong Serdang, Jalan Kota Batu, BD 2117.
No. k/p : 00-291429.

TAJUK-TAJUK MINDA
PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Pembangunan Sumber Manusia Penting Dalam Organisasi'. Tarikh tutup 31 Oktober 2007.
2. 'Isu Sosial Perlu Ditangani Secara Bersepadu'. Tarikh tutup 7 November 2007.
3. 'Isu Perubahan Cuaca Tanggungjawab Se-jagat'. Tarikh tutup 14 November 2007.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

Mewujudkan jati diri kebruneian

KONSEP Melayu Islam Beraja (MIB) sudah lama diamalkan di Negara Brunei Darussalam. Semenjak mencapai negara kemerdekaan pada 1 Januari 1984 pada tarikh keramat itulah buat pertama kalinya ungkapan MIB ini diperkenalkan. Konsep MIB bukanlah boleh ditiru, dicetak dan diputik dari mana-mana buku tetapi bersesuaian dengan keunikan, integrasi di dalam sistem sosiobudaya di negara ini.

Secara umumnya konsep MIB memainkan peranan yang penting dalam sistem pendidikan di negara ini. Di negara ini berlandaskan pelajaran Bahasa Melayu di sekolah dan tersusun rapi supaya identiti atau ciri-ciri kebruneian akan dapat dipupuk dan dipertahankan. Kita selaku anak jati Brunei memerlukan penghayatan bahawa konsep MIB terdiri dari tiga unsur komponen yang penting yang perlu kita tahu yang berpandukan kepada aki-

dah Islam yang terdapat di dalam MIB yang membawa maksud:

Melayu : Bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak jati bangsa Melayu yang dinamik dan dominan menjadi sandaran kehidupan beraja, berke-luarga bermasyarakat, ber-bangsa dan bernegara.

Islam : Agama rasmi negara menurut akidah Ahli Sunnah Waljamaah, di dalam Mazhab Syafie yang didapati menjadi yang lengkap, sempurna dan unggul.

Beraja : Pemerintahan beraja, iaitu sultan selaku pemimpin dan penaung kepada rakyat baginda yang memegang amanah

Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara.

Di negara kita ini, khasnya di dalam bidang pendidikan mata pelajaran Sivik mengandungi ciri-ciri MIB dan juga tradisi kebruneian. Seperti setiap sekolah diwajibkan bagi pelajar perempuan untuk menutup aurat (memakai tudung dan ber baju kurung). Para pelajar lelaki pula bersongkok dan berpakaian kemas sebelum masuk kelas bendera akan dinaikkan dan lagu kebangsaan akan dinyanyikan. Lepas itu barulah membaca doa sebelum masuk belajar bagi penuntut yang beragama Islam.

Walaupun bagaimanapun

kita perlu tegaskan dan fahamkan kepada mereka khususnya bagi generasi muda bahawa bukannya semua yang baru itu tahu apa itu MIB. Walau apa pun dengan kemunculan era globalisasi, tujuannya adalah untuk memberi pendedahan awal pada masyarakat untuk melahirkan rakyat yang berilmu mempunyai ciri-ciri warisan budaya berlandaskan MIB.

Dalam konteks berkenaan adalah menjadi tanggungjawab untuk mempertahankan konsep MIB untuk penghayatan

maksud sebenar falsafah MIB yang telah menjadi landasan hidup kita seharian bagi mewujudkan jati diri yang kental lagi tahan lasak serta mampu berdaya saing yang akan mempertahankan konsep MIB sampai bila-bila sehingga lahir generasi yang akan datang.

Noryati Juni,
No. 62 G, Kampong Sumbilling Lama,
Jalan Istana Lama,
Bandar Seri Begawan,
BN 1111.
No. k/p : 01-062559.

Hayati amalan dalam kehidupan

MELAYU Islam Beraja (MIB) merupakan falsafah Negara Brunei Darussalam seperti yang terkandung di dalam Perlembagaan Brunei 1959. MIB adalah tiga komponen penting iaitu Melayu, Islam dan Beraja. Ketiga-tiga komponen ini merupakan konsep yang memerlukan penghayatannya.

Melayu di dalam MIB memberi takrif bahawa Negara Brunei Darussalam adalah negara Melayu. Masyarakatnya perlu bersatu padu dalam mengamalkan nilai-nilai luhur kebudayaan Melayu dan identiti kebruneian. Maksudnya rakyat Brunei mestilah menghayati nilai-nilai luhur kebudayaan Melayu seperti awar galat dan hormat-menghormati serta mematuhi adat. Jadinya penghayatan itu penting dalam MIB ini kerana dengan adanya penghayatan segala nilai ini akan dapat ditanam dalam diri seseorang.

Islam dalam MIB merupakan pengukuhan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna sebagai agama yang hanya diakui oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Islam juga merupakan agama rasmi Negara Brunei Darussalam. Setiap rakyat juga mesti menghayati akan nilai-nilai terpuji dalam Islam seperti bersifat sabar, ikhlas, menepati janji, tidak berdusta dan sebagainya. Dengan penghayatan yang diberi seseorang itu pasti akan dapat mengikuti semua nilai yang terpuji ini dan penghayatan ini akan membuat kita sentiasa mentaati apa yang disuruh oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Beraja dalam MIB bermakna sistem kerajaan yang wajib ditaati oleh rakyat. Raja adalah payung bagi negara dan perpaduan bangsa. Beraja dalam konteks MIB ialah sultan yang sentiasa mengambil berat tentang kebajikan rakyat. Dalam konteks MIB, kasih dan taat kepada raja merupakan komponen identiti kebruneian. Raja mempunyai berat daulat dan pantang Melayu menderhaka kepada raja.

Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan bahawa MIB itu merupakan komponen yang penting yang memerlukan penghayatannya dalam mengamalkannya dalam hidup seharian.

Ramizah binti Haji Razali,
No. 350, Kampong Kuala Abang,
Layong, Tutong, TG 1343.
No. k/p : 00-312707.

Mengintegrasikan konsep Melayu Islam Beraja

KONSEP Melayu Islam Beraja (MIB) adalah negara yang telah bertapak lama di Negara Brunei Darussalam lebih dari 600 tahun. Konsep MIB telah dijadikan teras pemerintahan negara yang telah terbukti amat sesuai dan membawa keamanan, kemakmuran dan kestabilan politik Negara Brunei Darussalam.

Justeru itu, setiap rakyat dan penduduk di negara ini berkewajipan menghayati dengan sebaiknya inti pati konsep ini dalam menjaga dan memelihara kedaulatan pemerintahan beraja itu supaya terus kekal di bumi Darussalam ini.

Elemen Melayu tidak hanya merujuk kepada bahasa tetapi keseluruhan pula kehidupan orang Melayu Brunei yang merangkumi keperibadian Melayu yang bersopan santun, berbudi bahasa, menghormati orang yang lebih tua daripada kita, awar galat dan seumpamanya. Orang Melayu Brunei juga mempunyai warisan teknologi sendiri, berdaya kreatif, memiliki minda yang tajam dan mampu bersaing serta kompetitif dalam dunia global hari ini. Manakala penduduk yang bukan Melayu turut sama menyokong kepimpinan yang bertuanan Melayu dan menikmati kehidupan rukun damai dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Elemen Islam merupakan agama rasmi negara yang menjadi asas kehidupan beragama. Hukum-hukum Islam dijadikan panduan dasar pemerintahan dalam membangunkan masyarakat dan beraja, manakala rakyat dan penduduk yang bukan beragama Islam dibenarkan meng-

amalkan agama mereka masing-masing.

Elemen beraja pula menyatakan bahawa sultan adalah pemerintah tertinggi yang memerintah negara ini. Sultan adalah ketua kerajaan, ketua negara, ketua agama, ketua adat istiadat dan ketua pertahanan dan keselamatan yang bertanggungjawab melindungi rakyat dan penduduk negara ini, memelihara adat istiadat negara serta memerintah dengan adil dan bijaksana mengikut syariat Islam yang suci.

Penghayatan dan pemahaman mengenai konsep MIB boleh menyakinkan diri kita bahawa falsafah itu adalah yang terbaik untuk Negara Brunei Darussalam. Selain itu, rakyat dan penduduk perlu diintegrasikan mengenai konsep ini. Ke arah ini, peranan beberapa institusi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penerangan, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei dan sektor swasta amat diperlukan untuk menyebarkan maklumat dan memperbarikan sumber ilmu supaya penerapan konsep MIB itu terus merebak ke dalam pemikiran generasi muda kerana mereka inilah nanti yang akan mengurus hal ehwal negara dan menanai kedaulatan raja dan negara.

Mohamad bin Salleh,
No. 374, Kampong Lambak, Jalan Pasir Berakas.
No. k/p : 00-055222

REMAJA

ORAKLAH LANGKAH KITA ...

BELIA melimpahi sempadan! Satu harapan dan keinginan besar yang mahu diwujudkan di kalangan generasi belia remaja kita. Bagaimana mahu dilakukan, kalau ini tidak bermula dari kalangan generasi belia remaja kita sendiri. Mungkin agak 'ambitious' harapan dan cita-cita tersebut akan tetapi inilah yang mesti kita lakukan sekarang supaya kita mampu mewujudkan generasi yang kompetitif dan tahan lasak. Ada pepatah yang mengatakan: "Berfikir dan melangkahlah sejauhnyanya, agar terbina kekuatan dan kemampuan diri". Maknanya sekarang adalah era yang penuh dengan persaingan, yang mahu diwujudkan ialah generasi yang mampu bersaing dan mampu mewujudkan pembaharuan dan perubahan besar dalam kehidupan dan perubahan anjakan paradigma. Perubahan dan persaingan apa yang sehingga kita memerlukan generasi belia remaja yang melimpahi sempadan. Dalam konteks kehidupan kita ini ada beberapa perkara yang boleh dijadikan sebagai asas untuk berkembang antaranya ialah kemahiran, kesempatan, peluang, tindakan dan ancaman. Berdasarkan kepada beberapa faktor inilah kita perlu kepada mengasuh dan membimbing generasi belia remaja kita supaya mampu mengenali dan sanggup berubah ke arah yang lebih produktif dan dinamik.

MODEL BERKEMBANG

Model yang akan dilahirkan adalah model yang menjadi kebanggaan masyarakat dan negara. Mungkin banyak yang akan mempersoalkan, apakah yang dimahukan sehingga kita tergerak untuk membawa topik ini untuk kita kongsi bersama. Nyatanya memang agak besar juga peranan dan tanggungjawab yang diperlukan bila kita mengajak untuk mengantarabangsakan belia remaja.

Kenapa sekarang kita mahu menimbulkan persoalan sedemikian, sedangkan persoalan secara dalaman masih banyak lagi yang perlu kita berikan perhatian. Agaknya terlalu sukar juga untuk mencari jalan bagi membolehkan masyarakat belia dan remaja kita untuk berperanan lebih besar di arena antarabangsa yang bukan sahaja akan membolehkan mereka untuk melakukan kerja dan penglibatan yang lebih mencabar akan tetapi juga untuk membuka ruang minda dan pandangan kepada yang lebih ke hadapan.

OLEH : H. A. MANAP

Dalam era yang ada sekarang kita memerlukan golongan belia remaja yang berpandangan jauh dan mampu berperanan di peringkat antarabangsa. Namun untuk melaksanakan tugas tersebut kita perlu mempersiapkan kalangan mereka dengan pelbagai kepandaian dan kemahiran yang akan dapat dijadikan sebagai modal untuk diterima pakai di peringkat antarabangsa yang kita maksudkan. Maknanya di sini bukan setakat untuk menghadiri kursus, seminar dan persidangan yang diadakan akan tetapi menjadi pemikir, perunding serta perancang untuk keperluan tertentu yang memerlukan jalan dan pembaharuan. Meskipun tugas dan tanggungjawab ini agak berat namun kita perlu melihatnya sebagai suatu keperluan perkembangan dan memajukan generasi belia remaja kita.

CARA KITA

Caranya juga mestilah bersesuaian dengan kehendak dan kelulusan yang ada. Bagaimanakah caranya untuk kita menggerakkan hingga ke tahap yang kita fikirkan dan diperlukan oleh peringkat antarabangsa? Ada trend dan kecenderungan sudah semakin jelas kelihatan apabila ramai cendekiawan di rantau kita ini berperanan besar dalam menyumbang dan mengisikan arena ekonomi, pendidikan, kemahiran tinggi dan pelbagai lagi sehingga tidak lagi kekok menerima sebarang cabaran. Rata-ratanya ialah kalangan mereka yang masih muda dan mempunyai visi yang jelas ke arah pembaharuan.

Namun faktor usia yang ada bukan merupakan jurang yang menentukan sama ada cara

berfikir dan idea bernas dari mereka tidak boleh diterima. Perkongsian ilmu di kalangan yang berpengalaman yang terdiri dari cendekiawan akademik dan generasi akademik yang masih muda ternyata membuahkan adunan berfikir yang lebih dinamik dan proaktif. Hujah yang kuat dan rasional lagi berwujud menjadikan suasana keilmuan bertambah kukuh dan bertenaga. Suasana ini adalah kerana adanya peranan ilmu dan kemahiran yang mereka miliki, telah menempatkan sebahagian dari generasi muda ini di persada antarabangsa. Mereka tidak kekok dalam mengemukakan hujah dan pemikiran mereka. Rasanya dari pengalaman ini ternyata masanya juga sudah tiba bagi generasi muda yang berilmu dan berkemahiran untuk tampil di arena antarabangsa bersama-sama dalam berkongsi ilmu dan kemahiran. Kita yakin kebolehan dan kepandaian generasi muda kita juga tidak boleh dipertikaikan. Negara telah berjaya melahirkan generasi yang mempunyai bidang keilmuan yang tinggi.

PELABURAN BANGSA

Hasil dari pelaburan yang dilakukan berpuluh tahun yang lampau kita sudah mempunyai doktor pakar dari anak tempatan, para cendekiawan yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi di institusi pengajian tinggi di negara kita ini, dan banyak lagi hasil dari sediaan yang dilakukan untuk menghasilkan bangsa yang maju dan berilmu. Mereka ini adalah merupakan kalangan pemikir generasi muda yang boleh dimanfaatkan dan ditonjolkan di arena antarabangsa. Kita yakin kebolehan dan kemahiran inilah akan menjadikan kita sebagai sebuah bangsa yang disanjung dan digalati. Calak Brunei yang ada insya-Allah akan dapat mewarnai suasana ke-

ilmuan yang bukan setakat terhad di dalam negara kita malahan lebih jauh di arena yang dulunya diisikan oleh kalangan mereka yang dianggap maju sekian lama dari kita.

Perasaan rendah diri yang dulunya menjadi 'stigma' kehidupan juga sudah semakin luput dari kita meskipun ada ia tidak melekat sebagai penghalang untuk kita melangkah maju. Kesempatan sedemikian inilah perlu kita manfaatkan sebagai asas untuk berkembang. Melalui puncak menara gading yang megah menghasilkan graduan tempatan hinggalah kepada penghantaran peningkatan kemajuan di negara luar adalah 'capital investment' bagi sumber manusia negara kita. Kita perlu melimbatkan tangan serentak, menghalakan barisan ke hadapan dengan penuh semangat menuju matlamat kemajuan dengan penuh keyakinan. Kita maju dengan barisan hadapan yang akan menyerlahkan kewibawaan negara dan bangsa kita. Semuanya hanya akan kita capai jika kita melahirkan generasi muda belia yang berilmu dan berkemahiran tinggi. Kita juga perlu menjana nilai yang lebih kompetitif dan 'market driven' yang diyakini.

Dengan wujud suasana dan keadaan ini ketergantungan kita kepada sumber luar akan berkurangan dan ini akan dapat mewujudkan nilai dan calak tempatan yang lebih teguh dan berwujud. Pengalaman inilah yang akan kita bawa di arena antarabangsa, supaya produk ilmu dan sumber tenaga manusia itu mampu bersaing dengan mereka yang sudah lebih jauh dianggap maju. Bangsa dan negara yang maju itu akan lebih terserlah dengan izin Allah dari cara dan bagaimana keilmuan dan kemahirannya sampai melimpahi sempadan negara.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar 796 keluaran 10 Oktober 2007, ialah :

Serunai.

ALAI PINTAR



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 798

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 798,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 798

1. Apakah nama Alat Kebesaran dan Perhiasan Diraja ini?

Tiada Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 796 keluaran 10 Oktober 2007

U

BID baru saja keluar dari bilik doktor yang merawat Nila. Doktor India. Mereka berbincang mengenai penyakit Nila, mujurlah doktor India itu pandai berbahasa Melayu walau cuma 'pacah-pacah bigi.'

Ubid perlahan-lahan duduk atas kerusi dekat katil Nila, katil yang telah mencatat entah berapa orang yang sudah meninggal dunia di ribaannya. Ubid tidak mahu Nila yang sedang tidur itu terbangun. Tapi deria urat saraf Nila amat tajam mengesan kehadiran Ubid walaupun cuba disembunyikannya.

Sinar mata Nila yang sayu itu jelas melukiskan garis-garis duka di wajahnya yang mengguris hiris perasaan Ubid. Tidak ada sesuatu pun yang menggem-birakan setiap kali dia berbincang dengan doktor mengenai penyakit isterinya melainkan kematian.

"Pasti doktor itu kata saya akan mati ...!"

"Semua itu cuma pendapat doktor ..."

"Tapi doktor tak boleh berbohongkan ...?"

"Tapi semua itu tidak boleh dipercayai."

Semua doktor kata begitu. Semua doktor berpendapat seperti itu dan semua doktor akan kata macam itu, mahu menghitung kira umur seseorang walau cuma kerana satu penyakit. Kanser yang terkenal bernoktahkan maut itu.

Pendapat doktor semuanya sama, kerana mereka mempelajari bidang yang sama.

"Abang ...!" Nila memanggil suaminya. Ubid terkejut lalu memandang wajah isterinya, tapi apa yang dapat dilakukan oleh seorang lelaki tua seperti Ubid untuk menolong meringankan kesakitan isterinya. Bola mata Ubid berair.

"Hampir setahun saya di sini bang, saya banyak menyusahkan abang," Nila tunduk dan matanya pula yang berair.

"Kenapa cakap macam itu ...?"

"Saya akan mati bang ... saya tidak mau masuk neraka ...!"

"Apa yang kamu cakap ni ...?"

"Kerana itulah saya hendakkan sesuatu dari abang."

"Apa dia? katakanlah ..."

"Saya mau masuk ke dalam Kaabah ...!"

Permintaan isterinya kali ini teramat berat. Ubid tahu malah Nila pun tahu orang-orang yang pergi ke Mekah itu adalah orang-orang yang beragama Islam, sedangkan mereka tidak mempunyai apa-apa pegangan.

Ubid terpaksa memanggil jururawat untuk berbuat sesuatu bagi menenangkan isterinya yang sedang meracau itu. Tapi Nila tidak mahu disuntik kerana dia bukan membebel yang tidak-tidak. Nila berkata benar dalam sedar dan waras, dia cuma menghidap kanser tapi bukan sakit jiwa.

"Mengapa kamu minta yang tidak-tidak ...?"

"Jika kita di sana nanti penyakit saya akan sembuh."

"Dari mana kamu dengar semuanya ini ...?"

"Orang sebelah yang cakap macam itu bang."

Ubid diam. Ubid juga pernah mendengar begitu. Tapi untuk ke sana wajib menjadi orang Muslim terlebih dahulu. Kalau cuma memeluk agama Islam itu tidak ada masalah, tapi bagaimana pula hendak masuk ke dalam Kaabah ...?

Nila memang sudah lama bertarung dengan maut. Keazaman wanita yang berumur lebih 60 tahun untuk hidup itu dapat membantu sedikit meringankan sakit yang ditanggungnya.

Nila sudah bosan jadi penghuni hospital. Apa yang dia nampak cuma wajah-wajah yang sedang menderita. Jasad-jasad mereka cuma menunggu waktu untuk dihumbankan ke dalam kereta jenazah. Senyuman manis dari setiap jururawat juga sudah tidak punya erti lagi, semua itu cuma hiasan bibir mereka yang sedang bertugas.

"Abang tak payah tunggu saya. Jika abang sakit nanti siapa pula yang nak tunggu abang." Ubid terharu mendengar keluhan isterinya itu.

Inilah satu-satunya pengorbanan dari seorang yang bergelar suami untuk sang isteri. Ubid tidak tergagak meninggalkan isterinya terlantar bergelut dengan kesakitan yang bila-bila saja akan meninggalkan dirinya.

"Kita bukan orang Islam macam mana hendak pergi ke Mekah."

"Kita memeluk agama Islam ... boleh kan bang ...?"

Ubid mengalihkan pandangannya ke sudut lain. Sekarang Nila perlukan simpati dan sokongan apa saja untuk terus hidup. Kerana itu Ubid harus bijak memilih keputusan jangan sampai mengecewakan isterinya.

"Isteri kita punya hajat besar untuk ke sana." Kata Ustaz Haji Mail seorang penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, apabila Ubid meminta nasihat sebelum dia membuat apa-apa keputusan.

"Tapi ustaz, isteri saya juga ingin masuk ke dalam Kaabah ..."

"Semua itu kita serahkan kepada Allah, yang wajibnya abiskita memeluk agama Islam terlebih dahulu." Ubid mengangguk-anggukkan kepalanya tanda faham.

"Jangan fikir terlalu lama, ini adalah satu hidayah dari Allah." Jelas Ustaz Haji Mail lagi sambil mengurak senyum dakwahnya sebagai pemanis wajah. Nampak barisan giginya yang cantik dan sekubit janggut di bawah bibirnya.



Oleh : Maya Brunei

CINTA MASIH BERBUNGA

"Tapi isteri saya tu sakit ustaz ..."

"Kita bertawakal saja kepada Allah ..." Sambung Ustaz Haji Mail sambil membentulkan kupiah hitamnya yang hampir mencecah kirai itu.

NILA DIBENARKAN KELUAR DARI WAD ATAS KEHENDAK SENDIRI ...

Enam minggu sebelum pemergian mereka ke Mekah untuk mengerjakan umrah, Ubid dan Nila telah menjadi keluarga Islam. Dengan kebesaran Allah berserta kekuatan fizikal yang ada pada Nila, dia sudah boleh bangun sendiri. Ubid dikenali dengan nama Umar bin Abdullah dan Nila memilih nama Nisa binti Abdullah.

Dengan berbekalkan niat yang suci dan keyakinan kepada Allah yang akan menganugerahkan mereka kekuatan serta kelapangan. Mereka telah menjadi tetamu Allah yang berada di Bumi Haram yang penuh dengan kesejahteraan itu.

"Kita sedang berdepan dengan Kaabah bang."

"Inilah kuasa Allah dan harapan kita terlaksana."

Dengan suara terputus-putus Umar (Ubid) cuba mententeramkan hati isterinya Nisa (Nila). Nisa memandang wajah suaminya, nampak butir-butir air jernih di kelopak mata suaminya yang cengkung itu. Nisa terharu.

"Syukurlah bang ... Jika saya mati di sini pun saya tidak akan kesal lagi." Nisa memegang tangan suaminya lalu menciumnya.

"Jangan cakap macam itu kita tidak akan berpisah."

Umar dan Nisa berada di tengah-tengah kerumunan manusia yang sama-sama mengerjakan ibadah tawaf itu. Umar begitu tenang mendorong isterinya dengan kerusi rodanya yang sesekali melanggar kaki orang. Umar juga tidak terkecuali jadi mangsa kerusi roda orang lain.

"Kenapa abang sedih ...? Saya banyak menyusahkan abang?"

"Abang bukan sedih pasal itu, cuma abang rasa tidak dapat menunaikan satu permintaan kamu itu." Umar mengingatkan sesuatu selepas mereka selesai tawaf.

"Tak mengapa bang, saya faham apa sebenarnya yang saya inginkan itu tidak mudah untuk ditunaikan."

"Maafkan abang jika kali ini abang menghampakan keinginan kamu."

"Saya rasa bersyukur kerana sudah menjajakkan kaki di bumi suci ini bang." Bagaikan kapas Umar merasakan badannya kerana terlepas dari sebuah tuntutan isterinya yang begitu berat dirasakannya.

"Bawa saya ke Hijir Ismail bang ...! Pinta Nisa selepas selesai menunaikan

NILA sudah bosan jadi penghuni hospital. Apa yang dia nampak cuma wajah-wajah yang sedang menderita. Jasad-jasad mereka cuma menunggu waktu untuk dihumbankan ke dalam kereta jenazah. Senyuman manis dari setiap jururawat juga sudah tidak punya erti lagi, semua itu cuma hiasan bibir mereka yang sedang bertugas.

Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, Umar bingung.

"Semalam saya bermimpi seorang wanita mengatakan, jika hendak masuk ke dalam Kaabah masuk saja ke dalam Hijir Ismail."

"Tapi itu cuma mimpi ..."

"Saya mimpi di Tanah Suci bang."

"Nanti abang akan tanyakan pada ustaz dulu ..."

Sebagai orang baru dalam keluarga Islam tentu masih banyak lagi yang belum diketahui oleh Umar dan kerana itu dia tidak mahu berbuat sesuatu yang belum pasti betulnya. Umar meminta kepastian dari seorang ustaz yang sejemaah dengan mereka.

"Alhamdulillah ... mimpi isteri pak cik itu adalah benar." Kata ustaz Umar merasa lega, dia akan menunaikan kehendak isterinya itu.

Dengan tenang Umar membelah kesesakan di tengah orang ramai yang sedang mengerjakan ibadah tawaf waktu itu. Mereka dengan mudah memberikan laluan kepada orang-orang yang berkerusi roda seperti Nisa, walau dengan perasaan yang sepertinya tidak ikhlas.

"Allahuakbar ...!"

Cuma itu yang terkeluar dari mulut Umar apabila melihat isterinya turun dari kerusi roda terus berjalan masuk ke dalam Hijir Ismail tanpa dipapahnya. Umar tergamam seketika dan perasaannya semacam melayang-layang.

Begitulah namanya setiap tetamu yang bertandang, di penghujungnya pasti akan pulang juga. Umar dan isterinya Nisa mengakhiri hari-hari bahagia itu yang tidak pernah mereka rasakan sebelum ini.


Selepas Tawaf Wida' Umar dan isterinya bersembahyang sunat tawaf. Tangan ditadahkan memohon doa agar kedatangan mereka itu bukan kali pertama dan terakhir. Belum lagi kaki mereka melangkah untuk pulang ke Negara Brunei Darussalam, namun kerinduan untuk datang lagi ke tempat mulia itu sudah bertapak dan berbunga dalam hati mereka.

Langkah demi langkah Umar dan Nisa meninggalkan Kaabah dengan perasaan sayu bercampur hiba dan sedih, umpama meninggalkan kekasih yang belum puas bermesra dan belum tentu bertemu lagi atau tidak.

Tiba-tiba telekung Nisa dipegang orang dari belakang. Nisa terperanjat lalu menoleh.

Seorang wanita entah berbangsa apa bermuka bujur agak cengkung, berbadan gempal dan pendek yang kira-kira seumur dengan menadah tangan hendakkan sesuatu. Nila menghulurkan wang lima Riyal. Wanita itu senyum tanda berterima kasih.

Baru saja Nisa melangkah kakinya, spontan dia teringat itulah wanita dalam mimpinya yang mengatakan bahawa Hijir Ismail itu adalah sebahagian daripada Kaabah. Nisa menoleh mahu memastikan lagi wajah wanita itu, tapi wanita itu sudah hilang dalam arus kepadatan manusia di bumi berkah yang tidak pernah lengang sepanjang musim itu.





Diterbitkan dengan kerjasama
Dewan Bahasa dan Pustaka

ISTILAH MATEMATIK SUBBIDANG : ASAS SAINS KOMPUTER

BAHASA INGGERIS

BAHASA MELAYU

input
input/output
input/output device
integrated program
intelligent terminal
intensity control
interaction
interface card
interface logic
interlaced scanning
internal memory
internal storage
interpreter
interrupt
inverted file
item size
iteration
Job Control Language
(JCL)
joystick
justification
key stroke
keyboard
keypad
keyword
kilobyte
lap-top computer

large-scale computer
large-scale integration
(LSI)
laser disk
last in first out (LIFO)

latency
layered protocol
left margin
letter-quality printing
light emitting diode
(LED)
light pen
line feed
line number
line printer
line speed
line status
line switching
line termination unit
linear programming
liquid crystal display
(LCD)
list processing language

list protect
listing device
load and go
load module
loader
local area network (LAN)

logged disk
logic circuit
logic design
logic diagram
logical file
logical operation
logical reasoning
logical unit
loop statement
low level programming
language
low memory
low resolution graphic
lower case
machine code
machine cycle
machine dependent
machine independent
language
machine instruction
machine language
machine readable
machine translation
machine-aided translation

input
input/output
peranti input/output
atur cara bersepadu
terminal cerdas
kawalan keamanan
interaksi
kad antara muka
logik antara muka
imbasan selang-seling
ingatan dalaman
storan dalaman
pentafsir
sampukan
fail songsang
saiz butir
lelaran
bahasa kawalan kerja

joistik
justifikasi
cacakan kekunci
papan kekunci
pad kekunci
kata kunci
kilobait
komputer pangku/
komputer riba
komputer skala besar
penyepaduan skala besar

cakera laser
masuk kemudian keluar
dahulu
masa pendam
protokol berlapis
jidar kiri
cetakan mutu huruf
diod pancar cahaya

pen cahaya
lpemasuk baris
nombor baris
pencetak baris
laju baris
status baris
pensuisan talian
unit penamatan talian
pengaturcaraan linear
paparan hablu cecair

bahasa pemprosesan
senarai
lindung senarai
peranti penyinarai
muat dan jalan
modul muatan
pemuat
rangkai kawatan
tempat
cakera log
litar logik
rekabentuk logik
gamba rajah logik
fail logik
operasi logik
penaakulan logik
unit logik
pernyataan gelung
bahasa pengaturcaraan
peringkat rendah
ingatan rendah
grafik resolusi rendah
huruf kecil
kod mesin
kitaran mesin
bersandar mesin
language bahasa tak
bersandar mesin
arahan mesin
bahasa mesin
terbaca mesin
penterjemahan mesin
penterjemahan dibantu
mesin

Bersambung

Halaman Puisi... Halaman Puisi...

HAKIKAT

Subhanallah
Alhamdulillah
Allahuakbar
ya Ilahi.

Dalam perubahan-perubahan
dalam aturan-aturan-Mu
dalam cepat takdir-Mu
aku menahan
agar dapat tenang.

Aku sedar
atas pemberian-Mu
segala dugaan-Mu
segala kurnia-Mu
aku tenang ...

Dari-Mu ya Allah
semua itu akan hilang
semua itu akan lenyap
semua itu tidak kekal, biar apa pun
kesudahannya
aku tidak putus harapan
tidak akan aku berputus asa
kerana itu hakikat hidup ini ...

SIFAT-MU ...

Allahumma ya Allah.

Engkau telah menyebut diri-Mu
dengan sifat pengasih
maka aku bermohon
akan keampunan dan belas kasih-Mu.

Engkau telah menyebut diri-Mu
dengan sifat kuat dan besar
maka aku bermohon
akan kebebasan dan kegagahan-Mu.

Engkau telah menyebut diri-Mu
dengan sifat kaya dan suci
maka aku bermohon
akan kekayaan dan kesucian-Mu.

Engkau telah menyebut diri-Mu,
dengan sifat kuasa dan kehendak
maka aku bermohon
akan pertolongan dan hidayah-Mu.

Engkau telah menyebut diri-Mu
dengan sifat pemurah dan penyayang
maka aku bermohon
agar aku tetap dalam peliharaan-Mu ...

Amin ya Allah ...

Aziee A.R.

JAMBATAN

Jambatan yang panjang terbentang lurus
lebarannya bagaikan seutas benang yang halus
di bawah jambatan hutan belukar
dan tujuh unggun merah menyala
berserta segala binatang berbisa
menunggu mangsa
yang pelbagai rupa.

Al-Quran mengkhabarkan
yang amat menakutkan.

Satu demi satu anak-anak Adam
melewati jambatan panjang
ke tanah seberang
yang bermacam-macam menghalang
jika salah pandang
badan jatuh melayang
dan manusia akan dijulang
dua persimpangan jalan yang terganggu
yang satu jalannya beronak duri berbisa
kedua jalannya air bening mengalir
penuh dengan tamar
lazat dan segar
Al-Qur'an membawa khabar.

Sebelum senja berakhir
menutup tabir
jangan terleka
akan hal dunia
di dunia hanya perhentian sebentar
akhirat juga tempat yang sebenar.

APAKAH

Ya Tuhan
apakah Engkau bakar hati mukmin-Mu!
apakah Engkau bakar lidah mukmin-Mu!
tiada jemu-jemu menyebut nama-Mu.
apabila menjelang Subuh
hingga ke hujung malam berlabuh
mabuk bercinta penuh ghairah
dihamparan sejadah
berkiblatkan Baitullah
khusus menyerah.

Ya Tuhan
apakah Engkau bakar seluruh badan!
mukmin beriman
siang malam
hatinya tenteram
sering kali mengetuk pintu-Mu
tiba-tiba waktu

sebelum terbitnya fajar
dan sebelum senja berakhir
hatinya putih
seputih hati Nabi.

Ya Tuhan!
ampunkan dosa-dosa mukmin.

Mahadi R. S

SIDANG BERSIDANG

Majlis bermula dipersidangan
dibilik dingin untuk bicara
buat sidang bersidang pandangan.

Tuan puan mencari rangka
rangka perjalanan jalan pembuka
setara lidah persilangan pendeta.

Pelbagai kiasan ragam aneka
usul bersusun singkap suasana
satu persatu agenda dibuka.

Pokok dasar ditumbuhkan
menunggu dedaun disuburkan
debunga senyawa merangkai bicara
siap sedia mengorak acara.

Sidang masih bersidang
pokok usang ditebang tumbang
benih disemai di ladang terbentang
buat penutup penamat sidang.

Bulat sidang dipembentukan
puncak tujuan para cendekiawan
tunas kemegahan ditumbuhkan
sidang besidang mercu kejayaan.

Seribadi

KEMBALI

Engkau kata kau rindu padaku
engkau tak tahan menahan kerinduan
perjumpaan di atur namun janji
engkau mungkir
ku cuba hubungimu
namun kebisuanku dapat
mengapa?
mengapa? Kau buat segalanya padaku?
hati merintih sedih pedih dan pilu.
hati menangis ...

Sayang
hentikanlah
derita hidupku
kembalikanlah semangatku
yang kau bawa pergi
kembalikanlah kehidupanku
yang pernah kau warnai
keindahan bersama
genggamalah erat tanganku
bawa ku pergi mengejar pelangi ...
kembalilah padaku ...

Ndzah 2912

CARI MAKAN

Kaum marhaen
tekan dan gigih
tanpa mengira waktu
keringat di mana-mana
demi untuk hidup
mereka mencari makan
di mana-mana
asal ada tamu
yang mahu menjengoknya.

Kaum marhaen
cari makan yang halal
bukan kerja dengan majikan
cari makan sendiri
atas titik peluh sendiri
bukan mengharap bulan
bukan menunggu masa
tiada kerja
tiada wang
tiada hasil
tiada untung
apa mahu dikunyah
mungkin lapar
mungkin sakit
mungkin mati
itulah hidup seorang marhaen
usaha keringat sendiri
tawakal kepada Allah.

Haji Sulaiman Haji Duraman

CINTA AYAH

Ayah ...
kerutan wajahmu
tak terkira
mendung nan lara

kau tutupi ketawa
agar anakmu tetap gembira.
Ayah ...
kerdil tubuhmu
tak kau peduli
perut kempis tak terkira
asal amanah Yang Esa
tetap kau jaga.

Ayah ...
kau tak mengira
guruh ... guntur berdentum
hujan lelebar memancar
tetap kau redah jua
bagai tidak bahaya.

Ayah ...
anakmu tak tahu
jerit payahmu
hanya tahu meminta
kau tetap memberi
apa yang ada
walau mulutmu tak mengunyah apa.

Ayah ...
kau hanya tahu
bahawa rezeki di mana-mana
walau payah kau mencarinya
kau tetap mencuba
di hatimu cuma
rezeki untuk kami semua.

Ayah ...
hari ini kau bawakan sesuap cuma
kau tak berkira
kerana kau tahu
rezeki itu pasti ada
untuk hari esoknya.

B. suma

JUNJUNGAN KASIH

Ibu yang tersayang
engkau adalah harapan syurgaku
ku junjung jasa baktimu
belaian kasih sayangmu terasa memukul
jiwaku.

Betapa peritnya jeritan batinmu
betapa sakit dan derita engkau
menanggungku
pengorbananmu adalah yang teragung
yang patut dijunjung dan disanjung.

Di saat ini
adakah kau tahu bahawa aku amat
memerlukanmu
adakah kau tahu betapa aku sayang
kepadamu
janganlah engkau pergi meninggalkan diriku.

Kau adalah segalanya bagiku
kau bagaikan permatamata yang sentiasa
menyinari hidupku
tanpamu aku keseronangan
tanpamu aku kesepian.

Pemergianmu ku redai
walaupun berat terpaksa ku tempuhi
segala kasih sayang yang ku peroleh darimu
akan ku kenang abadi sehingga akhir
hayatku.

Hanya doa restu Ilahi dari anakmu
semoga jasad dan roh ibu dicucuri rahmat
aman, tenteram dan beriman
syurga jua tempat penghijrahanmu.

SESAL

Sudah tak tahan untuk menahan
peluru bertubi-tubi ditembakkan
menyakitkan kepalaku yang kerdil ini
amat sengsara untuk menangkisnya.

Tiada harapan untuk bersemuka
dirayu, dipujuk namun tiada gema
hanya kata-kata kasar lahir dari mulut
yang kecil
hanya keegoan yang menerjah.

Air mula melekat pada pipinya
terkenang nasihat sahabat seperjuangan
sudah tuah nasib agaknya dia berada di sana
harapan yang tinggi sudah tiada bererti.

Seperti kata nasihat orang tua
sesal dulu pendapaan
sesal kemudian tak berguna lagi
begitulah sudah suratan takdir yang
jadi penentuan.

Namun demikian
esok masih ada
biarlah sisa-sisa hidup itu
penuh dengan penyesalan dan taubat
mulakan kehidupan yang baru,
yang lebih menyakinkan.

Masa yang lalu
mungkin nostalgia bentuknya
namun jadikanlah tauladan buat kehidupan
untuk hari-hari yang masa bersinar.

Siti Umirah binti Mohamad



سنتيات برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RTB 5 & 8

RABU 24 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA BMR KOD 486
11.00	SILVER SUN
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.20	BIG GUY AND THE RUSTY THE BOY
4.45	GOD LOVES STROKS
5.15	DRAMA MOU - 'Ranjang Impian'
5.45	BERITA
6.04	AZAN MAGHRIB
6.30	FINGER TIPS
6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.15	AZAN ISYAK
7.30	TYM
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	BULETIN SUKAN
9.00	TEATER KLASIK P.RAMLE - 'Jangan Tinggal Daku'
10.00	NEWS AT 10
11.15	SALAM AIDILFITRI (BOMBA) - Ulangan
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 25 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA BMR KOD 486
11.00	SILVER SUN
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	ADAM DAN HAWA
12.06	AZAN ZUHUR
12.15	BARBIE MY SCENE GOES TO HOLLYWOOD

PETANG

1.30	INNOV 8
------	---------

2.00	TAYANGAN GAMBAR KLASIK - 'Dandan Setia'
3.25	AZAN ASAR
4.30	DRAGON TALES
5.00	BEYOND 2000
5.45	BERITA
6.04	AZAN MAGHRIB
6.15	INNOVATION
6.45	INFO MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

MALAM

7.00	BICARA REMAJA
7.15	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA TELEMOTIE RTB/RTM - 'Mengapal Awan Di langit'
1.35	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 26 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	THE MAGIC SCHOOL BUS
10.45	FRANKLIN
11.15	HIKAYAT
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMAHAYANG FARDU
	JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN
2.30	PERINTIS
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Aatank Hi Aatank'
3.25	AZAN ASAR
5.45	BERITA
6.04	AZAN MAGHRIB
6.15	QUDWAH
6.45	BICARA IMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.14	AZAN ISYAK
7.30	RANJAU KEHIDUPAN
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TELEDRAAMA - 'Madu Oh Madu'
10.00	NEWS AT 10
11.15	ULASAN KHUTBAH JUMAAT

11.30	NUMBER
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 27 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
8.45	SAMBUTAN HARI GURU 2007
12.00	RANCANGAN HARI INI
12.06	AZAN ZUHUR
12.35	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Joseph Gift'

PETANG

2.00	WORKING ANIMALS
2.30	RECORD BREAKERS
3.00	THE E-RING
3.25	AZAN ASAR
5.00	DOKUMENTARI HARI GURU
5.30	ACCORDING TO JIM
5.45	BERITA
6.04	AZAN MAGHRIB
6.20	ISLAMIC SCHOLAR
6.45	PEDOMAN AKIDAH

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.14	AZAN ISYAK
7.35	BODY AND SOUL
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	BULETIN SUKAN
9.00	40 TAHUN DI ATAS TAKHTA
9.30	FORUM HARI GURU
10.00	NEWS AT 10
11.15	TAYANGAN GAMBAR - 'Suddenly'
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 28 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SUPER ROBOT
10.45	MONKEY TEAM
11.15	W.I.T.C.H
11.30	PADA SUATU HARI
11.45	BERITA
	SUNDAY MATINEE - 'Lockness'

ISNIN 29 OKTOBER

PETANG

1.15	GUINNESS
	WORLD RECORDS
2.15	SCIENCE WORKSHOP
2.45	TRANSIT
3.25	AZAN ASAR
3.31	WANITA
4.00	FUN TIME
4.30	MR. BEAN: THE ANIMATION SERIES
5.00	MAHLIGAI
5.30	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN
5.45	BERITA
6.04	AZAN MAGHRIB
6.11	LAGENDA
6.30	BEYOND 2000

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA
7.14	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	BULLETIN SUKAN
9.00	FORUM HARI GURU
10.00	NEWS AT 10
10.45	TABIR AIDILFITRI
11.45	BEAUTIFUL PEOPLE
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 29 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.05	DRAMA BMR KOD 486
11.00	SILVER SUN
11.30	HEALTHY HOME
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.20	TEDDY BEARS
4.45	ATOM
5.15	GILLETE
	WORLD OF SPORT
5.45	BERITA
6.03	AZAN MAGHRIB
6.15	LATITUDE
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
------	----------------

7.14	AZAN ISYAK
7.30	LINGKARAN IMAN
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	BERPIJAK
	DI BUMI YANG NYATA
9.30	WARNA WARNI
10.00	NEWS AT 10
10.45	TETAMU SUKAN
11.15	INVASION
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 30 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA BMR - 'Kod 486'
11.00	SILVER SUN
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.20	CYBER CHASE
4.45	WHAT'S WITH ANDY
5.15	CONTROL FREAKS
5.45	BERITA
6.00	ME@TV
6.03	AZAN MAGHRIB
6.45	AL ISLAM

MALAM

7.00	SMS SERIAL
	MISTERI SELASA
7.14	AZAN ISYAK
7.35	MENARA IMPIAN
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TINJAUAN
9.30	MR. BEAN
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN
	ANTARABANGSA
11.15	RELATED
12.00	4400
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

SUSUNAN RANCANGAN TELEVISYEN (PERCUBAAN)

RTB 2

RABU 24 OKTOBER

PETANG

6.45	LAGU KEBANGSAAN
6.47	SURAH AL-FAATIAH & SURAH PILIHAN

MALAM

7.00	HABIBI & HABIBAH
7.15	AZAN ISYAK
8.00	SWEET SPY
8.30	TUHAN ADA DI MANA-MANA
9.00	ENGLISH PREMIER LEAGUE
10.00	BERITA NASIONAL

KHAMIS 25 OKTOBER

PETANG

6.45	LAGU KEBANGSAAN
6.47	SURAH AL-FAATIAH

& SURAH PILIHAN

MALAM

7.00	HABIBI & HABIBAH
7.15	AZAN ISYAK
8.00	BERSAMA MUFTI di RTB2
8.30	ISLAM THE OTTOMAN LEGACY
9.00	KU SEBUT NAMAMU
10.00	BERITA NASIONAL

JUMAAT 26 OKTOBER

PETANG

6.45	LAGU KEBANGSAAN
6.47	SURAH AL-FAATIAH & SURAH PILIHAN

MALAM

7.00	HABIBI & HABIBAH
------	------------------

7.14	AZAN ISYAK
8.00	CIKGU HALIM
8.30	ONLY IN
9.00	KU SEBUT NAMA MU
10.00	BERITA NASIONAL

SABTU 27 OKTOBER

PETANG

6.45	LAGU KEBANGSAAN
6.47	SURAH AL-FAATIAH & SURAH PILIHAN

MALAM

7.00	HABIBI & HABIBAH
7.14	AZAN ISYAK
8.00	CIKGU HALIM
8.30	EVERYBODY
	LOVES RAYMOND
9.00	THE WORLD FUNNIEST
10.00	BERITA NASIONAL

AHAD 28 OKTOBER

PETANG

6.45	LAGU KEBANGSAAN
6.47	SURAH AL-FAATIAH & SURAH PILIHAN

MALAM

7.00	HABIBI & HABIBAH
7.14	AZAN ISYAK
8.00	ENGLISH PREMIER LEAGUE
8.30	MALAY MOVIE - 'Mami Jarum Junior'
10.00	BERITA NASIONAL

ISNIN 29 OKTOBER

PETANG

6.45	LAGU KEBANGSAAN
6.47	SURAH AL-FAATIAH

& SURAH PILIHAN

MALAM

7.00	HABIBI & HABIBAH
7.14	AZAN ISYAK
8.00	SWEET SPY
9.00	NAVY NCIS
10.00	BERITA NASIONAL

SELASA 30 OKTOBER

PETANG

6.45	LAGU KEBANGSAAN
6.47	SURAH AL-FAATIAH & SURAH PILIHAN

MALAM

7.00	HABIBI & HABIBAH
7.14	AZAN ISYAK
8.00	SWEET SPY
9.00	BONES
10.00	BERITA NASIONAL



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

BILANGAN TAWARAN : JPA/APM.2007/03 (S)

1. TAWARAN dipelawa untuk mengubahsuai dalaman dan menjalankan urus niaga "KEDAI TRAVEL ACCESSORIES DAN/ATAU KEDAI BUKU & STATIONERIES" di Dewan Bertolak, Tingkat Satu berdekatan tapak Telekom Brunei Berhad (Telbru), di Kompleks Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis dengan tanpa menunjukkan identiti atau logo Syarikat :-
TAWARAN UNTUK MENGUBAHSUAI DALAMAN DAN MENJALANKAN URUS NIAGA KEDAI 'TRAVEL ACCESSORIES' DAN/ATAU KEDAI BUKU DAN STATIONERIES DI DEWAN BERTOLAK DI TINGKAT SATU, BERDEKATAN TAPAK TELEKOM BRUNEI BERHAD (TELBRU), DI KOMPLEKS TERMINAL, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI -
Bilangan Tawaran : JPA/APM.2007 / 03 (S).
Tarikh Tutup : 30 Oktober 2007

Kepada :-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perhubungan,



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran : JKP/KPSU/TAW.SH/243/2007/38

TAJUK TAWARAN : "SUPPLY, DELIVERY & MAINTENANCE OF TWO NOTEBOOK FOR TOURISM DEVELOPMENT DEPARTMENT"
Yuran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : Khamis, 8 November 2007, jam 2.00 petang.

Syarat-syarat Tawaran:-

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat dan Pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Tingkat 5, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam
dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang bertempat di Tingkat 5, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam setiap tawaran tersebut.
2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
3. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 4, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada waktu-waktu seperti berikut:
Isnin - Khamis : 9.30 pagi - 11.30 pagi,
: 2.00 petang - 3.00 petang
Sabtu : 8.30 pagi - 10.00 pagi
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran asal yang telah disediakan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

**Bangunan Kementerian Perhubungan,
Jalan Menteri Besar BB3510,
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar bersama-sama dengan surat pengakuan yang menyatakan bahawa Penender berkenaan telah membaca dan memahami segala syarat-syarat dan Peraturan ("Terms and Conditions") yang tercatat di para 3.0.
4. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 30 Oktober 2007. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

UBD/E8/25/2007

TO SUPPLY AND DELIVER OF TEACHING MATERIALS FOR PHYSICS LABORATORY SCIENCE AND MATHEMATICS EDUCATION, SHBIE, UBD.
Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 25.00 (Tidak dikembalikan)

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 30 Oktober 2007.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:-
PENERUSI,
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (A),
BLOK A, TINGKAT 1,
BANGUNAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) hendaklah dibayar dengan WANG TUNAI.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:-

ISNIN - KHAMIS : 8.00 pagi - 11.00 pagi
: 1.30 petang - 2.30 petang
SABTU : 8.00 pagi - 10.00 pagi

